



MALAYSIA

# PENYATA RASMI PARLIMEN

*Parliamentary Debates*

## DEWAN RAKYAT

*House of Representatives*

### PARLIMEN KETIGA BELAS

### PENGGAL KEEMPAT

### MESYUARAT KEDUA

---

---

**Bil. 26**

**Selasa**

**24 Mei 2015**

---

### KANDUNGAN

**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN** (Halaman 1)

**USUL MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH P.M. 18(1):**

■ **Banjir Kilat di Kuala Lumpur**

- *YB. Puan Nurul Izzah binti Anwar (Lembah Pantai)*

(Halaman 26)

**RANG UNDANG-UNDANG:**

Rang Undang-undang Pengambilan Tanah (Pindaan) 2016

(Halaman 28)

Rang Undang-undang Kanun Tanah Negara (Pindaan) 2016

(Halaman 56)

**MALAYSIA**  
**DEWAN RAKYAT**  
**PARLIMEN KETIGA BELAS**  
**PENGGAL KEEMPAT**  
**MESYUARAT KEDUA**

**Selasa, 24 Mei 2016**

**Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi**

**DOA**

*[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee)  
mempengerusikan Mesyuarat]*

---

**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**

1. **Tuan Haji Ahmad Nazlan bin Idris [Jerantut]** minta Menteri Pendidikan Tinggi menyatakan apakah bentuk kerjasama pendidikan tinggi yang sedang dilaksanakan bersama rakan sejawat negara-negara ASEAN dan manfaat yang diperoleh oleh Malaysia.

**Timbalan Menteri Pengajian Tinggi [Datuk Yap Kain Ching @ Mary Yap Ken Jin]:**

Terima kasih Yang Berhormat Jerantut atas soalan berkaitan dengan permuafakatan Kementerian Pendidikan Tinggi dengan negara-negara ASEAN.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, semasa Sidang Kemuncak ASEAN ke-27 di Kuala Lumpur pada tahun 2015, Ketua Negara-negara anggota ASEAN telah bersetuju dengan pembentukan Deklarasi Kuala Lumpur Mengenai Pendidikan Tinggi atau Kuala Lumpur Declaration on Higher Education dengan izin.

Deklarasi ini merangkumi 11 elemen utama iaitu seperti berikut:

- (i) mengiktiraf pendidikan tinggi sebagai pemangkin untuk mempercepatkan perkembangan ekonomi, politik, sosial dan budaya komuniti ASEAN;
- (ii) memelihara kualiti pendidikan tinggi rantau Asia Tenggara;
- (iii) meningkatkan sumbangan ASEAN dalam komuniti akademik antarabangsa;
- (iv) meningkatkan usaha sama di kalangan ahli akademik, industri, agensi kerajaan dan komuniti setempat;
- (v) meningkatkan penyertaan golongan muda dalam inisiatif keusahawanan sosial;
- (vi) meningkatkan mobiliti mahasiswa dan staf akademik di benua Asia Tenggara;
- (vii) meningkatkan inisiatif berasaskan inovasi rantau ASEAN;

- (viii) memelihara kelestarian persekitaran atau *environmental sustainability* dengan izin;
- (ix) mengarusperdana Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) dalam sektor pendidikan serantau;
- (x) meningkatkan pengaruh ASEAN di peringkat antarabangsa melalui sumbangan komuniti pendidikan tinggi dalam sokongan dasar dan isu; dan
- (xi) meningkatkan inisiatif perkongsian amalan baik di kalangan negara anggota ASEAN.

Inisiatif Malaysia dalam mencadangkan pembentukan deklarasi tersebut menunjukkan sifat proaktif Malaysia dalam usaha melonjakkan sektor pendidikan tinggi ASEAN di peringkat global.

Selain itu juga, dengan mengetahui pelaksanaan rangka kerja dan pelan tindakan pelaksanaan deklarasi ini secara tidak langsung membuka peluang kepada seperti berikut:

- (i) perkongsian kepakaran dan keupayaan dalam aspek strategik dalam pendidikan tinggi;
- (ii) peningkatan pergerakan pelajar dan saf akademik serta usaha sama serantau dari segi akademik penyelidikan dan pembangunan serta keterlibatan komuniti;
- (iii) meningkatkan mobiliti mahasiswa dan saf akademik di benua Asia Tenggara;
- (iv) meningkatkan sumbangan ASEAN dalam komuniti akademik antarabangsa;
- (v) mengarusperdana Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional dalam sektor pendidikan serantau;
- (vi) meningkatkan inisiatif perkongsian amalan baik di kalangan negara anggota ASEAN; dan
- (vii) meningkatkan usaha sama di kalangan ahli akademik, industri, agensi kerajaan dan komuniti setempat.

Sekian, terima kasih.

**Tuan Haji Ahmad Nazlan bin Idris [Jerantut]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri atas jawapan yang diberikan. Yang Berhormat Menteri, dewasa ini pendidikan tinggi Malaysia dilihat mula mengorak langkah maju ke hadapan selari dengan motonya '*Soaring Upwards*' dengan izin dari tahun ke tahun.

Kejayaan yang dicapai ini diketahui umum oleh masyarakat Malaysia. Namun, di sebalik kejayaan-kejayaan tersebut saya ingin bertanya adakah terdapat pencapaian-pencapaian lain yang diiktiraf bukan sahaja di pentas ASEAN tetapi juga di persada dunia khususnya dari segi penyelidikan yang membawa pada pengiktirafan di peringkat dunia. Terima kasih.

**Datuk Yap Kain Ching @ Mary Yap Ken Jin:** Terima kasih Yang Berhormat atas soalan tambahan berkaitan dengan pengiktirafan di peringkat dunia.

■1010

Yang Berhormat, memanglah Kementerian Pendidikan Tinggi sudah menunjukkan peningkatan demi peningkatan dengan moto '*Soaring Upwards*' kerana memang ada *evidence* atau bukti bahawa Kementerian Pendidikan Tinggi sudah dapat banyak cerita yang berjaya atau banyak *success stories* dengan izin.

Daripada segi *QS World University Rankings*, Universiti Malaya berjaya memecahkan benteng 150 terbaik di dunia. Selain daripada itu, universiti seperti USM mencapai kedudukan ke-289 dan UPM sudah mencapai kedudukan di 331. Ini adalah satu ranking bukan di peringkat kebangsaan, tetapi di peringkat dunia. Berkaitan dengan universiti ranking di Asia, Universiti Malaya sudah dapat satu ranking yang membanggakan dan kedudukannya adalah 29, USM di kedudukan 49, UTM di tempat 61 dan UPM di 66. Ini sudah menunjukkan satu kebanggaan kerana universiti-universiti yang tersebut itu sudah menunjukkan daripada segi meningkat daripada kedudukan di Asia.

Berkaitan dengan penyelidikan, memang Kementerian Pendidikan Tinggi juga menunjukkan satu kebanggaan. Saya akan memberi beberapa contoh yang berkaitan dengan penghasilan daripada penyelidikan yang sudah dikomersialkan iaitu yang pertama, kita sudah menghasilkan – Universiti Sains Malaysia sudah menghasilkan TYPHIDOT iaitu *kit diagnostic* segera bagi demam kepialu. Dari Fakulti Kejuruteraan Universiti Malaya, penghasilan produk *the bionic prosthetic* atau anggota palsu juga difailkan di Amerika Syarikat. Ini adalah peringkat dunia dan telah menarik perhatian pelabur dari Jerman, Iceland dan Taiwan. Ketiga, penghasilan vaksin *Newcastle Disease* yang tahan haba dan vaksin *Fowl Pox* dan ini adalah satu hasil dari Universiti Putra Malaysia. Penghasilan produk *membrane technology for separation processes* dari Universiti Teknologi Malaysia sudah menembusi pasaran antarabangsa iaitu di Arab Saudi dan Thailand.

Baru-baru ini, satu kebanggaan yang dicapai oleh Kementerian Pendidikan Tinggi ada berkaitan dengan pencapaian Malaysia dalam dasar keterbukaan pendidikan tinggi antarabangsa. Ini juga di peringkat dunia di mana Malaysia dan Jerman diiktiraf sebagai yang terbaik dalam kalangan 26 negara dari segi dasar keterbukaan terhadap pendidikan tinggi antarabangsa oleh *British Council*. Dalam "*The shape of global higher education: National Policies Framework for International Engagement*" yang sudah keluar dalam surat khabar sudah menunjukkan bahawa Malaysia dan Jerman, negara lain yang turut diiktiraf sebagai lima yang terbaik ialah Australia, United Kingdom dan China. Kajian oleh badan itu menunjukkan bahawa Malaysia mendapat markah sangat tinggi dalam tiga kategori iaitu keterbukaan, jaminan kualiti, pengiktirafan serta akses dan kemampuan. Jadi ini menunjukkan bahawa Kementerian Pendidikan Tinggi memang adalah *soaring upwards*. Terima kasih.

2. **Tuan Su Keong Siong [Ipoh Timur]** minta Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar menyatakan rancangan jangka masa panjang untuk mengatasi masalah-masalah perubahan iklim (*climate change*). Adakah kerajaan mempunyai sebarang rancangan untuk menjadikan negara Malaysia “Zero Carbon Nation” menjelang tahun 2030.

**Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar [Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebelum saya menjawab soalan, izinkan saya mengalu-alukan kedatangan rombongan daripada Dewan Undangan Negeri Pantai Damai seramai 45 orang yang duduk dekat sebelah situ bersama Ahli Dewan Undangan Negeri, Dr. Abdul Rahman. Mana dia? Sepatutnya ada bersama yang baru dilantik jadi Menteri Muda. Tahniah, kecemerlangan dalam pilihan raya dan juga jadi Menteri Muda. *[Tepuk]*

Tuan Yang di-Pertua, saya mula-mula berterima kasih dengan Yang Berhormat yang menyoal persoalan yang amat *current*, yang amat saya minati sebenarnya tetapi Yang Berhormat kena menerima hakikat bahawa apa yang Yang Berhormat tanyakan sama ada Malaysia akan menjadi “Zero Carbon Nation” menjelang tahun 2030 tidak pernah menjadi matlamat kita sebenarnya. Ini kerana Yang Berhormat perlu mengetahui apa maknanya “Zero Carbon Nation” ini ialah negara yang tidak menggunakan atau mengeluarkan minyak, tidak menggunakan minyak dan tidak menggunakan simen, mengeluarkan simen. Jadi nampaknya mustahil negara kita boleh *achieve* apa yang Yang Berhormat kata sebagai “Zero Carbon Nation”.

Jadi, ada dua negara sahaja di dunia telah mengatakan boleh sampai ke tahap sedemikian iaitu Bhutan yang hanya 750,00 penduduk, yang amat kecil sekali, mempunyai *carbon sink* yang begitu besar iaitu *jungle forestnya* 75% daripada *forest cover, planting forestnya* memang berterusan dan tidak membenarkan orang masuk negaranya. Kalau orang hendak masuk ke Bhutan itu dia kena bayar. Maknanya *tourist* pun tidak boleh masuk. *This isolating country by itself*. Memang dia sudah buat macam itu. Itu pun Yang Berhormat, kalau *dicheck*, dia masih mengeluarkan *1.8 million tan of carbon each year*. Jadi maknanya “Zero Carbon Nation” ini mungkin tidak boleh *diachieve*. Begitu juga Vatican City. Dua negara. Vatican City itu hanya *0.45 kilometers square* besarnya, hanya 1,000 penduduk. Walaupun dia kuasa besar tetapi negerinya kecil. Dia mungkin boleh *achieve* tidak payah buat simen, tidak payah buat petroleum. Semua tidak boleh masuk. Jalan kaki sahaja masuk. Saya pernah masuk ke Vatican City.

Jadi Yang Berhormat, memang kita tidak adapun mempunyai hasrat sedemikian dan *undertaking* kita ialah supaya *the balance* daripada *carbon discharge* dengan kita punya *carbon sink* itu dapat dicapai pada 2030, *insya-Allah*.

Antara hasil utama persidangan 21 negara pihak *convention* rangka kerja perubahan iklim PBB iaitu *United Nations Framework Convention for Climate Change (UNFCCC)* adalah *Paris Agreement* yang telah dipersetujui pada 12 Disember 2015. Antara pengkhususan yang perlu dilaksanakan oleh semua negara pihak selepas persidangan tersebut adalah menyediakan pelan tindakan perubahan iklim yang dinamakan *Nationally Determined Contributions (NDC)* setiap lima tahun sekali. NDC merupakan sumbangan negara kepada

usaha global untuk menangani impak perubahan iklim bagi tempoh pasca 2020 di bawah *Paris Agreement*. Malaysia telah mengemukakan NDC pertama kepada UNFCCC pada 27 November 2015.

Melalui NDC tersebut, Malaysia berhasrat untuk mengurangkan intensiti pelepasan *greenhouse gases* sebanyak 45% berdasarkan Keluaran Negara Kasar (GDP) menjelang 2030 berasaskan intensiti pelepasan pada tahun 2005.

#### ■1020

Daripada pengeluaran sasaran pengurangan ini, 35% akan dilaksanakan tanpa syarat, *unconditional*. Manakala baki 10% lagi adalah bersyarat ataupun *conditional* yang tertakluk kepada penerimaan peruntukan kewangan pemindahan teknologi dan pembangunan kapasiti daripada negara maju.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan Malaysia melalui kementerian dan agensi di bawahnya telah melaksanakan pelbagai program dan inisiatif untuk mengurangkan pelepasan rumah hijau atau GFC ataupun *greenhouse gases* di bawah sektor utama *greenhouse gases* negara seperti sektor tenaga, pengangkutan, sisa pepejal, proses industri dan pertanian. Inisiatif-inisiatif ini secara langsung menyumbang kepada sasaran pengurangan intensiti pelepasan *greenhouse gases* di dalam *Nationally Determined Contribution* negara ataupun NDC.

Pada masa ini, kerajaan masih tidak ada sebarang perancangan untuk menjadikan Malaysia sebagai *zero carbon nation* sebagaimana yang saya telah huraikan dahulu tadi. Proses transformasi negara ke arah sifar karbon memerlukan kekuatan kepada pelbagai aspek seperti ekonomi, infrastruktur dan sosial. Sebagai contohnya peralihan sumber ekonomi negara daripada teras pengeluaran kepada teras perkhidmatan memerlukan pelaburan teknologi dan kapasiti yang tinggi. Proses peralihan tersebut perlu dilaksanakan secara berperingkat dan selari dengan rancangan pembangunan negara.

Jadi kita mungkin boleh sebagaimana beberapa buah negara lain menuju ke hala apa dikatakan *carbon neutral* ataupun *carbon neutrality* tetapi bukan *carbon free nation* Yang Berhormat. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Su Keong Siong [Ipoh Timur]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada jawapan yang telah diberikan Yang Berhormat Menteri tetapi pertamanya mengenai hasrat untuk menjadi *zero carbon nations*. Walaupun ia sesuatu yang mustahil tetapi daripada segi politik kita mesti ada satu komitmen. Memang susah tetapi kita ada satu rancangan jangka masa panjang. Kita bukan kata 10 tahun, 20 tahun mungkin sampai 50 tahun. *At least you are moving forward* tetapi apa yang dijawab oleh wakil kerajaan langsung tidak memberi satu *encouragement* kepada negara kita sebagai yang telah menjadi salah seorang ahli untuk memberi komitmen dan untuk *reduce*, untuk mengurangkan *greenhouse a mission* seperti mana yang dikatakan tadi.

Apa yang saya kawatir walaupun kami telah memberikan komitmen 45% pengurangan menjelang tahun 2030 tetapi apakah langkah-langkah yang kami perlu ambil? Apa yang perlu kita tahu sekarang terutamanya daripada segi apa yang dikatakan program-program untuk

mengurangkan tenaga pengangkutan dan sisa pepejal itu, kebanyakan jana kuasa kita masih menggunakan *fossil fuel* dengan izin. Kalau kita terus menggunakan *fossil fuel* dan tidak ada rancangan untuk menggunakan *green energy*, tentu matlamat kita tidak akan tercapai.

Seperti pengangkutan, ini soalan penting. Duduk diam, duduk diam-diam. *[Dewan riuh]* Seperti pengangkutan, kereta yang menggunakan *green engine* ataupun - kita langsung tidak ada rancangan. Itulah yang saya khuatir, walaupun kami telah beri komitmen di dalam mesyuarat konvensyen tersebut UNFCCC tetapi nampaknya kita tidak berusaha. Kita perlu ada satu rancangan jangka masa yang panjang. Adakah kerajaan... *[Dewan riuh]* Duduklah diam-diam, dengarlah.

Jadi, saya hendak tanya menteri apakah rancangan yang positif dan konkrit untuk memastikan kita akan menuju ke arah *zero nation carbon*. Itu satu yang penting. Tengok apa yang berlaku kepada negara kita daripada segi iklim. Ini adalah satu soalan yang amat penting. Terima kasih.

*[Dewan riuh]*

**Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar:** Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya sebelum kita menggunakan istilah Yang Berhormat, pertama Yang Berhormat kena faham apa istilahnya.

**Tuan Su Keong Siong [Ipoh Timur]:** *[Bangun]*

**Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar:** Yang Berhormat duduk Yang Berhormat. Yang Berhormat kalau saya bercakap Yang Berhormat duduk. Yang Berhormat duduk.

**Tuan Su Keong Siong [Ipoh Timur]:** Saya bukan tidak faham.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Tidak boleh bangun, tidak boleh bangun pada ketika ini Yang Berhormat.

**Tuan Su Keong Siong [Ipoh Timur]:** Maknanya walaupun ia adalah sukar untuk menjadi *zero carbon nation* kita tidak boleh kata itu mustahil untuk kita lakukan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Ipoh Timur duduk Yang Berhormat Ipoh Timur.

**Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar:** Apa ini, Yang Berhormat duduk, duduk.

**Tuan Su Keong Siong [Ipoh Timur]:** Ini bukan masalah faham atau tidak faham. Itu masalah adakah kerajaan boleh komitmen atau tidak!

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Ipoh Timur.

**Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar:** Ini jenis manusia yang tidak faham langsung. Ini jenis manusia yang bodoh tidak boleh diajar, pintar tidak boleh mengajar.

**Tuan Su Keong Siong [Ipoh Timur]:** Jawab soalanlah. Ini jenis menteri yang tidak faham soalan. Bolehkah dia kata gitu?

**Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar:** *You* dengar cakap orang. Jangan melatah sahaja.

**Tuan Su Keong Siong [Ipoh Timur]:** Siapa yang melatah?

**Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar:** Yang Berhormat, pagi-pagi *you* bangun buka jendela pandang kepada benda-benda baik. *You* ini amal buka jendela pagi-pagi hari *you* pandang benda buruk sahaja. Tidak faham langsung. Dengar istilah, *you shut up*.

[*Dewan riuh*]

*You* dengarlah orang cakap. Kalau dia bercakap tadi saya dengar sahaja. Kenapa tidak boleh dengar apabila saya cakap? Saya kata dengar apa istilahnya. Istilahnya sebut menggunakan istilah, *zero carbon nation*. *Zero carbon nation* saya sudah beritahu, memang sudah tidak ada guna karbon langsung, tidak ada keluar karbon. Ini *impossible*. Bhutan yang kata *zero carbon* pun *1.8 million tan of carbon discharge a year*.

Dia mempunyai *carbon sink* forestnya masih keluar karbon juga Yang Berhormat. Itulah kenapa *zero carbon nation* ini tidak boleh diguna pakai. Orang pakai ialah *carbon neutral* ataupun *carbon neutrality*. Itu menunjukkan *you* keluarkan karbon, *you* ada mempunyai *carbon sink* yang mencukupi supaya *offsetkan* pengeluaran karbon dengan *carbon sink*. Kalau *you* tidak faham itu, *that is international terminology* yang dipakai. *International terminology* ini kena faham. Kalau *you* tidak faham *terminologi* ini *you* tidak guna, jangan guna. Itu yang pertama.

Kedua, jawapan kepada soalan Yang Berhormat. Jawapan kepada soalan Yang Berhormat, kita memang banyak menggunakan dari sudut *energy*, dari sudut *energy* yang membuatkan pengeluaran karbon yang tertinggi. Saya setuju, kita masih menggunakan *fossil fuel*. Kita belum *transfer* lagi. Tidak ada sebuah negara pun yang 100% kereta dia tidak pakai *fossil fuel* lagi. Tanya mana-mana negara. Beritahu saya mana negara tidak ada gunakan kereta yang *completely electric*, tidak ada. *Energynya completely hydro* mana negara tunjukkan saya?

Jadi maknanya *energy* kita masih bercampur dengan *fossil fuel*, *we are the - all the producing countries* juga. Maknanya kita punya *plantation*, *you* hendak hapuskan *plantation* kita? *How many years are we going to* hapuskan *plantation*? Kita tidak akan hapuskan *plantation because it economic returns is there*. Jadi macam petroleum. Kita hendak hapuskan petroleum, *shut down everything* tidak boleh. *In this is a process* kita.

Okey Yang Berhormat, saya kata *hydro-chlorofluorocarbons* ini belum lagi kita ada teknologinya. Itulah kata kita tadi, kita *condition* 10% itu kerana kita hendak orang yang menggunakan alternatif kepada *hydro-chlorofluorocarbons* ataupun *chlorofluorocarbons* ini memberi alternatif kepada kita yang dipatenkan oleh developed world yang sekarang kita tak nak pakai lagi sebab *hydro-chlorofluorocarbons* ataupun *chlorofluorocarbons* ini mengeluarkan *greenhouse gases*.

Jadi dengan keadaan sedemikian, teknologi itulah kita syaratkan 10% itu. Jadi Yang Berhormat kita mengambil tindakan. Yang Berhormat sebenar tidak tahu dan tak nak tahu benda baik. Sebenarnya sekarang kita mempunyai beberapa tindakan. Kementerian, satu kementerian yang khusus menjaga itu sahaja. Ada 12 agenda. Saya sudah sebut dalam Dewan tetapi malang Yang Berhormat tidak dengar. Satu, ini kementerian KeTTHA ini ditubuhkan menjaga *greenhouse gases* ini.



## ■1030

- (i) menggalakkan penjanaan tenaga elektrik boleh diperbaharui melalui mekanisme *feed-in tariff*, satu mekanisme dia;
- (ii) melesenkan kepada perjanjian tenaga elektrik boleh diperbaharui di luar mekanisme FIT;
- (iii) menggalakkan pembangunan loji biogas di bawah *National Key Economic Area (NKEA)* di bawah *Economic Transformation Programme*;
- (iv) menggalakkan aktiviti kitaran semula bagi menggalakkan penjanaan dan pelepasan gas miten akibat daripada pembuangan sisa organik dalam tapak pelupusan;
- (v) mempertingkatkan kawasan hutan simpan dan mampu menyerap gas rumah kaca ataupun karbon sink;
- (vi) membangunkan sistem pengangkutan awam darat berunsurkan *rail*, yang ini kita buat semua ini, kalau tidak tahu memang buta sendirilah;
- (vii) menggalakkan penggunaan gas asli sebagai bahan api kenderaan pengangkutan awam;
- (viii) membangunkan program *biodiesel B5*;
- (ix) mewujudkan, menggalakkan penggunaan sistem pengiktirafan kecekapan bangunan. *This is all* dibuat sekarang;
- (x) Menggalakkan penggunaan kenderaan cekap tenaga, bahkan baru ini Menteri JKR mengadakan satu seminar sahaja untuk 1 perkara sahaja. *Smart building yang eco friendly*. Baru-baru ini *I give data*;
- (xi) meletakkan sasaran pengurangan penggunaan tenaga 5% oleh bangunan-bangunan kerajaan. Sekarang sudah buat sudah; dan
- (xii) menggalakkan penggunaan teknologi hijau menerusi program *Green Technology Financing Scheme*.

Di Sarawak itu bermacam-macam hidro sana, hidro sini hendak buat ini hendak bantulah ini. Sebab Yang Berhormat jangan membuta tuli sendiri, bukakan mata, bukakan jendela, Ya Allah Tuhan kurniakan benda yang baik, kerajaan buat yang baik. Terimalah hakikat benda itu ada, jangan tanam sendiri yang buruk-buruk sahaja. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Jerlun.

**Dato' Othman bin Aziz [Jerlun]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Soalan tambahan saya kita balik kepada *basic* sebab perubahan iklim memang ketara ketika ini. Dulu kalau kita dok dengar El-Nino 10 tahun sekali, tetapi sekarang sudah *almost yearly*. Kesannya *rainfall pattern* atau pola turunan hujan pun makin kurang, masalah bekalan air menjadi masalah yang *main bogging* tiap-tiap hari. Soalan tambahan saya, sejauh manakah kementerian dan juga kerajaan negeri dapat bersetuju tentang pengurusan hutan yang mapan dan juga mungkin umpamanya dari segi kuota tebang hutan

dan juga dari segi *reforestation* ataupun tanaman semula hutan. Apakah Jabatan Perhutanan kita ini dapat bekerjasama mengawal buat *early detection* dan sebagainya. Terima kasih.

**Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar:** Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, saya jenis *gentleman* Yang Berhormat. Sebenarnya kalau orang baik kepada saya soalan *gentlemen*, soalan tidak menuduh sembarangan, saya jawab dengan baik. Memang. [Tepuk] Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya Yang Berhormat, saya memikirkan apakah komen yang terbaik untuk balas ungkapan Yang Berhormat.

**Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar:** Dalam negara kita diagihkan bidang kuasa Yang Berhormat, diagihkan bidang kuasa oleh Perlembagaan. Perlembagaan ini disetujui oleh kerajaan pada 1956 apabila dibuat dahulu dan diterima pakai sebagai Perlembagaan Malaya 1957, 31 Ogos bermula. Apabila Malaysia ditubuhkan 1963, Perlembagaan khusus perkara ini tidak ada diganggu gugat bahkan ditambah iaitu *safeguard* untuk Sarawak dan Sabah. Tidak pernah, makna dia soalan tanah, soalan *resources*, soalan hutan semuanya kuasa kerajaan negeri.

Bahkan *gazette* kawasan-kawasan hutan simpanan kekal, *national park* di Sarawak dan Sabah semuanya berlandaskan kemahuan kerajaan negeri. Jadi maknanya semua kuasa ini, kita mempunyai dasar dan kita *full fill* kita punya *place* ke internasional forum iaitu *convention* dan *protocol* khususnya macam COP21 kita mengata kita akan kekalkan 50% kita punya *forest cover*, yang masa sekarang kita masih mempunyai 55.4%. Ini nisbah daripada kerajaan, bukan daripada individu yang menyangka sahaja. Ini berlandaskan fakta kerajaan, 55.34% macam itu. Akan tetapi 55% masih kekal.

Jadi dalam keadaan yang sedemikian, kita hanya boleh berunding dan berbincang dengan kerajaan negeri. Program kita banyak. Umpamanya saya wujudkan satu jawatankuasa yang telah lama terpendam, hampir beberapa tahun terpendam saya *revive* 'MExco' iaitu majlis mesyuarat di antara saya dengan exco negeri hal *environment* dan Menteri-menteri negeri Sarawak dan Sabah berhubung dengan *environment* supaya sebagai *conduit*, menyampaikan apa sahaja dasar negara atau apa sahaja *undertaking* negara di forum antarabangsa khususnya kalau kita lihat daripada COP21, kita hendak kekal 50%.

Kita lihat di bawah TPPA yang mana kita mempunyai *undertaking* yang *compulsory* kita patuhi supaya kita kekalkan hutan, jaga *environment* ini yang perlu dijaga oleh kerajaan pusat yang mana kerajaan pusat boleh dibuat *refer* kepada satu *arbitration* kalau tidak ada *compliance* ataupun ada *breach* di pihak kerajaan negeri. Jadi dalam keadaan sedemikian, kita masih berbincang dengan kerajaan negeri dan menerusi banyak mekanisme.

Satu lagi Yang Berhormat, sekarang saya merancang untuk *water security*. Itu juga ada hubung kait dengan COP21 kerana *water security is one of agenda* yang diletak di bawah kementerian saya walaupun ada kementerian lain yang terlibat dengan air ini, umpamanya KeTTHA, MOSTI, semua terlibat dengan air. Akan tetapi pokoknya sumber air di bawah sungai, di bawah kementerian saya. Hujan itu di bawah langitlah, tetapi saya kena tahu. Jadi hutan itu

di bawah kementerian saya dan sebagainya. Jadi dalam keadaan sedemikian, saya tengah merancang. Merancang nombor satu, macam mana hendak *protect* kita punya *forest*. Macam mana *increase* kita punya penguatkuasaan kepada *forest*. Penghilangan kepada *forest*, program kita ada yang satu dengan *recycling* semua kita punya *sawmill* di seluruh negara, yang kita bagi masa *graze period* kepada industri-industri ini untuk berpindah kepada tempat untuk pengilangan kayu supaya kita jagakan orang jangan mencuri balak, menebang hutan secara haram, dijual kepada *fly by night* punya *sawmill* ini di seluruh Semenanjung.

Jadi maknanya kita *re-settle* kepada satu *area* sahaja supaya *easy supervision* dan penjagaan dan ini akan dilaksanakan tamat pada 2018. Kena bagi juga industri. Kalau kita tutup *immediately* ekonomi kita terjejas dan ekonomi masyarakat yang terlibat dengan industri ini juga akan terjejas. Jadi dengan sendirinya kita cuba menjaga mekanisme-mekanisme kita akan urus dan kerjasama dengan pihak kerajaan negeri kita akan jempit, saya akan berjumpa dengan semua MB. Saya sudah bagi tahu, minta kertas dibentangkan di Majlis Tanah Negara, Majlis Air Negara, majlis perbincangan di antara Perdana Menteri dengan Menteri-menteri Besar dan *Chief Minister* Sarawak dan Sabah untuk memberitahu apakah tujuan-tujuan matlamat dan garis panduan yang bakal kita perkenalkan supaya menjaga hutan-hutan di seluruh negara khususnya di Semenanjung dan juga di Sabah dan Sarawak. Tuan Yang di-Pertua, terima kasih.

**3. Datuk Haji Datu Nasrun bin Datu Mansur [Silam]** minta Menteri Kewangan menyatakan berdasarkan kepada statistik terkini Bank Negara Malaysia, dianggarkan sebanyak 62% daripada hutang isi rumah adalah untuk tujuan pengumpulan aset. Apakah inisiatif kerajaan dalam memastikan jumlah hutang isi rumah ini terkawal memandangkan hutang isi rumah kita adalah yang tertinggi di Asia.

**Timbalan Menteri Kewangan [Datuk Chua Tee Yong]:** Tuan Yang di-Pertua, jumlah hutang isi rumah di Malaysia pada Disember 2015 adalah sebanyak RM1030 bilion di mana 80% daripada sistem perbankan dan 20% daripada institusi kewangan bukan bank yang merangkumi 89.1% daripada KDNK. Daripada jumlah tersebut, 62.6% adalah untuk tujuan pengumpulan aset iaitu pembelian harta tanah dan pelaburan dalam aset kewangan. Pinjaman bagi pembelian hartanah adalah secara lazimnya mempunyai tempoh matang yang panjang melebihi 20 tahun.

#### ■1040

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat pihak kerajaan melalui Bank Negara Malaysia telah melaksanakan pelbagai langkah progresif terutamanya bagi membendung kenaikan hutang isi rumah sejak tahun 2010. Langkah-langkah ini bertujuan untuk memastikan amalan pengurusan kredit yang berhemat menggalakkan tingkah laku individu dan institusi yang bertanggungjawab dalam amalan pemberian kredit serta menggalakkan pasaran harta tanah yang lebih mapan dengan membendung tingkah laku spekulatif. Kesemua langkah ini telah diperkenalkan secara beransur-ansur untuk mengawal perkembangan hutang isi rumah bagi mengelakkan penyelarasan yang melampau dalam sistem kewangan dan ekonomi.

Justeru sebahagian besar pinjaman yang dibuat oleh isi rumah adalah lebih tertumpu kepada pengumpulan aset. Ekoran pelaksanaan pelbagai langkah mengawal hutang isi rumah yang diambil sejak tahun 2010, kadar pertumbuhan hutang isi rumah menurun kepada 7.3% pada Disember 2015, kalau dibandingkan pada tahun 2010 sebanyak kadar pertumbuhan 14.2%.

Di samping itu, usaha-usaha untuk mempertingkatkan kesedaran dan kemahiran pengurusan kewangan di kalangan masyarakat juga dilaksanakan. Ini termasuk Program Pengurusan Wang Ringgit Anda (POWER) yang bertujuan untuk meningkatkan keupayaan kewangan dalam kalangan pengguna kewangan di Malaysia terutamanya golongan belia dan mereka yang baru bekerja. Sejak pelancaran pada tahun 2010 hingga Mac 2016 lebih daripada 204,000 orang pengguna telah menghadiri program POWER.

Program AKPK telah membantu individu yang menghadapi masalah menguruskan kewangan dan hutang mereka dengan memberi nasihat dan khidmat menyusun semula hutang. Setakat Mac 2016 lebih daripada 148,000 peminjam telah menyertai program pengurusan hutang yang dikendalikan oleh AKPK.

Tuan Yang di-Pertua, kesemua langkah ini telah diperkenalkan secara beransur-ansur untuk mengawal perkembangan hutang isi rumah bagi mengelakkan gangguan yang melampau dalam sistem kewangan dan ekonomi domestik. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Silam.

**Datuk Datu Nasrun bin Datu Mansur [Silam]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Menteri.

Data-data menunjukkan bahawa di antara 2007 dan 2013, 4% daripada rakyat Malaysia yang muflis adalah akibat daripada gagal menjelaskan hutang kad kredit dan 86.2% daripada 4% itu adalah terdiri daripada golongan muda yang berumur di antara 25 tahun dan 35 tahun.

Soalan tambahan saya Yang Berhormat Menteri, apakah langkah-langkah kerajaan dalam mengawal penggunaan kad kredit di kalangan golongan muda memandangkan jumlah hutang mereka melebihi gaji yang diterima. Terima kasih.

**Datuk Chua Tee Yong:** Terima kasih, atas soalan tambahan. Menurut statistik yang saya ada khususnya untuk kes kebangkrapan dari tahun 2011 hingga 2015 dari segi kebanyakan kes khususnya tahun 2014 dan 2015 untuk isu kebangkrapan kategori yang tinggi atau paling tinggi adalah disebabkan pinjaman peribadi nombor satu. Nombor dua adalah disebabkan isu sewa beli kenderaan.

Sebenarnya dari segi hutang kad kredit sebagai contoh untuk tahun 2015, jumlah kes bankrap adalah 18,457 tetapi yang disebabkan kerana tidak dapat membayar hutang kad kredit adalah sebanyak 1,770. Sebenarnya dari segi mengawal kad kredit Bank Negara telah memperkenalkan langkah-langkah di mana nombor satu khususnya ia mesti mematuhi dari segi pendapatan minima sebanyak 24,000 setahun. Maka, ini ditetapkan untuk memastikan mereka yang layak hanya diberi kelulusan bahkan boleh dikatakan statistik menunjukkan bahawa kadar

kelulusan permohonan bukan setinggi mencecah 80% atau 90%. Ia adalah di bawah kawalan antara 50% hingga 60% sahaja. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Lembah Pantai.

**Puan Nurul Izzah binti Anwar [Lembah Pantai]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, terima kasih juga Timbalan Menteri atas jawapan. Saya rujuk tadi yang disebut tadi oleh Yang Berhormat adalah untuk tahun 2014 berkait dengan pinjaman peribadi.

Saya ingin menanyakan persoalan apabila kita melihat trend komposisi hutang isi rumah yang saya bawakan data daripada Bank Negara Malaysia mengikut empat tahun daripada 2010 hingga 2013. Mereka nyatakan bahawa pinjaman perumahan pada 47% merupakan kategori pinjaman yang paling tinggi dan kedua ialah pinjaman kenderaan, berkait komposisi hutang isi rumah.

Jadi antara institusi yang penyumbang utama kepada kredit selain daripada institusi perbankan adalah institusi kewangan bukan bank. Contohnya, AEON Credit Service Malaysia Berhad ataupun Malaysia Building Society Berhad dan IKBB lain. Jadi persoalan saya, semua institusi ini tidak berada di bawah pengawalan dan penyeliaan Bank Negara Malaysia dan apakah tindakan susulan kementerian ke atas institusi-institusi kewangan bukan bank yang memberi dan meneruskan pinjaman kredit mudah tanpa kawalan, terima kasih.

**Datuk Chua Tee Yong:** Terima kasih, atas soalan yang telah ditujukan. Khususnya kita mengetahui dari segi pinjaman peribadi ia menunjukkan khususnya trend pertumbuhan yang tinggi khususnya pada tahun 2012 pertumbuhan tahunan untuk pinjaman peribadi adalah sebanyak 20%, 2013 - 10%, 2014 dan 2015 menunjukkan trend yang menurun iaitu pertumbuhan sebanyak 4.6% dan 4.6%.

Ini adalah kerana khususnya Bank Negara Malaysia telah menetapkan dari segi pinjaman peribadi khususnya semenjak tahun 2013 di mana dulu dari segi pinjaman peribadi tidak ada had dari segi tahunan. Maka terdapat mereka yang memberi pinjaman peribadi mungkin mencecah 20 hingga 30 tahun. Maka sebagai jangka masa panjang walaupun setiap bulan *installment* yang dibayar adalah rendah tetapi jumlah dari segi bunga atau *interest* yang dibayar adalah tinggi. Maka semenjak tahun 2013 Bank Negara telah menetapkan pinjaman peribadi tidak boleh melebihi 10 tahun dan ini telah membantu dari segi mengawal dan memastikan pinjaman-pinjaman peribadi ini tidak menjadi isu di mana banyak isi rumah akan terjerat dengan kadar bunga yang tinggi. Sekian, terima kasih.

4. **Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]** minta Menteri Kesihatan menyatakan:-

- (a) apakah perkembangan dan status mengenai warta tanah berkenaan pembinaan hospital di Parlimen Kapar. Apakah perkembangan secara terperinci yang telah berlaku dalam tempoh masa 1 Januari 2014 sehingga 31 Disember 2015 dan bilakah Kerajaan Pusat berhasrat untuk memulakan pembinaan hospital di Parlimen Kapar; dan
- (b) apakah perkembangan dan status terkini mengenai proses penambahbaikan Klinik Kesihatan Kapar Baru yang akan menggantikan Klinik Kesihatan Lama di bawah RP3, RMKe-10. Bilakah Kerajaan Pusat berhasrat untuk memulakan penambahbaikan ini dan anggaran tarikh penyelesaian projek ini.

**Timbalan Menteri Kesihatan [Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya]:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Kapar. Ini soalan spesifik berkenaan dengan Hospital Kapar dan juga Klinik Kesihatan Kapar. Soalan telah ditanya tahun lepas tahun ini ditanya lagi tidak apalah ada *progress* sedikit.

Mengikut sejarahnya Tuan Yang di-Pertua, sejarahnya tidak lama sejarahnya tahun 2013, di mana Perdana Menteri dalam majlis perasmian perumahan Sime Darby di kawasan berkenan di perumahan Sime Darby di situ di Kapar telah mengumumkan akan membina sebuah hospital baru di Kapar. Walaupun, kalau ikut unjuran penduduk di kawasan yang akan dibina oleh Sime Darby cuma 97,000. Kalau ikut piawaian jika terdapat 120,000 kita kena bina satu hospital, kalau kurang tidak perlu. Akan tetapi Perdana Menteri kita *insist* juga dengan izin, dibina maka Kementerian Kesihatan akan terus membina projek tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, pada tahun 2013 juga Kerajaan Negeri Selangor telah meminta Sime Darby supaya sediakan tapak 50 ekar di kawasan perumahan mereka. Pada tahun 2015, November Sime Darby telah pun memberitahu kepada kementerian bahawa mereka sedang buat *amendment* pengubahsuaian pada *layout* fasa tiga di mana tapak itu berada, tapak hospital itu berada.

■1050

Jadi, kemudian pada 5 hari bulan Mei yang lepas. Satu mesyuarat dalam satu mesyuarat *Problem Solving Committee* (PSC) di kementerian di negeri Selangor. *Sime Darby* telah beritahu bahawa tapak ini kena beli pula. Jadi maknanya, kementerian kena sediakan dana dan kos RM45 juta untuk hendak membeli tanah tersebut 50 ekar. Pada peringkat awal tidak sebut pun tetapi sekarang yang mesyuarat yang *last* ini disebut kena bayar. Dalam perkara ini, kementerian terpaksa pergi balik ke IPU untuk mendapatkan dana RM45 juta untuk buat pengambilan tanah. Makna, tanah akan diserahkan pada kerajaan negeri, kemudian Kerajaan Pusat akan buat— Kementerian Kesihatan akan terpaksa buat pengambilan tanah tersebut— makna kena beli. Jadi, kalau semuanya selesai, *land issue* selesai, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, maka projek ini akan boleh dimasukkan dalam RP3 pada Rancangan Malaysia Ke-11. Memang di rancang hotel ini hotel 300 katil, pakar *major* Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Kapar.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya ingin membawa perhatian Dewan yang mulia ini bahawa isu ini bukan mula dari tahun 2013. Padahal Hospital Kapar ini dari PRU 12 lagi, ke PRU 13 dan sekarang. Saya sambung sejak hari pertama saya jadi Ahli Parlimen. Setiap kali soalan, soalan pertama saya mesti kena mengena dengan Hospital Kapar dan setiap kali jawapan yang diberi berlainan. Sebelum ini, kata tanah tiada. Lepas itu kata dana tiada. Setiap kali saya tanya soalan, ada pembaikan. Saya terima. Terima kasih dengan jawapan. Setiap kali ada pembangunan dalam bentuk jawapan. Tanah sudah ada, dana sudah ada. Sekarang isu baru pula, tanah perlu dibeli. So, mengapa benda ini tidak dikenal pastikan dari hari pertama? Kalau benda ini dikenal pasti pada hari pertama, tidak ada orang yang meninggalkan dunia di Parlimen Kapar. Saya juga tidak setuju dengan... [*Dewan Riu*] Okey. Sabarlah dulu. Sabar dulu. Ini baru mukadimah.

Tuan Yang di-Pertua, saya ada *recording*. Saya ada *recording* seorang ibu, seorang isteri yang meluahkan perasaan mengatakan bahawa kalau ada Hospital Kapar, tidak adalah suami dia meninggal dunia. So, saya bawa isu ini. Sebelum masuk di Hospital Kapar...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat. Akan tetapi ayat Yang Berhormat awal tadi "*...tiada orang yang meninggal dunia dekat Kapar*".

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Ada ramai. Oh, saya tarik balik.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Oleh sebab itu saya geleng kepala Yang Berhormat.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Akan tetapi fahamkan?

**Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]:** Diselamatkan

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Diselamatkan. Terima kasih. Inilah akibat daripada mengganggu saya ini, Tuan Yang di-Pertua. Jangan ganggu saya, ini antara hidup atau mati. Orang meninggal dunia di Parlimen Kapar. Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bawa perhatian juga, baru-baru ini Hospital Tengku Ampuan Rahimah banjir.

**Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]:** Fuh, dahsyat.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Warga Parlimen Kapar, hospital yang paling dekat ialah Hospital Tengku Ampuan Rahimah dan Hospital Tengku Ampuan Rahimah sekarang perlu rawatan kerana banjir. So, mana kita hendak cari? Apa salahnya bina sebuah hospital sendiri di Parlimen Kapar dan hendak kata 90,000 penduduk dan sebagainya, saya rasa itu tidak memadai. Parlimen Kapar sahaja, 150,000 pengundi. Penduduk sudah hampir melebihi setengah juta. So, saya minta kerjasama dari kementerian, dahulu pun saya sudah *offer* diri saya untuk duduk bersama dengan Kementerian Kesihatan dan Kerajaan Negeri Selangor, selesaikan benda ini. Akan tetapi sampai hari ini tidak dipanggil pun saya untuk berbincang dan menyelesaikan masalah ini.

Jadi, persoalan saya adalah saya minta daripada kementerian, jangan lepas ini bulan November ada lagi satu alasan yang baru.

**Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]:** Fuh, dahsyat.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Saya minta benda ini selesaikan sebelum sesi Parlimen yang akan datang. Terima kasih.

**Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya [Balik Pulau]:** Tuan Yang di-Pertua. Memang kita berusaha bersungguh-sungguh hendak wujudkan hospital ini. Memang perancangan semua sudah dibuat tetapi memang pada peringkat awal tidak disebut tentang perkara ini. Tentang bayaran tanah ini. Kita beranggapan kerajaan bersama dengan Kerajaan Negeri Selangor. Kalau banyak negeri lain yang beri percuma tanah ini. Akan tetapi Selangor tidak bagi. Tidak apalah, kita beli. Tentang yang meninggal Tuan Yang di-Pertua. Daripada Kapar sampai ke sesuatu kawasan Parlimen, 17 kilometer. Sekarang sudah ada pula Shah Alam. Hospital Shah Alam pun dekat. Lebih dekat, lebih cepat sampai ke Shah Alam. Klinik pun ada, Klinik Kesihatan Meru ada, Klinik Kesihatan Kapar pun ada.

Jadi, amat malanglah kalau berlaku kematian di kawasan Kapar akibat tiada hospital. Banjir baru-baru ini di Hospital Tengku Ampuan Rahimah memang sedikit sahaja. Tidak terjejas perkhidmatan. Sekarang ini kita sudah sediakan pam, kalau berlaku banjir kita akan boleh pam. Jadi, tidak timbul masalah. Satu lagi yang saya tidak sebut tadi mengenai Klinik Kesihatan Kapar. Tentang Kapar pun terlewat juga sedikit, memang tahun lepas saya jawab bahawa Klinik Kesihatan Kapar ini ditender pada bulan April tetapi kena *delay* kepada bulan September tahun ini kerana JKR sedang buat rawatan tapak— *land treatment*. Merawat tapak ini perlukan masa sedikit Tuan Yang di-Pertua.

**Dr. Mansor bin Haji Abd. Rahman [Sik]:** [Bangun] Sik.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Soalan spesifik Yang Berhormat Kapar.

**Dr. Mansor bin Haji Abd. Rahman [Sik]:** Sik. Tanya juga. Kapar ini mana ada Kapar? Itu pun bukan Kapar

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** [Bangun] Lepas itu Kapar.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Sik.

**Dr. Mansor bin Haji Abd. Rahman [Sik]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Kapar, saya kerja dekat hospital— General Hospital Kuala Lumpur pun ramai orang mati.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** [Bangun] Saya rasa jangan cakap macam itu. Sebab kita tidak boleh cakap macam itu. *No. No. Don't say like that.*

[Dewan riuh]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Kapar, sila duduk Yang Berhormat.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Kalau kecuaiannya pada diri sendiri. Tidak boleh cakap macam itu. Ajal memang datang. Kita tidak boleh melarikan diri daripada ajal. Akan tetapi kecuaiannya, kelewatan. Kecuaian dan kelewatan adalah tanggungjawab Kerajaan Persekutuan sebagai doktor— *don't ever say that.*



**Dr. Mansor bin Haji Abd. Rahman [Sik]:** Okey. Saya boleh beri fakta. Kenyataan yang benar.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Kapar, sila duduk Yang Berhormat. Duduk Yang Berhormat, duduk.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Ajal, semua orang ajal. Akan tetapi jangan sebab kelewatan... *[Dewan riuh]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, duduk Yang Berhormat. Mikrofon sudah dipadamkan. Yang Berhormat Kapar, duduk Yang Berhormat. *You are out of order. [Dewan riuh]*

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** *He is out of mankind, out of being a human being.*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Sik.

**Dr. Mansor bin Haji Abd. Rahman [Sik]:** Yang Berhormat Menteri, soalan saya. Apakah perkembangan dan status terkini projek pembinaan hospital-hospital baru dalam Malaysia serta penambahbaikan hospital-hospital yang telah disenaraipendekkan yang telah di *shortlisted* dalam Bajet 2016? Terima kasih.

**Dr. Mansor bin Haji Abd. Rahman [Sik]:** Ini lari dari soalan asal Tuan Yang di-Pertua. Saya jawab bertulis Tuan Yang di-Pertua.

**5. Dato' Abdul Manan Ismail [Paya Besar]** minta Menteri Pendidikan menyatakan hala tuju terkini pelaksanaan syarat lulus mata pelajaran Bahasa Inggeris di peringkat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM).

**Timbalan Menteri Pendidikan [Datuk P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Paya Besar. Yang Berhormat dan Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pendidikan Malaysia telah melaksanakan pemantauan data dan kajian simulasi khas berdasarkan keputusan peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) bermula tahun 2011, 2012, 2013 dan juga 2014. Hasil kajian tersebut menunjukkan guru dan murid masih belum bersedia dengan melaksanakan syarat wajib lulus mata pelajaran tersebut.

Sehubungan dengan itu, keputusan Kementerian Pendidikan Malaysia untuk menangguhkan pelaksanaan mata pelajaran Bahasa Inggeris sebagai syarat wajib lulus mulai SPM tahun 2016 dilakukan untuk memberi ruang dan peluang kepada guru, murid serta pihak berkaitan dalam membuat persediaan yang lebih rapi. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa ini Kementerian Pendidikan Malaysia sedang menyediakan indikator bagi mengenal pasti kesediaan pelaksanaan syarat wajib lulus mata pelajaran Bahasa Inggeris di peringkat SPM. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

■1100

**Dato' Abdul Manan Ismail [Paya Besar]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Sebelum saya mengemukakan soalan tambahan, saya bagi

pihak DUN ingin mengalu-alukan kehadiran rombongan belia dari Parlimen Jerantut [*Tepuk*]. Terima kasih.

Saya memahami hasrat kerajaan itu baik. Malahan Dasar Memartabatkan Bahasa Malaysia Memperkukuhkan Bahasa Inggeris adalah satu pendekatan yang perlu dimantapkan lagi. Soalan tambahan saya, apakah langkah-langkah yang diambil oleh kementerian untuk meningkatkan penguasaan guru Bahasa Inggeris? Terima kasih.

**Datuk P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan:** Terima kasih Yang Berhormat Paya Besar prihatin atas dan juga memahami keperluan bahasa Inggeris dan juga menyokong dasar Kementerian Pendidikan Malaysia tentang pelaksanaan dasar MBMMBI ini. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Kementerian Pendidikan Malaysia telah melaksanakan pelbagai inisiatif untuk memastikan ataupun bagaimana kita dapat membantu guru-guru meningkatkan penguasaan bahasa Inggeris untuk memastikan mereka terus dapat melaksanakan tanggungjawab dengan sebaik boleh. Antara inisiatif-inisiatif yang telah kita dekati ialah pertama contoh ialah *Professional Upskilling of English Language Teachers (Pro-ELT)* dilaksanakan bagi memastikan guru Bahasa Inggeris yang mempunyai tahap kemahiran Bahasa Inggeris B1 dan B2 diberi latihan kemahiran dan mencapai peringkat satu tahap yang profesional. Setakat ini telah kita mulakan Pro-ELT pada tahun 2012, seramai 16,000 orang guru-guru telah melalui program *upskilling*.

Seterusnya program intervensi tambahan opsyen, *Intensive Course for English Language Teaching*, dengan izin ataupun dikenali sebagai ICELT yang mana dilaksanakan menyasarkan guru-guru bukan opsyen Bahasa Inggeris yang mengajar mata pelajaran Bahasa Inggeris di sekolah-sekolah. Dalam program ini, seramai hampir 1,000 *to be exact*, dengan izin 976 orang guru yang mana 720 orang guru telah selesai program ini dan buat masa ini, 256 orang guru sedang menjalani latihan ini.

Seterusnya kita juga memperluaskan LINUS 2.0 yang merangkumi skop literasi Bahasa Inggeris dilaksanakan mulai tahun 2013 bagi memastikan murid Tahap Satu menguasai asas Bahasa Inggeris.

Ini antara kaedah-kaedah yang mana kita membantu guru-guru untuk memastikan kita dapat meningkatkan lagi penguasaan guru-guru untuk membantu kita melaksanakan syarat wajib lulus Bahasa Inggeris di peringkat SPM pada masa akan datang. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Bukit Gantang.

**Tuan Idris bin Haji Ahmad [Bukit Gantang]:** *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan selamat pagi. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan saya berterima kasih juga kepada pihak kementerian ini yang telah pun membatalkan untuk mewajibkan pelajar-pelajar lulus Bahasa Inggeris pada tahun 2016 untuk SPM kerana memandangkan seperti mana yang pernah dilaporkan oleh Dato' Seri Haji Idris Jusoh ketika menjadi Menteri

Pendidikan yang kedua dahulu. Dia menyebut 70% daripada 60,000 orang guru Bahasa Inggeris yang mencapai pencapaian *English Language Cambridge Placement Test* yang pencapaiannya sederhana. Maka sebab itu kalau dibuat juga pada tahun 2016, menurut kajian, hampir 100,000 orang pelajar yang akan menjadi orang yang bakal gagal dalam SPM.

Persoalan saya ialah adakah pihak kementerian tidak pernah meninjau atau berbincang terutama dengan pusat-pusat bahasa dan juga seperti mana di UIA terutamanya? Kita melihat bagaimana cara pendidikan ataupun cara pembelajaran yang diajar oleh Universiti Islam Antarabangsa yang diajar kepada pelajar-pelajar yang saya rasakan mereka ini terdiri daripada kalangan orang yang mulanya lemah Bahasa Inggeris akhirnya menjadi seorang yang menguasai Bahasa Inggeris dengan penekanan di peringkat pra ataupun di peringkat matrikulasi. Persoalan saya, adakah langkah-langkah yang dibincangkan oleh pihak kementerian? Tidak perlulah kita mengambil daripada konsultan seperti mana McKinsey yang terpaksa bayar sampai RM20 juta dahulu. Minta penjelasan.

**Datuk P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan:** Terima kasih Yang Berhormat, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Proses peninjauan ini sentiasa diadakan. Malah untuk makluman Yang Berhormat, kementerian sekarang dalam proses kita menyediakan indikator mengenal pasti kesediaan pelaksanaan ini ataupun pelaksanaan syarat wajib lulus, indikator yang kita sediakan ini juga mengambil tinjauan dan juga maklumat daripada orang ramai. Saya sendiri telah mempengerusikan satu mesyuarat yang mana telah menjemput pakar-pakar bahasa, *stakeholders* untuk mendapatkan pendapat mereka juga bagaimana kita dapat melaksanakan dasar ataupun cadangan ini kerana hasrat kita ialah untuk ke hadapan.

Dasar MBMMBI ini dikukuhkan, pada masa yang sama, penggunaan Bahasa Inggeris juga ini harus diambil berat kerana masa depan untuk kita berada di satu keadaan yang baik, di wajah antarabangsa, penggunaan bahasa Inggeris juga akan memainkan peranan penting. Maka apabila semua tinjauan ini akan dilakukan, malah Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia yang telah pun dilaksanakan hari ini juga telah mendapat tinjauan hampir 50,000 orang rakyat Malaysia di seluruh Malaysia. Maksud saya ialah proses peninjauan ini akan sentiasa dilakukan dan kita akan teruskan proses peninjauan semata-mata untuk mengukuhkan standard pendidikan dan juga memastikan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia ini tercapai hasratnya. Terima kasih Yang Berhormat. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

6. **Tuan Tan Kok Wai [Cheras]** minta Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat menyatakan bahawa memandangkan risiko berstruktur yang dihadapi oleh penduduk-penduduk berusia warga emas pada tahun 2030 yang mana 15 peratus dari jumlah keseluruhan penduduk akan mencapai umur tua dan tidak bekerja, apakah langkah-langkah yang dirancang untuk menghadapi cabaran bebanan yang bertambah ke atas kewangan kerajaan.

**Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat [Datuk Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Mohd. Dun]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua, warga emas di Malaysia merujuk kepada individu yang berumur 60 tahun dan ke atas seperti yang diterima pakai oleh *United Nations World Assembly on Ageing* di Vienna, Austria yang diadakan pada tahun 1982. Berdasarkan unjuran yang dibuat oleh Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu, sesebuah negara ditakrifkan sebagai negara tua apabila penduduk warga emasnya mencapai 15% daripada jumlah keseluruhan penduduk. Bilangan warga emas pada tahun 2015 adalah seramai 2.8 juta atau 9% daripada 31 juta orang penduduk negara Malaysia. Berasaskan unjuran yang dibuat oleh Jabatan Perangkaan Malaysia, negara kita dijangka mencapai status negara tua pada tahun 2035. Berasaskan unjuran tersebut, warga emas di Malaysia pada tahun 2035 adalah seramai 5.6 juta orang.

Kerajaan telah mengambil langkah persediaan awal dengan menggubal Dasar Warga Tua Negara pada tahun 1995. Selaras dengan perubahan demografi, keperluan semasa dan cabaran masa hadapan, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat telah mengambil inisiatif untuk mengkaji semula Dasar Warga Tua Negara dan pelan tindakannya. Susulan daripada kajian semula ini, Dasar Warga Tua Negara dan pelan tindakannya telah diluluskan oleh kerajaan pada 5 Januari 2011. Sebanyak enam strategi dibentuk untuk mencapai objektif dasar tersebut. Salah satu daripada strategi ini iaitu keselamatan dan perlindungan merupakan strategi untuk menjamin hak dan akses warga emas kepada keperluan asas, keselamatan sosial dan perlindungan daripada pengabaian, penganiayaan serta penderaan yang dijamin di bawah peruntukan undang-undang.

Antara pendekatan yang diberi penekanan dalam strategi ini ialah mengurangkan kebergantungan ekonomi dalam kalangan warga emas, memperkukuhkan skim perlindungan sosial untuk kumpulan warga emas yang memerlukan ataupun *vulnerable*, dengan izin, memastikan warga emas hidup dalam persekitaran selamat dan mesra warga emas dan meningkatkan kesedaran mengenai isu penganiayaan dalam kalangan warga emas. Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat dan juga melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat turut menawarkan perkhidmatan sosial berbentuk bantuan kebajikan dan kewangan seperti Bantuan Orang Tua, penubuhan Pusat Aktiviti Warga Emas (PAWE), penjagaan warga emas di institusi seperti Rumah Sri Kenangan dan Rumah Ehsan serta program pemerksaan ekonomi warga emas.

Selaras dengan prinsip penawaran aktif dan produktif, pada tahun 2012, kerajaan telah meningkatkan umur persaraan daripada 55 tahun kepada 60 tahun. Pertambahan lima tahun ini akan membantu menjamin kestabilan ekonomi golongan warga emas apabila mencapai usia persaraan kelak melalui simpanan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja yang lebih besar.

## ■1110

Sumbangan dan peranan warga emas yang masih produktif dan telah dipertingkatkan melalui peluang pekerjaan terutama kepada warga emas yang berada dalam kategori miskin. Dalam hal ini kerajaan telah mengorak langkah mengadakan perbincangan dengan pihak swasta bagi mendapatkan penglibatan dan komitmen mereka untuk memberi peluang pekerjaan kepada warga emas dalam waktu kerja yang lebih fleksibel melalui Kementerian Sumber Manusia.

Tuan Yang di-Pertua, peluang pekerjaan kedua kepada golongan warga emas juga merupakan antara inisiatif yang diambil oleh negara-negara maju yang lain. Singapura melalui program *Golden Work* menyediakan peluang pekerjaan kepada warga emas yang ingin bekerja secara sambil membuat kerja-kerja lebih ringan dan menjalani latihan sambil bekerja. Inisiatif ini dapat memperkasakan ekonomi warga emas di samping mewujudkan warga emas yang kekal aktif dan produktif. Kerajaan melalui Kementerian Sumber Manusia turut menyediakan platform bagi warga emas aktif bekerja melalui Program 1Pesara dan penempatan pekerjaan melalui portal JobsMalaysia.

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat juga telah menubuhkan *task force* warga emas bagi mengenal pasti isu dan cabaran penuaan yang merangkumi aspek penjagaan kesihatan, keselamatan sosial iaitu perancangan simpanan kewangan dan saraan serta insurans dan penuaan aktif dan positif iaitu peluang pekerjaan sukarelawan dan pembelajaran sepanjang hayat serta menetapkan keutamaan bidang yang akan ditangani bagi memastikan pelaksanaan inisiatif yang lebih fokus dan menjurus kepada isu yang diketengahkan termasuklah isu kebergantungan ekonomi warga emas. Kementerian yakin bahawa dasar dan Pelan Tindakan Warga Emas Negara merupakan satu bentuk rancangan rapi dalam merencana peningkatan kualiti hidup warga emas merangkumi semua aspek berkaitan warga emas.

Seiring dengan usaha yang telah dilaksanakan oleh pihak kerajaan adalah diharapkan agar kesedaran masyarakat umum tentang kepentingan tanggungjawab menjaga warga emas dan tanggungjawab setiap individu untuk bersedia untuk hari tua akan meningkat dan seterusnya tidak bergantung kepada kerajaan semata-mata. Terima kasih.

**Tuan Tan Kok Wai [Cheras]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sementara jangkaan hayat, *life expectancy* rakyat Malaysia semakin menaik akibatnya bilangan warga emas pun turut bertambah. Akan tetapi apa yang bermasalah yang saya ingin menyoalkan di sini ialah memandangkan hanya lebih kurang 20 peratus para pesara yang mempunyai simpanan wang yang mencukupi untuk menampung saki baki hayat mereka. Tambahan pula, golongan warga tua khususnya mereka yang tinggal di kawasan bandar yang mengalami kos sara hidup dan juga kos penjagaan kesihatan yang tinggi dan semakin meningkat. Macam mana mereka dapat mengatasi cabaran-cabaran ini memandangkan majoriti besar mereka adalah golongan yang miskin? Macam mana kerajaan atau kementerian dapat merancang sesuatu yang menepati,

memenuhi misi kementerian untuk meningkatkan kesejahteraan warga emas pada masa depan?

Saya menyoalkan kemampuan dan keikhlasan kerajaan dalam perkara ini kerana saya dapat maklumlah bahawa perbelanjaan pembangunan untuk kebajikan warga emas di bawah Bajet 2016 tahun ini adalah lebih rendah sekadar 12.4 peratus berbanding dengan peruntukan dalam tahun yang lepas iaitu dari RM62,560,800 dikurangkan ke RM54,792,000 sahaja. Ini merupakan satu pengurangan yang agak besar walaupun kehidupan warga emas di bandar-bandar di seluruh Malaysia adalah lebih susah payah pada – memandangkan suasana dan keadaan ekonomi yang lebih muram. Maka saya mohon penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri.

**Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Mohd. Dun:** Terima kasih Yang Berhormat Cheras. Sebenarnya kerajaan negara ini dan khususnya kementerian sentiasa mengambil perhatian yang berat terhadap semua kumpulan sasar kita dan tidak ketinggalan warga emas kita. Itu sebab kita ada pelan tindakan kita dan kita ada dasar kita ini. Semuanya ini kerana kita sedar bahawa pada tahun 2035 kita akan menjadi sebuah negara yang menua.

Ingin saya maklumkan di sini kepada Dewan yang mulia ini bahawa daripada jumlah yang menerima bantuan kita ini iaitu 29 peratus adalah untuk bantuan orang tua dan daripada apa yang kita lihat, daripada statistiknya bahawa penerima bantuan orang tua kita sekarang ini pada tahun 2015 sehingga akhir 2015 kita ada 141,493 orang warga emas yang menerima bantuan kita yang merupakan hanya lima peratus daripada warga emas yang ada di dalam negara kita. *Only 5%*, dengan izin. Kita jangka juga pada tahun 2035 seterusnya pun jumlah ini akan kurang lebih yang sama juga. Kita masih dapat memberikan bantuan kepada mereka ini. Tidak ada masalah untuk kita memberikan bantuan kepada mereka, *we have no problem actually*.

Mengikut sumber yang kita ada juga bahawa simpanan KWSP yang ada untuk mereka yang bekerja ini adalah mencukupi sumber daripada Kementerian Sumber Manusia yang membenarkan kerja sambilan *part time* juga ada iaitu Skim 1Pesara. Saya ingin maklumkan di sini bahawa setakat ini daripada statistik yang ada dengan mereka, bilangan yang ada pada mereka bilangan yang terlibat mahu bekerja dalam Program 1Pesara ini hanya kecil sahaja, sedikit sahaja. Tidak ramai yang mendaftarkan. Berertinya belum ada keperluan untuk mereka bekerja untuk mendapatkan pendapatan tambahan. Ini menunjukkan bahawa dalam negara kita Malaysia ini keluarga masih lagi sanggup dan bersedia untuk menyara ibu bapa mereka. Begitu cantiknya dalam negara kita ini dan itulah yang juga ingin kita sampaikan melalui program-program kita supaya semua masyarakat kita terutama anak-anak bersedia, untuk ibu bapa bersedia untuk kehidupan mereka akan datang. Apabila mereka sudah mencapai umur yang tua, warga emas dan anak-anak pula dan komuniti sentiasa memberikan sokongan kepada warga emas ini.

Ingin juga saya menyatakan di sini bahawa selain daripada program-program bantuan kewangan ini, persiapan mereka yang mahu terus belajar lagi, untuk belajar sepanjang hayat

ada di kalangan universiti ini menyediakan diskaun 50 peratus untuk mereka belajar supaya mereka boleh terus belajar dan mungkin melaksanakan kerja-kerja yang sesuai dengan umur mereka. Di samping itu juga, melalui dasar kita ini kita juga menggalakkan warga emas kita yang mempunyai pengalaman dan juga pengetahuan yang sesuai untuk terlibat dengan kerja-kerja yang sesuai untuk mereka yang separa masa, yang tidak *full time* tetapi boleh mereka mendapat pendapatan seperti mana yang dilaksanakan di negara-negara yang maju yang lain. Terima kasih.

**Dato' Haji Irmohizam bin Haji Ibrahim [Kuala Selangor]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya apabila melihat tentang soal negara tua ini saya melihat ini dikaitkan dengan peribahasa "Yang Tua Dihormati, Yang Muda Disayangi".

Jadi saya ingin pertamanya mengucapkan syabas dan tahniah atas inisiatif yang dilakukan oleh pihak kementerian untuk memastikan bahawa menjelang tahun 2030 persepsi Malaysia negara tua ini dapat kita keluarkan dengan pelbagai pendekatan. Cuma saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri, saya difahamkan di bawah kementerian Yang Berhormat Timbalan Menteri ada Institut Pendidikan Penuaan Malaysia yang fokusnya ialah untuk membuat pelbagai kajian berkenaan tentang Malaysia pada tahun 2030 ini tidak boleh dianggap sebagai negara yang mempunyai ramai penuaan ataupun warga tua.

■1120

Jadi saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat Menteri, apakah langkah-langkah daripada kajian yang dilakukan oleh institut ini supaya kita boleh menyedarkan kepada rakyat Malaysia persiapan-persiapan ataupun dari segi perkembangan untuk kita akan menjadi sebuah negara yang sentiasa muda walaupun dari segi usia tersebut mungkin tua? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Datuk Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Mohd. Dun:** Terima kasih kepada adinda daripada Kuala Selangor. Walaupun dia seorang yang muda tetapi prihatin terhadap warga emas. *Alhamdulillah*. Inilah yang kita inginkan di dalam negara kita Malaysia ini.

Ingin saya maklumkan di sini kepada Dewan yang mulai ini bahawa Universiti Putra Malaysia ada institut ginekologinya yang kini telah dijenamakan sebagai Institut Penyelidikan Penuaan Malaysia. Buat masa ini, mereka sedang mengadakan satu kajian yang bertajuk "*Kemudahan dan Perkhidmatan bagi Menepati Keperluan Warga Emas di Malaysia Menjelang Tahun 2030.*" Ini sedang dijalankan oleh Universiti Putra Malaysia bermula daripada tahun lalu, tahun 2015, hinggalah akhir tahun 2016 ini. *Insyaa-Allah*, setelah selesai kajian ini dibuat nanti kita akan tahu apakah hasil daripada kajian mereka dan kita akan dapat maklumat daripada mereka apa yang harus kita lakukan bagi kita dapat menangani dengan terbaiknya dan berkesan warga emas kita menjelang kita menjadi sebuah negara yang menua pada tahun 2035. Terima kasih.

7. **Datuk Liang Teck Meng [Simpang Renggam]** minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan status terkini dan pelan tindakan - Regional Comprehensive Economic Partnership (RCEP) yang mana Malaysia merupakan salah satu negara wakil dalam perjanjian tersebut.

**Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan]:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Simpang Renggam. Saya ingin menjawab soalan ini bersama soalan nombor 12 oleh Yang Berhormat Kelana Jaya yang dijadualkan juga pada hari ini.

Perkongsian Ekonomi Komprehensif Serantau atau *Regional Comprehensive Economic Partnership* (RCEP) melibatkan 16 buah negara iaitu 10 negara ASEAN, China, India, Jepun, Korea Selatan, Australia dan New Zealand. Sehingga Mei 2016, sebanyak 12 pusingan rundingan RCEP telah dijalankan. Teks perjanjian RCEP juga sedang dirundingkan dengan lebih agresif bagi memastikan ianya dapat dimuktamadkan.

Skop rundingan RCEP adalah mengenai perdagangan barangan, perdagangan perkhidmatan, pelaburan, kerjasama ekonomi dan teknikal, harta intelek, dasar persaingan, penyelesaian pertikaian, perdagangan elektronik serta perusahaan kecil dan sederhana.

Pada masa ini, tiada persetujuan untuk meluaskan skop rundingan RCEP untuk merangkumi isu-isu seperti perolehan kerajaan, alam sekitar dan juga buruh. Dijangka sebanyak empat pusingan rundingan lagi akan diadakan sehingga penghujung tahun ini untuk memuktamadkan RCEP bagi menyelesaikan isu-isu sensitif RCEP. Menteri-menteri yang bertanggungjawab terhadap RCEP juga telah bertemu dengan kerap untuk memberikan kata putus dan pandangan masing-masing.

Tuan Yang di-Pertua, perjanjian RCEP ini adalah usaha untuk mengumpul semua perjanjian perdagangan bebas, *free trade agreement* (FTA) ASEAN iaitu ASEAN-China, ASEAN-Korea, ASEAN-Jepun, ASEAN-India dan ASEAN-Australia-New Zealand ke dalam satu perjanjian dengan tujuan untuk memudahkan perniagaan serantau dan memastikan syarikat-syarikat ASEAN adalah kompetitif di peringkat global.

Sektor-sektor baru seperti harta intelek, dasar persaingan, dagangan elektronik (*e-Commerce*) dan PKS adalah perlu bagi memastikan perjanjian RCEP kekal relevan dan menepati keperluan perusahaan di peringkat global.

Kerajaan tidak melihat RCEP sebagai sebuah perjanjian yang sama sekali baru tetapi sebagai penambahbaikan kepada mekanisme perdagangan dan pelaburan yang ada. Malaysia juga mempunyai perjanjian perdagangan dua hala dan serantau yang lain dengan negara-negara RCEP iaitu dengan ASEAN, Australia, Jepun, New Zealand dan India.

Kerajaan sedar bahawa PKS merangkumi sebahagian besar daripada ekonomi negara. Perkara ini juga adalah benar bagi kesemua negara RCEP. Oleh yang demikian, dua bab utama menyentuh mengenai PKS sedang dirundingkan iaitu bab perusahaan kecil dan sederhana dan bab kerjasama ekonomi dan teknikal. Adalah menjadi hasrat negara-negara



ahli perunding RCEP untuk memuktamadkan rundingan perjanjian ini pada akhir tahun 2016. Terima kasih.

**Datuk Liang Teck Meng [Simpang Renggam]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Menteri, saya percaya Perjanjian Perdagangan Bebas RCEP ini masih baru kepada rakyat Malaysia. Boleh atau tidak saya mohon kepada Yang Berhormat Menteri supaya menerangkan apakah perbezaan antara RCEP dengan perjanjian perdagangan bebas yang lain? Apakah kelebihan dan impaknya ke atas ekonomi Malaysia? Terima kasih.

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan:** Antara kebaikan RCEP ini ialah ASEAN telah menandatangani beberapa FTA iaitu seperti ASEAN-China, ASEAN-India, ASEAN-Australia-New Zealand, ASEAN-Jepun, ASEAN-Korea. RCEP ini membawa kebaikan dalam beberapa bidang. Pertama, jika ASEAN dan negara-negara yang berkaitan telah kita ada FTA, bererti itu 10 campur satu, dalam RCEP ini adalah 10 campur enam negara yang lain. Dari segi kebaikannya, ia melibatkan 3.3 bilion penduduk ataupun separuh daripada penduduk dalam dunia ini.

Selain daripada itu, 16 negara RCEP ini memiliki 30 peratus jumlah dagangan dunia ataupun *world trade* dan 29.3 peratus jumlah pengeluaran dunia ataupun *world output*. Sebelum ini tidak ada penyelarasan yang betul-betul antara peraturan dan prosedur, berlaku kos tambahan dan masa kerana kerumitan. Akan tetapi apabila kita ada RCEP 10 campur enam, bererti segalanya akan diselaraskan. Bahan mentah yang berkualiti pada harga yang lebih murah akan kita peroleh. Rantainya nilai global yang lebih luas akan kita dapat.

Selain daripada itu, sebelum ini tidak ada FTA antara negara China dan India. Akan tetapi dengan RCEP ini, untuk kali pertama dalam sejarah, akan ada FTA, *free trade agreement*, perjanjian perdagangan bebas antara China dan India. Itulah antara kebaikan-kebaikan. Terima kasih.

**8. Dato' Fauzi bin Abdul Rahman [Indera Mahkota]** minta Menteri Kerja Raya menyatakan status:-

- (a) Lebu Raya Pertengahan Semenanjung, "*The Central Spine*"; dan
- (b) jalan raya yang menghubungkan Bandar Lembing ke Jerantut.

**Timbalan Menteri Kerja Raya [Datuk Rosnah binti Haji Abdul Rashid Shirlin]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat dari Indera Mahkota atas soalan yang dikemukakan.

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, projek membina dan menaik taraf Jalan *Central Spine* ialah antara projek yang menjadi keutamaan kerajaan dalam Rancangan Malaysia Kesebelas iaitu dari tahun 2016 hingga tahun 2020. Projek ini telah dipecahkan kepada dua fasa iaitu daripada Simpang Pelangai, Bentong ke Kuala Krai, Kelantan sepanjang 341.8 kilometer dan laluan Kota Bahru ke Kuala Krai sepanjang 61.5 kilometer.

Fasa Jalan *Central Spine* dari Simpang Pelangai, Bentong ke Kuala Krai, Kelantan telah diluluskan secara berperingkat melalui Rancangan Malaysia Kesepuluh. Pelaksanaan projek bernilai RM6.6 bilion ini dipecahkan kepada enam pakej pembinaan. Keutamaan kerajaan ialah untuk membina pakej tiga iaitu Merapoh ke Kampung Royong dan pakej lima, Bentong ke Raub.

Pada masa kini, sepanjang 37.5 kilometer jalan baru atau 10 peratus daripada jarak keseluruhan projek CSR ataupun *Central Spine Road*, dengan izin, telah siap dibina iaitu daripada Kampung Kubang Rusa ke Kampung Kechor, Kuala Lipis. Manakala dua sub pakej di Kuala Lipis lagi sedang dalam peringkat pembinaan iaitu laluan dari Kampung Kechur ke Kampung Seberang Julai, Kuala Lipis sepanjang 3.85 kilometer dirancang siap pada bulan Oktober 2016, dan laluan dari Merapoh ke Kampung Kubang Rusa, Kuala Lipis sepanjang 14 Kilometer dirancang siap pada bulan Mac 2018.

Di samping itu, pembinaan laluan CSR melibatkan Mentara ke Merapoh, Kuala Lipis sepanjang 5.8 kilometer dijangka akan dimulakan pada bulan Jun 2016 ini.

Tuan Yang di-Pertua, bagi fasa pembinaan dari Bentong ke Raub pula, projek yang kini sedang dalam peringkat pembinaan ialah melibatkan laluan dari Kampung Asap ke Kampung Sertik, Karak iaitu sepanjang 5.8 kilometer dirancang siap pada November 2017. Manakala dua lagi sub pakej Bentong ke Raub iaitu sepanjang 10.4 kilometer baru sahaja dimulakan pada 18 April 2016 dan sub pakej sepanjang 12.3 kilometer dijangka akan dimulakan pada bulan Julai 2016 ini.

#### ■1130

Baki laluan CSR ataupun *Central Spine Road* yang lain akan dilaksanakan secara berperingkat-peringkat sepanjang tempoh Rancangan Malaysia Kesebelas ini iaitu dari tahun 2016 hingga ke tahun 2020 tertakluk kepada peruntukan yang diterima daripada Agensi Pusat.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai projek membina dan menaik taraf jalan Kota Bharu ke Kuala Krai pula, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerajaan telah memutuskan ia dibuat secara berperingkat kerana ia melibatkan kos yang tinggi iaitu dianggarkan sebanyak RM1.9 bilion. Pelaksanaan projek ini telah dipecahkan kepada tiga fasa iaitu:

- (i) Pakej 1 dari Wakaf Che' Yeh ke Kadok sepanjang 10.8 kilometer;
- (ii) Pakej 2 dari Kadok ke Bukit Tinggi Machang sepanjang 28.9 kilometer;  
dan
- (iii) Pakej 3 dari Bukit Tinggi Machang ke Kuala Krai sepanjang 21.1 kilometer.

Setakat ini kerajaan telah meluluskan dua pakej pembinaan untuk projek membina jalan Kota Bharu ke Kuala Krai iaitu Fasa 1, Pakej 1B Pasir Ho ke Kadok. Projek ini telah dimulakan pada bulan April 2014. Kemajuan semasa di tapak adalah 65% dan dijangka siap pada bulan April 2017. Fasa 2 iaitu pakej 2A, Kadok ke Ketereh. Projek ini telah dimulakan pada bulan April 2015. Kemajuan semasa di tapak 22% dan dijangka siap pada bulan April 2018.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, baki jajaran jalan *central spine* lain termasuk jajaran di negeri Kelantan akan dilaksanakan secara berfasa sepanjang tempoh Rancangan Malaysia Kesebelas ini tertakluk kepada peruntukan yang diterima daripada Agensi Pusat.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai status projek membina jalan dari Sungai Lembing ke Jerantut Pahang, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, projek ini telah dipohon untuk dilaksanakan dalam *Rolling Plans* Pertama tahun 2016 – 2017 Rancangan Malaysia Kesebelas. Walau bagaimanapun, projek ini ditangguhkan setelah mengambil kira faktor keutamaan projek yang rendah, isu sensitiviti alam sekitar dan juga kos projek yang sangat tinggi, anggaran RM1.1 bilion untuk jarak sepanjang 55 kilometer. Sekian Tuan Yang di-Pertua, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Indera Mahkota.

**Dato' Fauzi bin Abdul Rahman [Indera Mahkota]:** Terima kasih. Saya bila Kementerian Kerja Raya menjawab, saya sangat puas hati Tuan Yang di-Pertua. Saya ucap ribuan terima kasih. *No* soalan tambahan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, setakat itulah sesi soal jawab lisan untuk pagi ini.

***[Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan telah tamat]***

## **USUL MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH P.M. 18(1)**

### **BANJIR KILAT DI KUALA LUMPUR**

**11.33 pg.**

**Puan Nurul Izzah binti Anwar [Lembah Pantai]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya telah membawakan usul di bawah Peraturan Mesyuarat 18(1) berkait dengan kejadian banjir di kawasan saya dan saya bacakan Tuan Yang di-Pertua.

Bahawa Dewan ini membahaskan usul mengenai perkara tertentu, berkepentingan orang ramai dan perlu disegerakan iaitu kerosakan kenderaan, harta dan kerugian orang awam akibat banjir kilat di Kuala Lumpur serta langkah keselamatan untuk warga kota menghadapi banjir-banjir kilat seterusnya di Ibu Kota.

Kuala Lumpur telah dilanda banjir Tuan Yang di-Pertua, banjir kilat pada 12 Mei 2016 dan empat jalan utama di ibu kota telah dilanda banjir termasuklah dua buah jalan dalam kawasan Parlimen Lembah Pantai iaitu Jalan Bangsar dan Jalan Pantai Baharu. Air banjir naik hampir satu meter menenggelamkan hampir lebih 100 buah kenderaan yang terperangkap dan pengguna jalan raya mengalami kerugian dan perlu membaiki kenderaan dan barangan lain yang rosak dengan kos yang amat tinggi.

Saya bawakan usul ini memandangkan bagi pengguna jalan raya yang terkesan, mereka akan cuba memfailkan saman terhadap Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, pihak berkuasa bagi menuntut ganti rugi kerosakan. Malangnya mereka akan terus kekal akibat sebab teknikal. Di bawah peruntukan undang-undang yang sedia ada, memberikan laluan kepada pihak berkuasa tempatan untuk tidak perlu membayar ganti rugi kerosakan dan sebagainya atas sebab banjir kilat yang di bawah alasan *these are act of God*, dengan izin.

Maka, tiada cara lain bagi warga kota untuk meneruskan tindakan susulan bagi mendapatkan pembelaan tentang kepada apa yang telah berlaku. Saya juga nyatakan di sini Tuan Yang di-Pertua, atas sebab-sebab ini...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, Yang Berhormat. Kena baca teks Yang Berhormat.

**Puan Nurul Izzah binti Anwar [Lembah Pantai]:** Baca teks, baik. *[Ketawa]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Saya mencari-cari di mana ayat-ayat..

**Puan Nurul Izzah binti Anwar [Lembah Pantai]:** Oh, baik, baik, minta maaf. Pindaan undang-undang yang berkaitan dengan DBKL dan Kementerian Wilayah Persekutuan seperti *act of God* Tuan Yang di-Pertua, terima kasih, yang menyatakan DBKL tidak bertanggung jawab atas kerosakan kenderaan akibat bencana alam perlu disegerakan demi kepentingan awam.

Empat buah sekolah Tuan Yang di-Pertua, dalam kawasan Parlimen Lembah Pantai yang turut terjejas dan mengalami kerosakan harta benda akibat banjir kilat ialah Sekolah Jenis Kebangsaan (Cina) St. Theresa, Sekolah Menengah Kebangsaan La Salle, Sekolah Kebangsaan La Salle 1 dan 2. Jadi kesemuanya termasuk keselamatan pengguna jalan raya amat berisiko tinggi apabila 11 mangsa terpaksa diselamatkan termasuk seorang wanita OKU yang pitam akibat sesak nafas.

Diharapkan perbahasan usul ini mampu membantu menyelesaikan masalah kerosakan orang awam akibat banjir kilat dan membahaskan langkah efektif untuk keselamatan warga kota dalam menghadapi masalah banjir kilat di hari mendatang memandangkan masalah ini berkepentingan awam. Saya berharap Tuan Yang di-Pertua meluluskan, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, saya telah menerima suatu pemberitahu usul di bawah Peraturan Mesyuarat 18(1) daripada Ahli Yang Berhormat kawasan Lembah Pantai pada hari Isnin, 23 Mei 2016.

Teks usul itu adalah seperti yang dibacakan oleh Yang Berhormat kawasan Lembah Pantai sebentar tadi. Bagi membolehkan perkara ini ditimbang oleh Majlis Mesyuarat hari ini, saya sebagai Tuan Yang di-Pertua hendaklah berpuas hati bahawa perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat itu memenuhi tiga syarat iaitu bahawa perkara itu tertentu, ia adalah bagi kepentingan orang ramai dan ia berkehendak disegerakan.

Saya telah meneliti perkara ini dan mendapati bahawa:-

- (i) tertentu - perkara ini adalah perkara yang tertentu;

- (ii) kepentingan orang ramai - ia adalah kepentingan orang ramai;
- (iii) berkehendakkan disegerakan - perkara ini juga perlu disegerakan.

Oleh yang demikian, saya membenarkan usul ini dibahaskan. Mengikut Peraturan Mesyuarat 16(6) usul ini akan dibahaskan pada jam 2.30 petang di Kamar Khas. Saya akan membenarkan pihak pencadang untuk membahaskan selama 30 minit dan selepas itu pihak kerajaan akan menjawab selama 30 minit.

## RANG UNDANG-UNDANG

### RANG UNDANG-UNDANG PENGAMBILAN TANAH (PINDAAN) 2016

#### Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Aturan Urusan Mesyuarat dibaca bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguh atas masalah, "Bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang". **[23 Mei 2016]**.

**Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee):** Ya, sila Yang Berhormat Menteri.

**11.38 pg.**

**Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar [Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Bismillaahir Rahmaanir Rahiim. Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh.* Mohonkan saya sebelum menjawab Tuan Yang di-Pertua, merakamkan ucapan setinggi-tinggi terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah membahaskan isu berkenaan Rang Undang-undang Akta Pengambilan Tanah (Pindaan) 2016 sepanjang tempoh perbahasan rang undang-undang tersebut pada hari kelmarin.

*[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said)]*

#### **mempengerusikan Mesyuarat]**

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, seramai 22 Ahli Yang Berhormat telah membahaskan pelbagai isu yang berkaitan dengan Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar. Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada pihak yang berkenaan dengan rang undang-undang ini khususnya pihak *Attorney General*, pihak jabatan kementerian dan sebagainya.

#### **■1140**

Dalam masa yang sama Tuan Yang di-Pertua, undang-undang ini adalah undang-undang yang *procedural* kebanyakannya untuk merealisasikan hasrat negara untuk menjadi negara yang lebih kompetitif. Dalam masa yang sama tidak terlupa pada kesejahteraan rakyat.

Jadi dua perkara yang diaddress oleh Rang Undang-undang ini iaitu kesejahteraan rakyat dan *competitiveness* negara di kalangan antarabangsa. Sebagai sebuah negara perdagangan dunia kita mesti mengekalkan kedudukan *competitiveness* kita tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, saya setelah meneliti perundangan ini yang bersama dengan undang-undang lain yang ada hubung kait bersama dengan undang-undang iaitu Rang Undang-undang Kanun Tanah Negara dan juga Rang Undang-undang *Strata Title*, jadi kita bermula dengan undang-undang ini pada hari kelmarin dan terima kasih juga kepada Dewan memberi laluan kepada tiga undang-undang bersekali untuk dilaksanakan pada Dewan sesi ini.

Untuk makluman Yang Berhormat, prosedur pengambilan tanah yang dilaksanakan bagi maksud awam ini daripada tinjauan gred ya, apakah prosedur sebenar bagi pengambilan tanah? Berpandu kepada peruntukan yang termaktub Akta Pengambilan Tanah 1960, [Akta 4486], hartanah yang telah dikenal pasti untuk tujuan pengambilan tanah tersebut akan diangkat kepada pihak berkuasa negeri untuk mendapatkan kelulusan dan seterusnya diwartakan dalam gred warta kerajaan negeri.

Pihak berkepentingan yang terlibat akan dimaklumkan melalui Notis Pemberitahu Siasatan untuk hadir siasatan mengenai tuntutan oleh pihak berkepentingan. Pentadbir tanah akan mendengar segala tuntutan pihak berkepentingan dan seterusnya *award* ataupun pampasan akan diputuskan oleh pentadbir tanah berdasarkan prinsip penentuan pampasan yang termaktub dalam Jadual Pertama akta tersebut.

Pembayaran pampasan kepada pihak berkepentingan akan dibayar oleh agensi pengambilan yang terlibat dan tanah tersebut secara rasmi menjadi tanah kerajaan apabila Borang 'K' ataupun notis bahawa tanah telah diambil milik telah dikeluarkan. Sekiranya pihak berkepentingan tidak berpuas hati terhadap perintah yang dikeluarkan oleh pentadbir tanah, pihak berkepentingan boleh mengemukakan bantahan mengenai amaun pampasan kepada mahkamah.

Perkara yang sama juga ditanya oleh Yang Berhormat Seremban, pengambilan tanah dibuat kerajaan bagi membantu syarikat. Pengambilan tanah yang ada dibenarkan untuk tujuan kemajuan ekonomi Malaysia di bawah Seksyen 3(1)(b). Perkara ini adalah tidak bertentangan dengan akta yang bertujuan untuk membangunkan kawasan setempat. Namun pengambilan tanah di bawah Seksyen 3(1)(b) dan (c) hendaklah mematuhi syarat yang ketat bagi menjaga kepentingan rakyat. Mereka juga tertakluk membayar deposit hingga 125% dengan izin seperti dalam kaedah-kaedah pengambilan tanah.

Yang Berhormat Labuan juga berhubung dengan perkara yang sama, bolehkah pengambilan dibuat di kawasan strategik atau *urban* untuk tujuan komersial. Akta ini sebenarnya, pengambilan tanah bagi tujuan selain daripada maksud awam seperti mana yang diperuntukkan di bawah Seksyen 30(1)(b) dan (c), pihak berkuasa negeri akan menentukan sama ada maksud pengambilan itu adalah bagi tujuan sama seperti mana dalam akta. Bagi pengambilan tanah selain daripada maksud awam iaitu melalui Seksyen 3(1)(b) dan (c), maka prosedur pengambilan tanah yang ketat perlu dipatuhi.

Ini juga dibangkit oleh Yang Berhormat daripada Kota Raja, isu pengambilan tanah yang melibatkan nama pemilik tidak dalam geran. Sekiranya tanah atas nama si mati, pentadbir tanah akan mendepositkan ke Amanah Raya Berhad. Agihan pampasan boleh dibuat hanya setelah perintah pusaka diperolehi. Yang Berhormat, sebagai penjelasan lanjut kepada persoalan ini kebanyakannya masalah kita ialah banyak bukan saja dalam kelompok orang Melayu tetapi juga semua peringkat.

Sebagai pengamal undang-undang saya banyak mengalami perkara saya sama Yang Berhormat yang mana apabila bapa ataupun nenek mewariskan harta kepada anak dia dan anak dia berhak memberi nama dan mendaftarkan nama di dalam itu tetapi kadang-kadang pentadbir ataupun *administrator* kepada harta ini tidak mendaftarkan nama itu di dalam geran tanah. Jadi apabila tanah sedemikian ini diambil oleh pihak kerajaan, maka kerajaan hanya melihat yang berdaftar sahaja. Tidak melihat kepada waris-waris lain yang tidak ada dalam pendaftaran.

Ini sebab Dasar Tanah Negara menyebut secara jelas mengatakan bahawa yang ditunjuk dalam geran itu saja yang berhak ataupun yang ada daftar sama ada *caveat* dan sebagainya. Itu saja yang berhak mengambil, mendapat keuntungan daripada penjualan daripada *proceed of sale* dengan izin daripada tanah tersebut ataupun dari *acquisition compensation* yang diterima daripada pihak kerajaan.

Jadi ini satu masalah di luar bidang kuasa kementerian saya. Ia terpulang kepada keluarga tersebut untuk berjumpa kepada pihak-pihak tertentu untuk mengambil *letter of administration* dan mendaftarkan nama-nama yang terlibat dan selepas itu kalau di kalangan orang Islam perkara ini perlu selepas itu di *refer* kepada faraid, mahkamah untuk mendapat pengagihan yang tertentu kepada anak cucu yang terlibat. Jadi ini pula terpulang kepada pemegang harta itu sendiri sama ada amanah ataupun tidak.

Yang Berhormat, dalam hidup saya sebagai pengamal undang-undang dahulu, saya pernah terjumpa satu keluarga, nama dia saja termasuk dalam geran tetapi dia kata mak saya mewakilkan saya memberi ini kepada semua adik-beradik saya dan anak-anak adik-adik saya. Tapi tidak ada dalam geran. Dia bahagikan tiap-tiap seorang walaupun hanya RM2 ribu, RM3 ribu saja satu orang dapat. Tapi ini seorang yang amanah. Jarang dijumpa.

Jadi ada kadang-kadang yang tidak amanah, nama adik-beradik pun tidak diisytiharkan kepada pihak pengeluar *letter of administration*. Akhirnya terkeluar daripada pendaftaran, keluar daripada pendapatan waris. Jadi ini di luar bidang kuasa kementerian saya tapi boleh dirujuk kepada pihak-pihak yang tertentu dan tugas dan tanggungjawab saya, saya faham Yang Berhormat, masalah keluarga yang orang bijak pandai yang mengetahui yang faham. Tetapi orang kampung memang payah hendak mengetahui sudut ini. Terima geran, inilah dia.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, ada dua yang bangun. Siapa Yang Berhormat.

**Dato Sri Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar:** Saya ingat Yang Berhormat Kota Raja, selepas itu Yang Berhormat Indera Mahkota.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Kota Raja selepas itu Yang Berhormat Indera Mahkota. Sila.

**Dr. Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya tahu ini adalah di luar bidang kuasa kementerian kerana tidak ada peruntukan di dalam undang-undang. Sebagai membuat dasar dan yang juga mendraf undang-undang dan sebagainya, saya ingin bertanya pihak kerajaan kerana masalah ini bila kita tidak adakan satu undang-undang, makna dia mengundang-undang supaya pemegang amanah, *the person responsible* supaya menyelesaikan masalah pusaka ini dalam masa yang tertentu, yang munasabah kerana ya dalam Islam kita kata kita kena tolong orang jangan buat zalim dan juga orang yang dizalimi. Dalam kes ini orang yang menzalimi dirinya adalah pemegang amanah dan orang yang dizalimi adalah pewaris-pewaris yang sepatutnya mendapat bahagian mereka.

Jadi saya ingin bertanya, sampai bila persoalan ini akan berterusan. Tidakkah kerajaan berhasrat untuk meminda undang-undang, membuat satu syarat ataupun mengenakan hukuman kepada mereka yang sengaja tidak mahu menyelesaikan masalah ini secara yang telah ditetapkan oleh undang-undang. Kalau mereka diberi satu keluasan begitu dan tidak ada penalti ke atas mereka, maka saya ingat perkara ini tidak akan selesai sampai bila-bila dan betul kerajaan membayar pampasan. Tetapi pampasan itu masuk di dalam Amanah Raya. Siapakah yang akan dapat manfaat daripada situ. Saya mohon kepada kementerian untuk mengkaji perkara ini. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Indera Mahkota.

#### ■1150

**Dato' Fauzi bin Abdul Rahman [Indera Mahkota]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Menteri. Saya ada dua perkara. Pertama, saya hendak mendapat kepastian daripada Yang Berhormat Menteri, pemegang *letter of administration (LA)*, adakah menjadi kewajipan dia untuk mendaftarkan *the rightful heir* ataupun tidak perlu mendaftar, hanya dia sahaja boleh mengagihkan, itu satu. Kedua, *please correct me if I'm wrong*, dengan izin, *that Acquisition Act*, maksudnya pengambilan tanah oleh kerajaan untuk maksud *public purpose is not contestable in court*, betul atau tidak? Apa yang boleh hanyalah *quantum* untuk ganti rugi. Itu sahaja Tuan Yang di-Pertua, terima kasih.

**Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar:** Terima kasih. Dua-dua soalan itu pada saya memang relevan dan *very critical*. Saya mengetahui secara peribadi soalan dua perkara ini yang khususnya berhubung dengan soalan penyelesaian amanah yang disoal oleh Yang Berhormat Kota Raja. Memang Yang Berhormat, minta ruang sedikit saya hendak beri satu contoh. Ada seorang pegawai kanan daripada *Housing Commission Sarawak*, dia berhasrat hendak menjual harta dia kepada satu kumpulan hendak membeli tanah ini. Akan tetapi malang bagi dia, harta itu adalah kepunyaan bapa dia dahulu, sudah meninggal dunia. Dia hendak meminta *letter of administration* daripada pihak Jabatan DO di Sarawak tidak



berkemampuan hendak memberi oleh kerana 11 adik-beradik itu tidak hendak *sign* surat untuk *consent to give letter of administration*.

Jadi, kalau dipinta 11 orang dalam *letter of administration* jadi *administrators* pun tidak bersetuju juga hendak kekal tanah itu macam itu juga. Akhirnya, tidak sampailah hasrat hingga meninggal, selama 12 tahun tuan punya tanah tadi yang saya sebut, meninggal dia sendiri dan harta itu kalau hakikatnya kepunyaan anak-anak dan isteri dia sudah, bukan kepunyaan dia lagi sebab dia sudah meninggal. Jadi, *problem* ini memang *continue to evolve*. Kalau mati lagi yang 11 orang itu, cucu dia berapa orang, mungkin 40-50 orang yang menjadi masalah untuk menjual harta ini hingganya harta itu tidak ada nilai lagi kepada mereka.

Jadi, memang tidak ada undang-undang yang tertentu untuk memaksa sesiapa mewakili sesiapa untuk menjual harta benda, khususnya harta tanah dalam undang-undang kita. Akan tetapi di England Yang Berhormat, apabila harta tanah dipunyai *more than one*, dua dan ke atas, *it becomes proceed of sale*. *You* tidak *hold* tanah itu lagi, *proceed of sale* itu yang jadi - maknanya, ada orang yang boleh jualkan harta benda itu, tanah itu boleh dijual dan pembahagian harta sahaja boleh dibuat.

Dalam *Torrens System* tidak ada tetapi dalam British punya sistem ada perundangan yang sama. Akan tetapi belum difikirkan oleh kerajaan sama ada kita boleh mengguna cara yang sama untuk membataskan supaya harta benda diwarisi oleh *two or more person* ini boleh diisytiharkan sebagai satu harta, hanya kepada *proceed of sale*, bukan kepada harta itu sendiri. Makna, Amanah Raya boleh menjual harta ini, ambil duit, bahagi kepada si waris. Mungkin Yang Berhormat, saya pernah memikir lama cerita ini, sudah puluh tahun tetapi hendak *push* dengan kerajaan itu payah betul kerajaan hendak terima. Kadang-kadang *stepping out of the box, too far out of the box* itu, kadang-kadang *too visionary* orang pandang.

Yang Berhormat, kita boleh fikir juga, terima kasih Yang Berhormat membawa cerita ini. Kedua, Yang Berhormat daripada Indera Mahkota bertanya soalan *letter of administration*. Tadi sedikit sebanyak sudah saya sebutkan, sebenarnya tiap-tiap orang yang berhak kepada harta yang diwarisi mesti bersama, bersetuju melantik sama ada salah seorang daripada mereka ataupun kesemua mereka menjadi *administrator*. Mesti kena *sign* semua Yang Berhormat. Kena *sign* semua dan bersetuju. Selepas itu bila sudah dapat itu, bila dia masuk dalam geran tanah, dia belum lagi menjadi tuan tanah, dia hanya tuan tanah ada nota tersebut menunjukkan bahawa dia *as a representative* sahaja. Makna, dia *holding that on trust*. Harta benda dan duit penjualan itu nanti *he is holding on trust*, amanah. Makna, dia tidak boleh diguna dia seorang diri, dia tidak boleh dipakai seorang diri tetapi harta benda keseluruhan waris dia. Kalau salah *distribution* dia, dia jawab dengan Tuhan Yang Berhormat, bukan pada kita.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Boleh minta penjelasan Yang Berhormat?

**Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar:** Jadi, tolong Yang Berhormat, tunggu sekejap. Saya memang hendak bagi ini, lama tidak dengar suara. Jadi makna dia, dia kena bersama, dia kena tukar nama *as a matter of cause* sebagai amanah, pemegang amanah, tukar

kepada semua nama supaya amanah itu selesai pada dia. Kedua, tanggungjawab- apa yang kedua tadi Yang Berhormat?

**Dato' Fauzi bin Abdul Rahman [Indera Mahkota]:** Berkenaan *land acquisition*. Kalau untuk *public purpose*...

**Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar:** Oh! Ya ya. Sama ada boleh *contest substantive* itu untuk *acquisition* itu sendiri. Pada saya, saya tidak ada undang-undang yang menghalang orang pergi ke mahkamah untuk dia tidak hendak *require* itu Yang Berhormat. Akan tetapi *you got to justify* mahkamahlah oleh kerana tujuan negara kita ada tujuan-tujuan yang tertentu yang *to convince* mahkamah. Jadi, sebenarnya berdasarkan peruntukan undang-undang sedia ada, hanya isu *quantum* sahaja boleh dibawa ke mahkamah. Namun, pemilik tanah bebas meminta semakan kehakiman. Jadi, dalam keadaan sedemikian Yang Berhormat, makna proses mahkamah ataupun *judicial review* dan sebagainya itu, masih boleh dilaksanakan.

**Dato' Fauzi bin Abdul Rahman [Indera Mahkota]:** Terima kasih, terima kasih.

**Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd. Akin [Bukit Katil]:** Boleh Yang Berhormat?

**Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar:** Tidak Yang Berhormat, saya bagi Yang Berhormat Kinabatangan. Oh! Nampak segar cantik.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Menteri, saya sebetulnya memang banyak mendapat aduan berhubung dengan kes-kes yang sebegini berlaku iaitu perebutan harta peninggalan ataupun ketidakamanan pemegang amanah tersebut dan menimbulkan berbagai-bagai perkara yang negatif yang berlaku. Jadi, mendengar hujah daripada Menteri bahawa kita tidak ada peruntukan undang-undang yang boleh untuk menyelaras kecuali kita mengikuti langkah Parlimen di Britain.

Rasa saya Yang Berhormat Menteri, sampai sudah masanya untuk Yang Berhormat Menteri membawa ke pengetahuan kerajaan supaya perkara ini mungkin, kalau undang-undang kita begitu longgar, maka kita mendapati ada beberapa buah negara yang undang-undangnya baik, saya mungkin memang bersetujulah. Ini sebab perkara ini memang merisaukan, terutama sekali di Sabah dan Sarawak. Kita ini daripada luar bandar dan memang adalah sekeping, dua keping tanah dimiliki dan mereka untuk mendaftar pewaris ini bukan mudah, untuk keluar ke bandar dan sebagainya.

Jadi, mungkin boleh diberi kepada- *delegate* untuk penjualan dan kemudian hasilnya dibahagi-bahagi kepada pewaris-pewaris dia. Kalau tidak, harta ini akan menjadi beku dan tidak dapat dinikmati oleh pewaris-pewaris yang seharusnya. Ini pada saya harus kita- kita pun sudah menuju ke dunia yang lebih maju, kita memerlukan undang-undang yang lebih baik untuk menjamin kestabilan rakyat dan juga pemegang-pemegang amanah yang beramanah, kita rasakan boleh memberi inspirasi baru kepada keluarga-keluarga dia. Terima kasih Menteri.

**Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd. Akin [Bukit Katil]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak *follow-up* ataupun hendak ambil pandangan daripada Yang Berhormat Menteri tentang jawapan yang akhir tadi iaitu berkaitan dengan tujuan-tujuan pengambilan tanah ini yang tidak boleh dipertikaikan. Bermakna, kalau kerajaan telah buat keputusan untuk mengambil kawasan tertentu di bawah Akta Pengambilan Tanah, maka yang boleh dipertikaikan itu hanyalah *quantum* sahaja ataupun pampasan.

Saya ingin membawa perhatian Yang Berhormat Menteri bahawa kita dapat pelbagai maklumat bahawa tujuan pengambilan tanah ini kebanyakannya kalau tidak berjaya, agak *significant* kerana ianya tidak dilaksanakan mengikut tujuan pengambilan tersebut. Jadi, saya sebagai pengamal undang-undang pun kadang-kadang didatangi oleh anak-anak guam bertanyakan boleh tidak kita cabar kenapa tanah ini hendak diambil.

Jadi, saya percaya undang-undang ini digubal pada tahun 1960. Zaman berubah, tentulah kebijaksanaan rakyat juga meningkat. Jadi, saya ingin tanya. Apakah ada di sana ruang untuk kerajaan mengkaji semula agar tujuan pengambilan tanah ini pun kalau kadang-kadang tujuannya tidak munasabah, boleh dibuka sedikit ruang agar mereka yang terbabit itu boleh mencabar di mahkamah.

#### ■1200

Bukan sekadar untuk kuantum sahaja tetapi malah mencabar kenapa tanah di kawasan ini diambil. Ini kerana kita dengar banyak perbincangan semalam menyatakan pandangan bahawa terdapat salah guna. Jadi, apakah ada *save guard* dalam undang-undang ini untuk mengelakkan daripada penyalahgunaan. Terima kasih.

**Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar:** Terima kasih Yang Berhormat. Saya sependapat dengan Yang Berhormat. Saya juga sebelum menjadi wakil rakyat sebagai pengamal undang-undang dan saya juga hendak sebut, mula-mula saya hendak sebut perkataan *victim* tadi. Saya juga mempunyai beberapa banyak bidang tanah diambil oleh kerajaan.

*I consider myself at certain time quiet rich in land bank.* Sebagai pengamal undang-undang beli tanah sini, beli tanah situ, banyak. Jadi, tanah saya diambil dengan *compensation* yang mungkin tidak mencukupi. Ini dalam sudut Sarawak, perundangan Sarawak itu sendiri. Itulah, jadi memang saya bersetuju. *Insyallah* Yang Berhormat kita akan *study*, bahkan ada dua, tiga perkara lagi saya hendak kaji dalam sudut undang-undang kita yang ada khususnya soalan yang tadi yang banyak disentuh oleh Yang Berhormat Kota Raja. Soalan *registrable and non registrable interest* ini.

Sebabnya saya berpengalaman. Dalam masa singkat saya berpengalaman bahawa kadang-kadang jabatan, agensi kerajaan hanya melihat *registrable interest* tetapi ada *unregistered interest* yang lebih besar, lebih penting, yang lebih kritikal perlu ditangani, yang perlu dilihat *before we can make use of section 29 to refer the matter to court for decision of the court* untuk di mana letaknya disimpan duit, *compensation* itu sebelum diagih-agihkan. Jadi, ini

saya hendak lihat perundangan ini. Saya sudah bagi notis dengan *my* PUU, bincang dengan AG untuk macam mana boleh- sebabnya bukan soalan *registered name* sahaja, bukan soalan kaveat sahaja tetapi soalan *pronouncement of the court which is not been caveated*. Court kata you berhak dengan harta ini sekurang-kurangnya banyak ini. RM30 juta, RM10 juta atau pun 10 sen kata dia tetapi tidak ada *registered*.

*Whether under the* undang-undang itu *we can refer to* mahkamah bagi mahkamah *distribute* dengan kita. Bukan pampasan itu terus daripada pejabat tanah-tanah, pada *clement*. Jadi, dalam keadaan sedemikian saya masih *review* Yang Berhormat sama ada *it can be done*. Kedua, ...

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Baling bangun.

**Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar:** Sebagaimana Yang Berhormat sebut tadi amat penting, memang betul. Untuk *justice to all* supaya walaupun skop di bawah seksyen 3 sebagaimana yang disebut oleh Yang Berhormat Beruas panjang lebar semalam memang besar. Bukan sahaja soalan untuk *public for purpose* yang telah dipinda untuk *address cases* yang disebut oleh Yang Berhormat Beruas pada satu ketika dahulu kerana kes itu pada 80-an dan undang-undang dipinda selepas itu untuk *address the situation*.

Ada pindaan menunjukkan bahawa untuk *economy purpose*, untuk pembangunan *purposes* ia boleh diberi dengan syarikat-syarikat tertentu. Dalam keadaan sedemikian memang kalau hanya ini untuk pihak-pihak tertentu hendak bina dia punya *land bank* sahaja sama ada negeri atau pun pusat *it can be challenge* dalam mahkamah. Kita akan *review* undang-undang *insya-Allah* Yang Berhormat. Sila Yang Berhormat.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, sila Yang Berhormat Baling.

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Menteri. Jawapan pun panjang lebar, saya mengamati tadi. Sebenarnya saya bersama rakan-rakan di sini jugalah. Ini berkaitan dengan hal ehwal tanah di mana di kawasan saya, di kawasan luar bandar pun ada sama juga. Di antaranya masalah pengambilan tanah daripada kerajaan dan juga berkaitan dengan faraid bagaimana mereka hendak agihkan dan sebagainya.

Pada pengamatan saya untuk makluman Yang Berhormat Menteri, memang ada pelbagai kekangan dari sudut agensi-agensi di bawah Yang Berhormat sendiri, daripada Jabatan Tanah dan juga cara pampasan itu dibayar dan sebagainya. Saya cuma ingin maklumkan kepada Yang Berhormat Menteri dan bertanya bahawa ia banyak sangat *red tapes*. Kalau kita tengok, lihat, teliti banyak *red tapes* nya. Bukan setakat orang kampung Yang Berhormat Menteri, dia juga orang besar. Orang yang meniaga pun. Malah, syarikat-syarikat besar pun bila mereka beli dan bila ada perjanjian lepas itu tanah itu orang yang jual itu tidak amanah pergi jual balik, gadai kepada orang lain. Bila yang si pembeli tadi hendak bayar, minta

balik duit pampasan yang dia bayar contohnya deposit pun ditipu dan sebagainya. Ini kerana *red tapes* itu.

Jadi, betul Yang Berhormat Menteri sebut tadi dengan izin *you have to have some scrolled account* atau pun yang lazimnya kalau *normal sales and purchase agreement, lawyer* pegang duit tersebut. Jadi, sekarang ini kalau mahkamah jatuhkan keputusan atau pun buat sebarang *verdict* tetapi ia tidak dapat dilaksanakan kerana dari sudut pembayaran tadi itu tidak ada *specific verdict*. *Ada scrolled account* kah, duit ini patut disimpan di mana, atau pun sebagai *stakeholder*, ada *lawyer* kah dan sebagainya. Sebab ini di antara kerajaan dengan rakyat atau pun kerajaan dengan syarikat. Jadi, itu harus diperhalusi balik dari sudut perundangan.

Yang Berhormat Menteri sebut tadi sudah *refer* pada AG dan pihak Ag juga harus melihat perkara tersebut sebab ini sudah jadi masalah besar. Untuk Yang Berhormat Menteri daripada orang kampung sekecil-kecil orang kampung, sebesar-besar saudagar tanah pun ada masalah *red tapes* ini tadi sehingga memungkinkan keputusan mahkamah *very clear*. *Very clear*, ada *verdict* dia, dia bagi dah mengatakan duit ini contohnya RM20 juta harus dibayar kepada Cik sipolan sipolan ini. Akan tetapi bila mana hendak bayar sudah *government* kata *no, we can not pay, your* jabatan, *your* kementerian sendiri kata kita tidak ada *locus standi* untuk bayar. Ini *third party* dan sebagainya punya *involvement*.

Jadi, saya harap Yang Berhormat Menteri dapat menghalusi perkara ini dalam konteks sosial *responsibility*. Kita sebagai Kerajaan Barisan Nasional yang berhemah, kerajaan yang mendahulukan rakyat, mendengar denyutan nadi rakyat, saya harap Yang Berhormat Menteri dapat meneliti secara sehalus-halusnya dan minta semua jabatan-jabatan yang berkaitan khususnya pejabat AGC (AG Chambers) untuk kita melaksanakan satu kaedah NBOS, *National Blue Ocean Strategy*. Sebab itulah NBOS ini diwujudkan. NBOS ini diwujudkan untuk semua kementerian bercakap dalam satu nada, seia, sekata. Tidak lain tidak bukan untuk membantu rakyat. Itulah harapan saya sebagai wakil rakyat di kawasan saya. Rakyat saya di Baling pun harus diteliti dan semua rakan-rakan tadi pun sebut.

Jadi, kita janganlah bagi ruang kepada rakan-rakan ini, yang baik-baik ini. Kadang-kadang mereka boleh tidak baik di pilihan raya kecil akan datang. Mereka akan cerita semua benda yang tidak baik pasal kita tetapi dalam ini mereka minta tolong daripada Menteri. Jadi, saya harap Menteri dapat menghalusi dan menyelesaikan masalah ini *because it's too long*. Yang Berhormat Menteri sudah terlalu lama. Jadi, Yang Berhormat Menteri juga seorang pengamal undang-undang *you have* latar belakang yang cukup indah dan cantik untuk menyelesaikan perkara-perkara yang dibangkitkan oleh semua rakan wakil rakyat. Terima kasih.

**Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar:** Terima kasih. Itu panjang cerita yang ada latar belakang kebenaran Yang Berhormat. Saya tahu masalah yang disebut oleh Yang Berhormat tadi itu. Sebenarnya berlandaskan latar belakang itulah kenapa saya telah memberi arahan kepada penasihat undang-undang kementerian saya bersama dengan pihak

AG untuk mengkaji semula soalan *unregistered interest* ini khususnya apa Yang Berhormat sebutkan tadi .

Kalau mahkamah sudah buat *announcement* atau pun keputusan atau pun apa yang disebut dalam mahkamah itu sahaja. Kalau orang tidak mengambil tindakan khususnya macam membuat kaveat dan sebagainya, berlandaskan *pronouncement* ini dengan sendirinya kalau pampasan itu keluar nanti dia akan terlepas kepada orang yang ada dalam geran tanah itu sahaja. Ini akan mendatangkan ketidakadilan.

Oleh kerana itulah sebab saya memang berhasrat untuk *review* semula seksyen ini supaya *to address*. Macam mana bahasa Melayu menyebut *to address* ini? Mengatasi masalah. *[Disampuk]* Mengalamatkan. Ini pakar bahasa dekat belakang mengatakan mengalamatkan. *To address* masalah ini. Jadi, *insya-Allah* kita akan lihat, saya cukup yakin Yang Berhormat-Yang Berhormat sekalian memahami latar belakang ini. Kalau pindaan sedemikian di bawa ke Dewan itu oleh kerana Yang Berhormat Menteri nya amat peka dengan persoalan *justice to all*. *Justice* kepada semua yang berkehendakkan *justice* daripada kerajaan khususnya kerajaan yang telah berjanji dengan rakyat untuk memberi *justice to all*. Terima kasih.

**Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]:** Yang Berhormat Menteri.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Gerik bangun.

▪ 1210

**Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Menteri. Saya merasakan undang-undang di negeri sudah mencukupi. Cumanya isu yang kita bangkit ialah masa pengambilan. Bila telah dibuat bicara kuasa, memanglah telah diputuskan sebelum itu siapa nama yang berhak berada dalam geran. Soal pokoknya pada hari ini ialah sesiapa penama tuan milik tanah meninggal dunia ketika bicara kuasa yang boleh kita buat di dua tempat tidak silap saya Yang Berhormat Menteri, sama ada pejabat tanah atau di Amanah Raya. Masa perbincangan ini yang dibuat oleh pejabat tanah ini, waris-warisi mesti hadir. Kalau tidak ada persetujuan dari semua pewaris, maka kedudukan geran tanah tadi tidak boleh diselesaikan.

Sebenarnya, kita kena lihat kerana kita ini ambil semasa geran itu sudah dibuat pengambilan. Maknanya sudah diputuskan kecuali kes yang berlaku, masa pengambilan tanah tadi, tuan tanah sebenar meninggal tidak dibuat perbincangan kuasa. Ini yang kita kena selesaikan. Saya rasakan untuk kita semua, mesti kita bagi nasihat kepada pewaris-pewaris di seluruh negara menyelesaikan – pada pandangan saya menyelesaikan kita kata bicara kuasa yang dibuat oleh pejabat tanah di mana PTG dia ada mahkamah khas untuk menentukan siapa yang layak berada dalam pewaris-pewaris yang sebenar. Minta komen daripada Yang Berhormat Menteri. Terima kasih.

**Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar:** Walaupun saya tidak bercanggah dengan pendapat Yang Berhormat, tetapi saya setuju kalau kita boleh nasihatkan semua. Saya

tidak tahu berapa banyak orang yang mati tiap-tiap hari yang ada harta benda yang bakal di *dispute* kan di pejabat-pejabat kerajaan. Jadi soalan kesedaran kepada masyarakat ini memang satu isu kritikal kepada pihak kerajaan. Saya cukup yakin kalau semua wakil rakyat boleh bantu juga soal ini di peringkat masing-masing, kalau dengar ada *constituent* itu meninggal, ada harta benda tanah yang terlibat, bawa mereka kepada pihak-pihak yang tertentu.

Pertama, untuk mengambil *letter of administration*. Pengurusan itu dulu. Kalau tidak dapat persetujuan, jadi lagi kita berhadapan dengan masalah jalan buntu. Kita tidak boleh paksa mana-mana waris ini untuk bersetuju di antara mereka. Macam mana hendak ambil *letter of administration*. Kalau *letter of administration* tidak diambil, tanah *diacquire* oleh pihak kerajaan. Kerajaan masih boleh ambil tanah itu. Dia boleh ambil dan duit itu akan disimpan kepada Amanah Raya. Apabila duit itu disimpan kepada Amanah Raya, duit akan tinggal di sana. Kalau *letter of administration*, surat pentadbiran ini tidak diluluskan atau tidak dikeluarkan, akhirnya sekali lagi kita menghadapi jalan buntu. Akan tetapi malang bagi kita ini di luar skop undang-undang ini bila sampai ke peringkat itu. Dia bukan lagi soal pengambilan tanah tetapi yang penting bagi kita tadi ialah supaya duit pampasan daripada pihak *Treasury* kepada Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian, sebelum diberikan kepada Jabatan Tanah dan Galian Negeri, sebelum diberi ceknya kepada pihak penuntut, kalau berlandaskan apa yang Yang Berhormat sebut, berlandaskan nama yang didaftar itu sahaja, bermakna kita akan *ignore* waris yang sebagaimana disebut oleh Yang Berhormat Kota Raja, sebagaimana yang disebut oleh Yang Berhormat Indera Mahkota dan lagi seorang Yang Berhormat sebut tadi. Kita tidak boleh.

Itulah kenapa saya berpandangan bahawa undang-undang itu belum memuaskan perasaan saya sebagai pengamal undang-undang dahulu untuk sekurang-kurangnya *unregistered interest* ini. Perlu diambil kira semasa pembahagian *proceed* daripada pampasan yang bakal diterima daripada pihak kerajaan. Kalau *proceed* belum *dideterminekan*, orang itu berhak pergi ke mahkamah, jabatan berhak pergi mahkamah supaya duit ini jangan disimpan di dalam jabatan tetapi diserahkan kepada mahkamah untuk disimpan oleh mahkamah atas arahan mahkamah untuk pengeluaran sumber kewangan tersebut. Jadi itu sahaja komen daripada saya, Yang Berhormat. Jadi saya pindah kepada Gerik lagi.

Yang Berhormat Gerik banyak cerita semalam. Isu tentang rakyat perlu dimaklumkan berhubung hak untuk mengetahui proses pengambilan terutama berhubung jumlah pampasan. Rakyat akan diberikan maklumat berhubung proses pengambilan terutamanya tentang hak dalam jumlah pampasan melalui siaran media bagi menjelaskan tentang prosedur dan proses terlibat. Ia akan dijelaskan selepas ia dikuatkuasakan.

Di sini juga Yang Berhormat Kota Raja ada sebut iaitu isu pampasan pengambilan tanah pusaka oleh waris. Tadi sudah saya ulas panjang lebar. Jadi tidak perlu disebut lagi. Ketiga, Yang Berhormat Kota Raja juga berkenaan pengambilan tanah dan dibayar pampasan bagi kecederaan *injures and affection*. Pengasingan 'severe' yang dialami oleh tuan tanah terlibat

pengambilan tanah. Prinsip penilaian adalah terpakai dalam kes pengambilan tanah di mana sekiranya berlaku kecederaan dan kecacatan tanah dan atau pengasingan terhadap tanah tersebut, pampasan mengenai perkara ini akan dibayar mengikut undang-undang sekiranya baki yang tinggal kepada tuan tanah tidak *economic* lagi, pengambilan keseluruhan tanah akan dilaksanakan. Ini bertujuan untuk mengelakkan hak tuan tanah yang terlibat dinafikan di bawah undang-undang.

Kalau di Semenanjung, saya belum mendengar amalan. Ini bukan undang-undang. Amalan. Kalau di Sarawak boleh diamalkan. Apabila tanah itu diambil oleh kerana *public purpose* dan sebagainya, tinggalan tanah itu ada sedikit tetapi mungkin sudah *blide* ataupun menjadi kurang nilai, tidak ada harga lagi oleh kerana kalau jalan dibuat, tanah jadi mendap jauh ke bawah, jadi dia boleh menulis kepada Jabatan Tanah dan Ukur, meminta supaya tanahnya yang baki itu diambil juga oleh kerajaan bernilai berlandaskan penilaian semasa. Jadi ini pernah dibuat dan kerap dibuat oleh pihak-pihak di Sarawak.

Yang Berhormat Bagan Serai. Tanah-tanah milik kedai tidak berpeluang untuk membesarkan perniagaan kompleks membeli belah apabila tanah mereka diambil untuk projek MRT tanah bawah tanah. Tuan tanah yang tanah mereka diambil dan diberikan pampasan yang sewajarnya, sebarang isu atau bantahan terhadap jumlah pampasan boleh dirujuk ke mahkamah. Jadi soalan mahkamah ini memang saya cukup yakin. Bukan semua orang pergi dapat mahkamah, nombor satu. Nombor dua, bukan semua orang mengetahui bahawa ada mekanisme untuk pergi ke mahkamah khususnya sebagaimana yang disebut oleh Yang Berhormat Baling tadi, orang kampung, kalau orang bandar memang dia banyak cerdik. Kalau tidak cerdik dia boleh jumpa peguam. Kalau tidak jumpa peguam, jumpa kawan kaki lima pun pandai bagi nasihat. Akan tetapi orang kampung kadang-kadang dia sembang surau dan sebagainya sahaja. Mungkin tidak mengetahui ataupun jauh ataupun *costly* dan sebagainya. Jadi masalah ini saya cukup yakin wakil rakyat boleh bantu kalau masalah berbangkit.

**Tuan Nga Kor Ming [Taiping]:** Yang Berhormat Menteri, boleh minta penjelasan? Terima kasih Yang Berhormat Menteri dan terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya sila Yang Berhormat Taiping.

**Tuan Nga Kor Ming [Taiping]:** Sehubungan dengan tindakan mahkamah, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri, sekiranya kerajaan ambil hak memiliki hartanah adalah dijamin di bawah Perlembagaan Persekutuan sebagai hak asasi rakyat negara ini, dengan akta ini kerajaan mengambil hartanah milik individu dengan tujuan *public purpose* tetapi di depan mata kita, ada banyak kes di mana kerajaan telah mengambil alih tanah tetapi tidak dibangunkan. Akhirnya disewa balik kepada pemilik ataupun pihak ketiga. Saya bagi contoh. Di Tapah, Perak, kerajaan mengambil lebih kurang 5,000 ekar atas nama ingin membangunkan Universiti Komanwel. Akan tetapi setelah menunggu lebih kurang sepuluh tahun, bayang universiti pun tidak nampak, tanah yang dirampas disewa kepada pihak ketiga.



Saya ingin tanya kepada pihak Yang Berhormat Menteri. Bukankah ini merupakan satu pencabulan hak dan satu penganiayaan kepada tuan punya tanah asal? Mereka ingat tanah itu diambil untuk tujuan pembinaan universiti tetapi universiti sampai sekarang, tunggu, tunggu. Sudah lebih kurang sepuluh tahun atau satu dekad, pelan pembangunan pun tidak ada.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Taiping, semalam...

**Tuan Nga Kor Ming [Taiping]:** Maka ingin tanya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat.

**Tuan Nga Kor Ming [Taiping]:** Sekejap, saya ingin meminta jawapan daripada pihak Yang Berhormat Menteri....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat. Yang Berhormat Taiping.

■1220

**Tuan Nga Kor Ming [Taiping]:** Apakah penyelesaian untuk memastikan masalah tidak berulang pada masa depan? Sekian terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Taiping, Yang Berhormat Taiping semasa Tuan Yang di-Pertua sedang bercakap sila duduk. Sebenarnya Yang Berhormat, banyak isu seperti Yang Berhormat sebut tadi telah disebut dan dibahaskan atau telah buat pencerahan semasa ucapan Ahli Yang Berhormat yang lain.

Saya percaya kalau kita diulang-ulang perbahasan dan isu yang ditimbulkan akan memakan masa yang panjang. Saya yakin Yang Berhormat Menteri ada jawapan kepada segala isu yang telah ditimbulkan. Satu lagi perkara, isu-isu yang baru, saya percaya Yang Berhormat Menteri pun sangat arif tentang peraturan dan bolehlah sekiranya untuk memberikan jawapan bertulis. Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

**Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar:** Saya ada mendapat satu indikasi daripada Tuan Yang di-Pertua bahawa jangan panjang sangat menjawab sebab jawab bertulis katanya. Jadi ...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Jawapan bertulis maksud saya isu yang baru Yang Berhormat.

**Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar:** Jadi Yang Berhormat sebenarnya apa Yang Berhormat bangkit itu sebenarnya memang *reputation from yesterday* punya *debate*. Jadi saya kena tunggu habis jawapan saya sama ada menjawab ataupun tidak. Kalau selepas itu kalau pasal sebelum itu saya akan jemput Yang Berhormat tanya lagi. Tidak payah tanya lagi. Saya akan jawab itu kalau tidak ada dalam jawapan saya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya itu maksud saya Yang Berhormat Menteri.

**Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar:** Okey terima kasih. Daripada Yang Berhormat Bayan Baru, adakah kerajaan melalui pindaan untuk menjelaskan pengambilan tanah bawah tanah ini mencontohi Singapura yang mempunyai pelbagai kegunaan tanah bawah tanah. Dari sudut pelbagai kegunaan tanah bahawa tanah peruntukan yang menyeluruh telah pun diperuntukkan dalam Kanun Tanah Negara dan ia lebih *extensive* daripada Perundangan Tanah Singapura pindaan Akta Pengambilan Tanah dalam konteks tanah bawah tanah hanya untuk menjelaskan pengambilan yang melibatkan tanah bawah tanah ini.

Hak milik sambungan bagi menjelaskan hak yang kekal kepada tuan punya tanah, permukaan akan diperjelaskan pindaan Kanun Tanah Negara yang akan saya bantangkan selepas ini nanti. Yang Berhormat Bayan Baru juga bertanya isu nilai tanah bagi pengambilan tanah bawah tanah. Ia akan berdasarkan jadual pertama sedia ada dalam Akta Pengambilan Tanah. Namun demikian, tiada transaksi jual beli tanah untuk tanah bawah tanah pada masa kini.

Oleh yang demikian, pihak penilaian akan menekankan asas pampasan berdasarkan prinsip-prinsip yang terpakai. Benar seperti kenyataan Yang Berhormat Bayan Baru bahawa nilainya mungkin sifar kerana semakin dalam tanah, nilainya semakin rendah. Pandangan dengan kos pengambilan bawah tanah bawah yang semakin tinggi. Pihak penilai akan menentukan prinsip berkaitan dengan penentuan pampasan selaras dengan prinsip yang terpakai.

Sebenarnya Tuan Yang di-Pertua, apabila soalan pengambilan tanah bawah tanah ini berbangkit saya ialah manusia yang pertama menyorkan apakah nilai yang boleh kita beri? Apakah nilai yang kita dapat lagi kepada tanah yang tinggal di atas tanah ini? Oleh sebab tujuan kita ialah baik sebabnya *legitimize* tindakan kerajaan yang membuat terowong untuk prasarana kita, membuat laluan untuk saluran air kita dan berbagai lagi prasarana-prasarana *amenities* yang perlu kita buat yang di bawah tanah dengan tidak memberi pampasan kepada pihak tuan tanah yang sebelah atas.

Ini disifatkan sebagai tidak adil. Maka inilah kerajaan membuat keputusan untuk membuat pengambilan tanah bawah tanah ini memberi sedikit keadilan kepada pihak yang tertentu yang tuan punya tanah di atas tanah yang kita ambil di bawah tanah mereka.

Jadi konsep tanah ini semalam ada banyak didebatkan mengatakan di bawah tanah- Ada soalan kalau tidak salah Yang Berhormat Pasir Puteh bertanya konsep berapa kaki dekat bawah, berapa kaki di atas. Sebenarnya di bawah konsep rang undang-undang saya ketahui undang-undang kita Yang Berhormat, undang-undang tanah ini tanah kita di sini letaknya. Selagi benda yang sebelah atas sampai ke puncak atas sekali itu tidak tahu berapa tinggi ke bawah berapa jauh, sungguh kita punya tanah tuan punya tanah.

Akan tetapi hak kerajaan ialah untuk eksploitasi sumbernya macam mineral, petroleum dan sebagainya itu masih hak-hak kerajaan tetapi tanah itu masih. Kalau tanah, dipanggil tanah itu masih kita punya. Itulah sebabnya pengambilan tanah di bawah tanah itu kerana masih hak kita juga. Akan tetapi kalau kita dapat sumber petroleum dekat bawah tanah kita, kalau saya

ada punya tanah 50 ekar, selepas itu di bawah itu ada sumber minyak kalau digali itu pun minyak, *the black gold* keluar saya tidak berhak juga melainkan dilesenkan oleh pihak kerajaan untuk mengeksploitasi petroleum itu. Mungkin saya diberi keutamaan oleh sebab tanah itu, minyak itu keluar daripada tanah saya.

Jadi konsep demikian adalah konsep tanah kita Yang Berhormat. Jadi maknanya itulah kenapa kerajaan berhasrat untuk *rejustice* kepada mereka yang tanahnya dipakai dekat bawah, orang tidak lihat pun. Walaupun pada masa ini konsep *potential* ataupun nilai potensi akan datang tanah tidak ada dalam konsep perundangan. Di England pun tidak ada Yang Berhormat benda-benda macam ini kerana dalam penilaian undang-undang *proximity* dia jauh sangat. Ia tidak boleh dinilai.

Jadi itulah kenapa nilai tanah sedemikian itu tidak boleh diberi dari sudut potensinya, kata hendak buat 20 tingkat, 30 tingkat atau 100 tingkat tidak boleh lagi oleh kerana dekat bawah tanah itu kita kena ambil orang. Jadi hendak buat *file*, hendak buat *foundation* tidak boleh lagi. Jadi ini tidak ada dalam konsep undang-undang yang kita pelajari walaupun di England Yang Berhormat, negara yang maju.

Yang Berhormat Beruas bertanya apakah jaminan yang diberi oleh pihak kerajaan bahawa tanah permukaan tidak terjejas setelah tanah bawah tanah dibuat pengambilan?

**Tuan Anuar bin Abd. Manap [Sekijang]:** Menteri ...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Sekijang bangun Yang Berhormat Menteri.

**Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar:** Ini salah satu, tunggu Yang Berhormat sekejap. Persoalan ini memang saya sendiri yang soal dahulu apabila saya jemput pegawai saya ke pejabat untuk taklimat, saya tanya macam mana tanah ini apa berlaku?

Jadi persoalan Yang Berhormat Beruas ini memang saya sendiri sudah soal dan saya berpuas hati bahawa jawapan yang diberi oleh pihak yang menggubal perkataan dalam undang-undang itu memuaskan hati saya mencukupi untuk menjaga semua pihak punya kepentingan.

Jadi pelaksanaan pengambilan tanah bawah tanah akan mengambil kira semua aspek teknikal sebelum pengambilan tanah bawah tanah dilaksanakan. Aspek keselamatan merupakan faktor penting yang akan diutamakan oleh kerajaan sebelum suatu pengambilan tanah di bawah tanah dilaksanakan. Contoh, sekiranya tanah diperlukan di bahagian bawah sahaja di mana tanah permukaan tidak perlu bagi tujuan projek infrastruktur.

Walaupun bagaimanapun sekiranya terdapat kemungkinan penghuni bangunan di atas tanah permukaan perlu mengosongkan sementara premis atau kediaman bagi tujuan pelaksanaan projek bagi tujuan memastikan keselamatan penghuni bangunan. Dalam hal ini pendekatan penduduk dan penggunaan sementara bagi tanah permukaan akan dibuat. Isu pampasan akan dibayar sebagaimana yang dinyatakan dalam akta ini. Yang Berhormat.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya sila.

**Tuan Anuar bin Abd. Manap [Sekijang]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya melihat kepada beberapa isu. Kalau tadi Yang Berhormat Menteri ada sebut laluan tanah bawah tanah ini sekiranya kerajaan mengambil tanah di bawah tanah ini milik individu atau milik syarikat tertentu ataupun milik tanah kerajaan sendiri mungkin daripada segi pampasan dan sebagainya itu mungkin kita boleh memberikan kepada pemilik-pemilik ini.

Saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat menteri, kalau sekiranya tanah itu yang diambil oleh kerajaan itu untuk dilaksanakan projek-projek tertentu contohnya seperti hendak buat terowong dan sebagainya ini menggunakan tanah-tanah wakaf contohnya masjid, surau dan sebagainya dan juga contohnya tanah-tanah kawasan perkuburan sebab tanah kubur ini mungkin kedalamannya tidaklah jauh tetapi mungkin lalu juga di bawah itu. Jadi macam mana pampasan yang akan dibuat oleh pihak kerajaan sekiranya berlaku berkaitan dengan kes-kes yang seperti ini melibatkan tanah-tanah wakaf. Terima kasih.

**Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar:** Terima kasih Yang Berhormat, ini wakil rakyat betul ini. Soalan ini cantik Yang Berhormat terima kasih.

■1230

Dari semalam pun saya tak terfikir juga soalan ini tetapi walau bagaimanapun asalkan tanah itu didaftar atas nama pihak yang tertentu dan pihak yang tertentu itu berhak juga jadi peraturan yang bakal kita buat *insya-Allah* kita ambil kira Yang Berhormat apa Yang Berhormat sebut tadi dan memang amat tepat pada soalnya. Kita kena ambil kira bukan sahaja soalan surau masjid, bukan sahaja soalan kubur tetapi semua pihak kerja, *caper*, *temple* dan sebagainya pun kita akan ambil kira sebagaimana kita ambil kira surau, masjid dan sebagainya.

Kita ambil kira untuk kepentingan tuan tanah ini sebab dalam perundangan dia ada sebut tuan tanah jadi tuan tanah itu saya cukup yakin dia akan dibayar kepada tuan tanah itu sendiri. Kalau tuan tanah itu macam tanah wakaf, saya cukup yakin pada masa sekarang kerajaan menguatkuasakan soal pewakafan ini akan dibayar kepada pihak Majlis Islam ataupun pemegang wakaf bahagian negeri-negeri yang tertentu. Macam di Sarawak sekarang kita tidak boleh buat masjid, surau lagi, daripada duit sumber kerajaan melainkan tanah itu sudah diwakafkan dahulu sebab kita tak hendak tanah surau dan masjid itu orang tengah sembahyang, orang sudah *negotiate* hendak jual harta benda. Ini kita hendak elakkan *insya-Allah* Yang Berhormat ini akan diambil kira dan peraturan akan dimasukkan dalam peraturan yang bakal kita buat di bawah perundangan ini.

Yang Berhormat Seputeh, kehilangan hak untuk membangunkan tanah permukaan kepada bawah tanah diambil. Jawapannya tuan tanah masih boleh menikmati tanah permukaan dan pembangunan bersesuaian masih boleh dilaksanakan ke atas tanah permukaan. Pampasan akan diberi kepada tuan tanah selaras dengan prinsip yang diperuntukkan di dalam Jadual Pertama akta. Jadi ini termasuk Yang Berhormat Seputeh tanya ini. Ini termasuk kalau oleh sebab pengambilan asal umpamanya kita masuk ke bawah hanya 50 meter sahaja ke bawah dan apabila diambil tanah itu kita tidak tahu tanah itu menjadi mendap dan tidak boleh

diguna pakai lagi di sebelah atas dan prinsipnya masih sama kita mungkin ambil tanah itu semua sekali untuk diganti rugi kepada pihak tuan tanah supaya tuan tanah tidak kehilangan keseluruhannya oleh sebab tindakan kerajaan membuat prasarana ataupun infrastruktur di sebelah bawah.

Adakah kerajaan melalui pindaan untuk memperjelaskan pengambilan bawah tanah ini ingin mencontohi Singapura yang mempunyai pelbagai kegunaan tanah. Sebenarnya kita mengambil tindakan meminda undang-undang kita bukan mencontohi mana-mana negara Yang Berhormat ya. Kita membuat oleh sebab dinamik pembangunan negara kita sendiri untuk memajukan negara kita sendiri kalau kita lihat dahulu undang-undang ini seksyen 3 umpamanya dia hanya untuk *public purposes*. Selepas itu dipinda untuk soalan ekonomi, pembangunan setempat dan sebagainya. Ini sebab kita perlu membangunkan tempat-tempat yang tertentu, membangunkan ekonomi tertentu untuk kebaikan negara, negeri dan tempat itu sendiri. Jadi itulah prinsip yang kita laksanakan sekarang ini bukan berlandaskan mana-mana negara yang menggunakan dasar pengambilan tanah.

Dari sudut pelbagai kegunaan tanah bawah tanah, peruntukan yang menyeluruh telah pun diperuntukkan dalam Kanun Tanah Negara dan yang lebih *extensive* perundangan tanah Singapura pindaan Akta Pengambilan. Jadi tidak ada kita mencontohi mana-mana negara sebagainya tetapi kita hanya melaksanakan keperluan negara kita sendiri dan kepentingan masyarakat rakyat perlu dijaga untuk tidak kehilangan begitu sahaja atas tindakan kerajaan walaupun tujuan untuk *public purposes* kah, untuk ekonomi kah, ataupun pembangunan setempat.

Yang Berhormat Parit, penilaian-penilaian swasta lebih tinggi berbanding penilai oleh penilai kerajaan lebih rendah. Penilai kerajaan dan swasta menggunakan prinsip Jadual Pertama akta tetapi menggunakan perbandingan transaksi tanah yang berbeza. Pihak yang tidak berpuas hati boleh merayu kepada mahkamah pada kiranya mahkamah dengan bantuan pengapit ataupun *assessor* yang akan menentukan nilai pampasan yang sebenar. Jadi ini kita tidak boleh *interfere* minta izin Tuan Yang di-Pertua *interfere* dengan keputusan mahkamah dengan dibantu oleh pihak *assessor* dan penilaian barang-barang ini maknanya *assessor* itu sendiri perlu memberi nasihat ataupun pandangan kepada pihak hakim supaya pampasan-pampasan yang kita beri kepada pihak tuan tanah ini berpatutan dan tidak ada perbezaan sangat daripada nilai kerajaan dengan nilai swasta.

Walau bagaimanapun perundangan ini ada pindaan yang terbaru bahawa apabila sahaja pengambilan tanah hendak dibuat, penilaian swasta itu dibersamakan dengan penilaian kerajaan untuk diserahkan kepada kerajaan untuk dipertimbangkan sebelum kes ini di *refer* ke mahkamah. Makna dia ada *justice* diberi kepada rakyat bahkan penilai swasta yang diambil oleh tuan tanah untuk menilai tanahnya ini pun kos dia tidak perlu dibayar oleh tuan tanah. Dia dibayar oleh kerajaan juga jadi dalam sudut ini kita memberi lagi kita membantu rakyat. Jadi tidak berbangkit soalan bahawa tidak berkemampuan tuan tanah untuk melantik seorang penilai untuk menilai harta benda dia apabila berlaku pengambilan tanah oleh pihak kerajaan.

Isu penempatan nilai antara jabatan perkhidmatan dan penilai harta tanah dengan swasta siapa yang boleh putus nilai. Yang Berhormat Bayan Baru ini persoalan Yang Berhormat Bayan Baru ya. Bagi penetapan nilai pampasan yang melibatkan nilai antara Jabatan Penilaian Harta Tanah dengan penilai swasta, pentadbir tanah yang berhak untuk memutus dan menentukan nilai pampasan tersebut apabila membuat *award*. Dalam keadaan pihak yang berkepentingan tidak berpuas hati dengan keputusan pentadbir tanah maka bantahan boleh dibuat lagi balik ke mahkamah.

Walau bagaimanapun, *insya-Allah* Yang Berhormat untuk merealisasikan hakikat dan merealisasikan kehendak kerajaan ini dalam pindaan undang-undang ini saya akan mengarahkan Jabatan Tanah kementerian saya untuk mengadakan satu seminar kepada semua pentadbir tanah negeri datang ke satu tempat dan memberi penjelasan kepada mereka macam mana mekanisme baru-baru ini boleh dilaksanakan dan memberikan keadilan kepada masyarakat dan supaya masyarakat tidak melihat penilaian kerajaan ini jauh sangat rendah dan penilaian swasta ini jauh sangat tinggi. Dalam keadaan sedemikian *insya-Allah* kita akan laksanakan yang sebaik supaya jangan ada orang rasa teraniaya.

Yang Berhormat Gerik bertanya kenapa pindaan akta kenaikan nilai untuk tuan tanah membuat bantahan ke mahkamah. Kenapa pindaan akta menaikkan nilai untuk tuan tanah membuat bantahan ke mahkamah. Pindaan akta ini tidak menaikkan nilai deposit ke mahkamah ianya kekal RM3,000. Hanya had bantahan dinaikkan iaitu sekiranya nilai pampasan yang diperolehi oleh tuan tanah kurang daripada RM5,000 barulah bantahan ke mahkamah boleh dibuat. Ini adalah selaras dengan harga pasaran tanah semasa. Oleh itu tidak timbul rakyat dibeban untuk membantah ke mahkamah.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Sekijang. Apakah prosedur pengambilan tanah berstrata dinyatakan secara jelas. Prosedur tersebut akan di nyata dan diperuntukkan di dalam kaedah yang akan dibuat di dalam seksyen 69 akta ini dan juga pindaan dalam pindaan kali ini ia juga meliputi pihak berkuasa berkanun yang akan dilantik hak petak yang diambil.

Yang Berhormat Bagan Serai bertanya soalan *ex-gratia* kepada setinggan. Setinggan tidak diiktiraf di bawah undang-undang. Ini selaras dengan seksyen 48 Kanun Tanah Negara iaitu *no adverse position against the state*. Namun demikian pelbagai kerajaan bertanggungjawab tertakluk kepada budi bicara kerajaan, *ex-gratia* dibayar kepada mereka ini. Jadi kita kena tahu apabila *ex-gratia* diberi dengan sendirinya kita mengiktiraf kedatangan ataupun kehadiran setinggan di atas tanah tersebut.

Penduduk tanah secara haram dan menjalankan aktiviti pertanian ke atas tanah selama 3 keturunan sekiranya kerajaan mengambil tanah tersebut penduduk akan mengalami kerugian. Sebelum ini penduduk ada memohon hak milik daripada pejabat tanah tetapi tidak diberikan. Ini yang dibangkit oleh Yang Berhormat Petaling Jaya Selatan.

#### ■1240

Semalam saya dengar dia banyak berbincang soalan di *Cameron Highlands*, apa yang berlaku di *Cameron Highlands*. Jadi, semua masyarakat Malaysia bahkan dunia mengetahui

apa yang berlaku di *Cameron Highlands*. Ini juga kita kena lihat daripada sudut alam sekitar, daripada sudut pertanian yang *best practices* dan sebagainya.

Dalam keadaan sedemikian, soalan pemberian hak milik dan sebagainya itu bukanlah di bawah bidang kuasa Kerajaan Pusat. Pendudukan tanah tanpa dokumen yang sah tidak diiktiraf di bawah undang-undang. Ini selaras dengan seksyen 48 juga, *against the state*. Namun demikian, sebagai kerajaan bertanggungjawab dan tertakluk kepada budi bicara kerajaan, *ex gratia* dibayar kepada mereka.

Yang Berhormat, sebenarnya saya berbincang banyak dengan MB Pahang berhubung dengan pihak peneroka tanah di kawasan *Cameron Highlands* dan kita berbincang berhubung dengan mereka yang telah menerokai tanah ini bukan berperingkat skala besar tetapi skala yang kecil untuk mereka-mereka yang hendak meneroka dan bercucuk tanam sebagai mencari kehidupan harian mereka dan sudah turun-temurun berada di sana.

Penjelasan diberi oleh Menteri Besar pada saya ialah pada masa ini Menteri Besar tengah memproses permohonan-permohonan yang dibuat oleh pihak-pihak peneroka ini dan keutamaan akan diberi kepada mereka yang memang sudah turun-temurun meneroka *across the racial divide*, Yang Berhormat, tidak kira siapa. Menteri Besar bagi tahu saya tidak kira sama ada dia Cina, Melayu, tidak kira dia— kalau orang Bangla tidak boleh Yang Berhormat sebab dia bukan orang negara kita. Asalkan dia orang Malaysia, peneroka yang asli daripada kawasan *Cameron Highlands*, *insya-Allah*, akan ditempatkan satu tempat yang tertentu oleh pihak kerajaan negeri. Ini *assurance* yang diberi oleh pihak kerajaan negeri dan MB kepada saya berhubung dengan *Cameron Highlands*.

Jadi, saya cukup yakin orang-orang yang *complaint* kepada Yang Berhormat, suruh dia memohon kepada MB, hantarkan surat permohonan, tunjukkan bukti bahawa keturunan mereka sudah bergenerasi menerokai untuk menanam sayur-sayuran di situ dan buah-buahan di situ untuk kehidupan harian mereka.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, sila Yang Berhormat Petaling Jaya Selatan.

**Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri kerana sudi membantu peneroka kecil yang mana mereka memang susah sekarang tidak ada pendapatan kerana kebun kecil mereka telah dimusnahkan oleh penguat kuasa. Saya rasa yang penting sekarang ini ialah bagaimana hendak bantu mereka untuk mendapat tanah semula untuk bantu mereka menanam semula supaya mereka ada tanah dan ada kerja dan juga memberi *supply* yang cukup, sayur dan bunga kepada Lembah Klang, *demand* ini.

Satu lagi tentang Ops Gading 2 yang akan dijalankan oleh kementerian di mana saya difahamkan satu pengambilan tanah yang besar-besaran akan dijalankan dan ditanam pokok supaya di mana kejadian malapetaka seperti banjir tidak berlaku lagi. So, adakah akta ini membantu untuk mengambil tanah secara besar-besaran termasuk petani dari Cameron Highlands? Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Kuantan.

**Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Berkenaan dengan *Cameron Highlands* ini, Yang Berhormat Menteri, di dalam kes *Kea Farm*, ada beberapa pekebun yang disuruh pindah dan saya pernah membawa kes itu kepada pejabat tanah dan berunding dengan DO tetapi maklum balas yang diberikan ialah bahawa tidak ada lagi tanah yang boleh lagi diberikan kepada mereka.

Jadi apabila Yang Berhormat Menteri beritahu tadi ada rundingan dengan Menteri Besar, itu satu berita yang amat baik, tetapi boleh mohon penjelasan sebab dalam kes itu memang kita duduk bincang dengan DO dan tanah-tanah memang sudah tidak ada, kata DO. Kalau adapun jauh ke dalam hutan dan tidak ada *access road* untuk mereka berkebun di situ. Terima kasih.

**Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar:** Terima kasih, Yang Berhormat. Sebenarnya apabila jawatankuasa yang dipengerusikan oleh Timbalan Perdana Menteri ditubuh untuk menangani masalah peneroka haram, penebangan pokok hutan dan sebagainya itu dan banjir di *Cameron Highlands* berlaku, Menteri Besar mendapat arahan yang khusus daripada majlis tersebut. Pertama, untuk membuat *settlement* baru untuk penempatan semula pihak yang ada tol dan tidak ada tol khususnya peneroka tradisi di kawasan tersebut. Dan yang penting di kuat kuasa ini ialah kepada mereka peneroka yang secara komersial besar-besaran. Ini yang ditekankan oleh pihak majlis itu yang dipengerusikan Timbalan Perdana Menteri.

Penerokaan yang besar-besaran yang menggunakan *illegal workers* dan sebagainya, itu yang ditekankan. Ataupun *illegal workers* itu keluar daripada *employment* dia kepada peneroka kecil, meneroka dengan sendiri. Ini yang ditekankan. Dan peneroka tradisi orang Malaysia ini yang bukan komersial yang besar-besaran ini, memang MB sendiri bagi tahu berulang-ulang dalam majlis itu dan kepada saya, dia akan cuba bantu mencari tanah untuk mereka ini.

Saya mencadangkan supaya dua perkara iaitu satu, akses *facilities* iaitu *water*, *road* dan *electricity* kepada mereka ini di *settlement* yang tertentu dan *big plan* telah dibuat oleh pihak Kementerian Pembangunan Luar Bandar dalam bidang ini. Jadi, saya belum lagi mendapat laporan yang terkini. Walau bagaimanapun, Yang Berhormat, kalau dapat boleh bantu tetapi tidak ada kena mengena dengan undang-undang inilah sebenarnya.

Penanaman hutan itu sebenarnya juga di bawah kementerian saya. Kalau tanah itu yang diterokai berhubung dengan hutan HSK atau hutan simpan kekal, itu di bawah bidang kementerian saya *direct* dan kita *reforest* semula tanah itu supaya dia balik kekal sebagai yang sedia kala. Akan tetapi, tanah kerajaan negeri itu kita masih berunding dengan pihak kerajaan negeri supaya diberi akses masuk untuk penanaman semula untuk *rehabilitation* dan sebagainya sebab dia di bawah bidang kuasa kerajaan negeri.

Dan soalan banjir ini pula ialah oleh kerana penerokaan *river reserve*, Yang Berhormat, di *Cameron Highland*. Dua tindakan yang kita ambil. Pertama, kita buat pembesaran Sungai Bertam dan kita buat benteng, benteng dekat atas TNB itu, dan *river* Bertam itu sudah kita



*increase* dia punya *water capacity* daripada satu kepada enam kali ganda banyaknya. Jadi maknanya, *insya-Allah*, apabila sudah siap— ia sudah hampir siap sekarang. Patut siap sekarang. Dia punya kapasiti itu, banjir akan dielakkan mengena *settlement* di perkampungan dekat Kampung Bertam itu dan sekolah itu, *insya-Allah*, kita masih mengkaji soalan struktur sekolah melihat keselamatan sekolah itu masih dikaji sama ada dikekalkan di situ ataupun dipindah ke tempat lain oleh pihak Jabatan Kerja Raya, Yang Berhormat.

Jadi, saya secara terperinci mengetahui tempat ini, kita hendak selamatkan dan, *insya-Allah*, kepentingan masyarakat yang berjual untuk sayur dan bunga ini kita akan berkira. Ini di bawah bidang kerajaan negeri. Jadi, tidak adalah dalam bidang undang-undang ini.

Yang Berhormat itu kalau saya ingat boleh hantar surat kepada MB sekali lagi, boleh bagi salinan kepada saya dan saya boleh *raise* isu bila saya berjumpa dengan MB sekali lagi. Nama-nama orang yang Yang Berhormat hendak cadangkan untuk mendapat bantuan tanah dan sebagainya di kawasan tersebut. Ini saya *going beyond my ministry* punya itulah, buat kerja untuk bagi, Yang Berhormat. Terima kasih.

Yang Berhormat Beruas tadi tanya persoalan mengenai kedudukan sementara yang dinyatakan dalam pindaan ini. Walaupun pihak berkuasa negeri dibenarkan memasuki tanah tanpa persetujuan tuan tanah, peruntukan ini tidak memprejudiskan atau menafikan hak tuan tanah kerana pampasan dibayar kepada tuan tanah berkenan dan tuan tanah boleh memfailkan bantahan ke mahkamah dengan jumlah pampasan tersebut. Tambahan lagi, tanah tersebut masih menjadi tanahnya dan kepunyaan tanahnya masih terpelihara.

Selain itu, selepas tamat tempoh penggunaan tersebut, kerajaan akan memulihkan tanah tersebut kepada keadaan asal. Jadi, kegunaan sementara ini banyak tujuannya, Yang Berhormat. Dalam bandar pun ada. Kalau Yang Berhormat lihat kalau kita hendak buat bangunan, tanah sebelah itu kosong, jadi kalau tidak ada kebenaran untuk menyimpan *building material*, *machinery* dan sebagainya, ada kemungkinan pembangunan itu juga akan tergendala.

#### ■1250

Jadi, kerajaan tidak mahu projek-projek tergendala, *undertaking* kita kepada *investor*, *undertaking* kita kepada *international community* dalam sudut *investment* ini tidak dapat direalisasikan. Itulah kenapa perkara-perkara ini dibuat oleh pihak kerajaan. Yang Berhormat Jerlun, berapakah jumlah keluasan tanah rizab Melayu dan berapakah jumlah yang telah digantikan? Pengambilan tanah yang melibatkan rizab Melayu tidak akan jejaskan kedudukan sebagai rizab Melayu. Sebagai contoh, tapak sekolah, hospital dan lain-lain. Sekiranya tujuan pengambilan bagi tujuan ekonomi disasarkan secara terbuka meliputi semua kaum, maka ketika itu, pengambilan tanah akan disusuli dengan pembatalan. Apabila pembatalan dibuat, maka kerajaan negeri terikat dengan Perkara 89, Perlembagaan Persekutuan iaitu perlu mengisytiharkan tanah lain sebagai tanah rizab Melayu.

Dari sudut rizab Melayu, ia sepatutnya di bawah kerajaan negeri. Kementerian ini berperanan sebagai penyelarass dari sudut pengumpulan data dan penyediaan pelan *geospatial*. Oleh itu, keluasan tanah rizab Melayu, termasuk keluasan yang dibatalkan, diganti,

perlu dirujuk kepada kerajaan negeri bagi berkaitan. Berdasarkan perhatian kementerian ini, tidak berlaku pengurangan keluasan, sebenarnya sekurang-kurang luas rizab Tanah Melayu tidak bertambah sehingga lebih 30 peratus keluasan negeri-negeri yang berkenaan. Kerajaan sememangnya, prihatin tentang wasiat Raja-Raja Melayu berdasarkan perjanjian perlembagaan yang ditandatangani pada 5 Ogos 1957. Oleh itu, tindakan yang dibuat oleh kerajaan sememangnya selaras dengan Perkara 89, Perlembagaan Persekutuan sebagai mana yang disetujui oleh Majlis Raja-Raja Tanah Melayu.

Yang Berhormat Beruas dan Batu Kawan, isu kes Stamford Holdings, di mana tujuan pengambilan tanah yang di pohon berbeza dengan penggunaan selepas itu. Kerajaan memang mengambil maklum tentang keputusan mahkamah, termasuk yang dibuat oleh Yang Berhormat Beruas. Oleh sebab itu kerajaan telah mengemukakan pindaan di Dewan yang mulia ini pada tahun 1997. Bagi tujuan memperketatkan prosedur pengambilan tanah bagi tujuan kemajuan pembangunan ekonomi dan lain-lain. Ia diperketatkan lagi dengan penggubalan kaedah-kaedah pengambilan tanah, di mana terdapat perkara perlu letakan dan lain prosedur yang berkenaan.

Dalam kes ini, pemetaan dan pengambilan tanah dibuat pada 7 Julai 1994. Selepas itu, pindaan akta telah dibuat pada 1997 yang dikuatkuasakan pada tahun 1998. Dengan memasukkan seksyen 33A(2), 33A(3), (4), (5), (6) dan (7). Oleh yang demikian, pengambilan tanah bagi maksud kemajuan ekonomi, komersial dan sebagainya supaya lebih telus, rasional, bertanggungjawab dan melindungi tuan tanah. Ini turut di tampung oleh kaedah-kaedah pengambilan tanah dengan mengenakan deposit 125 peratus. Yang Berhormat dari Gerik, kenapakah kerajaan membuat pengambilan tanah kemudian tanah tersebut dibiarkan kosong dan tidak dibangunkan sebagaimana yang maksud pengambilan tanah dibuat? Ini telah mengundang persepsi negatif rakyat berhubung pengambilan tanah ini. Ini termasuk dengan soalan Yang Berhormat tadi. Perkara ini tertakluk...

**Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]:** *[Bangun]* Yang Berhormat Menteri.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Batu Kawan bangun.

**Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]:** Sini dekat depan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Sini, kiri saya, Yang Berhormat Batu Kawan. Ya. Sila.

**Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar:** Oh, itu jauh! Saya kenal benar dengan Yang Berhormat Batu Kawan ini.

**Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Tadi Yang Berhormat Menteri menjawab soalan daripada Yang Berhormat Beruas dan saya. Akan tetapi soalan saya bukanlah berkaitan dengan soalan Yang Berhormat Beruas. Sebenarnya, saya mencelah hujahan dari Yang Berhormat Bayan Baru semalam, bukan Yang Berhormat Beruas, Yang Berhormat Menteri.

Soalan saya, adalah apakah tindakan kementerian dan kerajaan terhadap mana-mana syarikat atau agensi di bawah Kerajaan Persekutuan? Sebagai contoh PERDA, dalam apa

yang berlaku pada tahun 1986, di mana tanah seluas 8.6 ekar telah diambil alih oleh PERDA, tanah kerajaan, dengan tujuan pembinaan rumah kediaman. Selepas itu, selepas 30 tahun, dalam bulan Mac 2016, permohonan telah dimasukkan oleh syarikat untuk membina rumah kedai atas tanah tersebut. Walaupun ada warta kerajaan negeri Pulau Pinang pada masa itu menyatakan tujuan pengambilalihan tanah tersebut adalah untuk membina rumah. Itu soalan saya Yang Berhormat Menteri.

Apakah tindakan kementerian? Sebab kita tidak mahu benda ini berlaku semula. Ia kes isu pecah amanah. Rakyat mengharapkan agensi kerajaan, *non-profit agency* kerajaan seperti PERDA untuk membina rumah untuk golongan yang tidak berkemampuan. Bila tujuan tersebut tukar daripada membina rumah kepada rumah kedai, ia boleh dianggap sebagai satu penukaran, di mana *they are only looking at profit. Because, if you build commercial units*, dengan izin Yang Berhormat Menteri, *then there is more money for the agency*. Jadi, saya harap boleh dijawab.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Sebentar Yang Berhormat Menteri, kita ada tetamu. Ahli-ahli Yang Berhormat, suka cita dimaklumkan bahawa hadir bersama-sama kita di Dewan yang mulia ini ialah delegasi *The Morocco-Malaysia Parliamentary Friendship Group* yang diketuai oleh Honorable Mrs. Khadija Yamllahi, *President of Morocco-Malaysia Parliamentary Friendship Group Socialist Group. Welcome to Parliament*. Kepada *Honorable Mrs. Khadija Yamllahi*, Dewan ini mengalu-alukan kehadiran beliau dan delegasi ke Dewan yang mulia ini. Semoga dengan kehadiran Honorable Mrs. Khadija Yamllahi dan delegasi ini akan mengukuhkan lagi tali persahabatan dan perhubungan antara Parlimen Malaysia dan Parlimen Morocco. Terima kasih, *thank you*. Sila Yang Berhormat Menteri.

**Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar:** Terima kasih. Tahun yang Yang Berhormat sebut tadi, tahun berapa itu, 1986?

**Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]:** Tahun 1986.

**Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar:** Terima kasih Yang Berhormat. Jadi Yang Berhormat, sebenarnya pada- jawapan kepada itu nanti ada di itu tetapi walau bagaimanapun, oleh sebab Yang Berhormat sudah tanya, ini pada tahun 1986, pindaan yang 1997 itu tadi telah mengatasi banyak masalah berhubung dengan pengambilan tanah untuk tujuan khusus. Masa itu, pada ketika itu iaitu *public purposes* kepada tujuan ekonomi dan sebagainya, selepas itu. Jadi, saya tidak mengetahui kenapa projek tidak dilaksanakan ketika itu, berkemungkinan ada sebab-sebab yang tertentu yang saya tidak boleh *speculate* dari sudut kenapa agensi tidak buat.

Jadi walau bagaimanapun, biar kalau selepas ini nanti sebagaimana soalan daripada Yang Berhormat itu tadi saya akan jawab selepas saya habis- ada tidak jawapan dibuat. Dari Gerik, kenapa kerajaan membuat pengambilan tanah kemudian tanah tersebut dibiarkan kosong- saya sudah bacakan tadi. Perkara yang tertakluk kepada perancangan agensi permohonan yang melibatkan peruntukan disalurkan oleh Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri. Tanah sekiranya tidak diguna pakai tujuan ia diambil, ia boleh ditukar guna untuk

tujuan lain demi manfaat rakyat. Ini akan ditentukan oleh kerajaan setelah berunding dengan kementerian-kementerian yang berkaitan.

Jadi ini Yang Berhormat, sebenarnya apa yang berlaku. Apabila pengambilan tanah telah dibuat oleh pihak kerajaan, tanah itu telah diambil oleh pihak kerajaan. Pada ketika, tanah itu jadi hak kerajaan. Saya bersetuju apa Yang Berhormat menyebut. Saya pun ada perasaan yang sama bahawa kerajaan hendak janji buat sekolah, patutnya buat sekolah. Kalau kerajaan hendak buat jalan, patutnya buat jalan. Akan tetapi oleh sebab perkara lain berlaku maka, projek ini tidak dilaksanakan oleh sebab-sebab yang tertentu, maka tanah itu menjadi terbiar begitu sahaja dan tanah itu boleh ditukar guna oleh kerajaan di bawah perundangan yang ada ini. Akan tetapi biasanya kementerian-kementerian itu akan meminta kebenaran daripada pihak kerajaan iaitu kalau kerajaan disebut ialah di bawah Perlembagaan Persekutuan.

Negara ini ditadbirkan oleh Kabinet. Kabinet boleh membuat keputusan untuk perubahan-perubahan yang sedemikian ini. Ini juga bidang kuasa di bawah Perlembagaan Persekutuan. Yang Berhormat Beruas- ini yang mungkin ada jawapan, sama ada tindakan terhadap salah guna pengambilan tanah boleh diambil selepas 12 tahun. Ini ada berhubung dengan *Limitation Act*. Perkara ini di luar bidang kementerian. Sebarang cadangan berhubung perkara ini perlu dirujuk kepada kementerian dan jabatan terlibat bagi Akta Had Masa 1993. Jadi, dalam keadaan sedemikian...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Kita sambung jam 2.30 petang Yang Berhormat Menteri. Sudah jam 1. Kita sambung 2.30 petang.

**Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar:** Akan tetapi sedikit sahaja.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Sudah habis.

**Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar:** Sedikit sahaja tetapi tidak apalah. Terima kasih. Kita sambung.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Okey. Baiklah Ahli-ahli Yang Berhormat, kita tangguhkan persidangan kita sehingga jam 2.30 petang.

**[Mesyuarat dtempohkan pada jam 1.00 tengah hari.]**

**[Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang]**

**[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee) *mempengerusikan Mesyuarat.*]**

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, sila Yang Berhormat Menteri.

**2.32 ptg.**

**Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar [Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Perkara-perkara lain yang terakhir sebenarnya

dalam soalan yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Parlimen berhubung dengan beberapa perkara yang telah dijelaskan.

Tinggal ini, isu penambahan laut yang mana tiada undang-undang berhubung kawalan laut, penjualan tanah kepada warga asing. Ini persoalan yang dibangkitkan dan celahan juga oleh Yang Berhormat Bagan Serai dan Yang Berhormat Tasek Gelugor cakap "*Tambakan laut adalah bidang kuasa negeri*". Namun, Persekutuan memantau melalui *Environmental Impact Assessment* (EIA). Perkara ini akan dibuat kajian lanjut termasuk komitmen Malaysia melalui *United Nations Convention on the Law of the Sea* (UNCLOS) yang telah dimeterai. Jadi maknanya bukan ada hubung kait sangat banyak dengan Kerajaan Pusat.

Apa kuasa kita ialah soalan *Environmental Impact Assessment* (EIA) dan diperlukan EIA dibuat tetapi apabila EIA ini telah dibuat dan syarat-syaratnya dilanggar, ini pihak kementerian kita Jabatan Alam Sekitar boleh menghentikan kerja dengan syarat ada dalam EIA dan EIA itu tidak membenarkan satu-satu tindakan ataupun ada tindakan yang telah melakukan kesalahan di bawah syarat EIA dan Jabatan Alam Sekitar boleh mengambil tindakan untuk menghentikan kerja dan sebagainya. Akan tetapi kalau tidak ada *breach* dalam EIA itu sendiri, dengan sendirinya kita tidak ada bidang kuasa, Tuan Yang di-Pertua.

Penjualan tanah kepada warga asing dikawal melalui seksyen 433B Kanun Tanah Negara. Pindaan Kanun Tanah Negara selanjutnya saya akan bentang yang akan turut menyentuh perkara ini.

Yang Berhormat Gerik- cadangan penggunaan unit yang seragam bagi keluasan tanah iaitu dinyatakan dalam sistem matriks. Unit kiraan dalam undang-undang tanah hanya dibuat dalam Kanun Tanah Negara sahaja dan dalam Kanun Tanah Negara ia dinyatakan dalam sistem matriks. Sekiranya berlaku ketidakseragaman, unit kiraan peningkatan pelaksanaan boleh diselaraskan dalam Mesyuarat Pengarah Tanah Malaysia yang dipengerusikan oleh Ketua Pengarah Tanah dan Galian. Perkara ini boleh diseragamkan melalui Majlis Tanah Negara dan dibuat dalam kaedah negeri berdasarkan seksyen 96 dan 14 Kanun Tanah Negara.

Jadi oleh sebab perkara ini berbangkit da mengikut makluman yang kita terima, *insya-Allah* Tuan Yang di-Pertua, kita akan buat kajian sama ada betulkah atau tidak secara rasminya masih ada negeri-negeri yang menggunakan sistem *imperial* ataupun *ekar* dan *square meter square, yard* dan sebagainya itu, kita akan beri maklumat ini menerusi Jabatan Ketua Pengarah untuk memaklumkan kepada negeri-negeri tersebut supaya menggunakan matriks sebagaimana yang telah dilaksanakan sebagai dasar Kerajaan Pusat.

Isu pampasan yang rendah dibayar bagi laluan rintis elektrik, namun tuan tanah tidak dapat menggunakan tanah tersebut. Peruntukan tersebut adalah di bawah Akta Bekalan Elektrik berhubung izin lalu di bawah Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air. Perkara ini akan dimajukan kepada kementerian berkenaan.

Yang Berhormat Bagan Serai lagi- bagaimanakah penguatkuasaan bagi agensi yang mengambil tanah lebih daripada yang diwartakan, dan apakah *punishment* jika ada. Kementerian ini telah meminta Kementerian Kewangan untuk menambah baik prosedur

pengambilan bagi tujuan mendapatkan input teknikal secara terperinci. Seksyen 28 dipinda bagi memastikan hak rakyat terpelihara.

Tuan Yang di-Pertua, oleh sebab Yang Berhormat yang menyoal soalan-soalan lain tidak ada dalam Dewan, mungkin tidak minta sangat lagi, jawapan saya sudah menyeluruh. Jadi dengan itu, saya mengucapkan terima kasih kepada semua sekali lagi. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalah ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua yang sekarang.

*[Masalah dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui]*

*[Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa]*

*[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]*

*[Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee] **mempengerusikan Jawatankuasa]***

**Fasal-fasal 1 hingga 43 -**

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, Yang Berhormat Pokok Sena.

**2.38 ptg.**

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Baik, terima kasih Tuan Pengerusi. Maaf, saya tidak sempat mengambil bahagian pada sesi Dasar semalam dan juga pagi tadi kerana saya baru sampai. Saya cuma sekadar untuk dapatkan penjelasan sebab saya pun tidak sempat hendak mendengar penggulungan peringkat Dasar...

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Akan tetapi kalau yang ditanya sudah dijawab, macam mana Yang Berhormat?

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Itu yang saya hendak dengar. Jadi saya minta penjelasanlah. Ini satu-satu.

Berkaitan dengan seksyen 2 yang bertujuan untuk memperluaskan skop pengambilan tanah dan sebagainya, saya hendak mendapatkan penjelasan. Isunya dalam keadaan yang mana geran strata yang masih belum dikeluarkan. Jadi pampasan itu kepada siapa yang harus diberi dan akan disimpan oleh pihak yang mana?

Kemudian juga dalam seksyen 14, berkaitan dengan fi penilai yang ditetapkan melalui kaedah di bawah akta ini. Cuma saya hendak mendapatkan penjelasan tentang fi penilai yang saya difahamkan ialah disebut dengan jelas di bawah Jadual 7, Akta Penilai, Pentaksir dan Ejen Hartanah 1981 iaitu Akta 242. Sejauh mana- apakah ia tidak bertentangan ataupun sebagainya?

Kemudian, berkaitan dengan seksyen 37 untuk menaikkan had-had pampasan. Kos untuk rujukan merayu ke mahkamah dinaikkan daripada RM3,000 ke RM5,000 pampasan daripada melebihi RM15,000 dan sebagainya. Isunya ialah, tidakkah ini bertentangan dengan Perkara 13 Perlembagaan Persekutuan yang menetapkan bahawa jika pengambilan berlaku, tuan tanah boleh mendapat pampasan yang munasabah yang harus ditentukan oleh pihak mahkamah, bukan kita *fix* ataupun kita tentukan terlebih dahulu?

■1440

Ini kerana pemilik tanah itu tidak mempunyai hak untuk membantah ke atas pengambilan tanah dia untuk tujuan-tujuan *public*, tujuan awam dan sebagainya. Dia tidak boleh bantah apabila kerajaan hendak ambil tanah dia. Akan tetapi dia diberikan hak untuk mempersoalkan dan membuat tuntutan yang munasabah di mahkamah. Jadi saya fikir bahawa perlu penjelasan untuk memastikan supaya tidak timbul keresahan di kalangan pemilik-pemilik tanah. Nanti mereka akan merasakan bahawa hak mereka dinafikan untuk mendapat pampasan yang lebih munasabah. Itu dulu yang saya minta.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ada lagi? Ya, sila Yang Berhormat Menteri.

2.41 ptg.

**Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar:** Terima kasih Yang Berhormat Pokok Sena. Pertama, soalan pampasan apabila sebuah bangunan di bawah strata dan gerannya belum diberi dan macam mana kalau rumah itu sudah dijual? Kalau di Malaysia ini memang banyak. Kalau tidak salah saya ada 300 dalam data kerajaan, ada 300,000 buah rumah yang mempunyai petak yang telah dijual tetapi gerannya masih atas nama geran induk sahaja sebab belum dibolehkan memberi geran berasingan kepada setiap petak tersebut. Ini kerana masalah undang-undang yang- itulah kenapa kita buat pembentangan satu rang undang-undang lagi, *strata title*. Untuk pembahagian itu boleh diberi walaupun dokumen-dokumen tidak mencukupi, tidak lengkap dan sebagainya gerannya boleh diberi. Itu dalam susulan sebelah sini Yang Berhormat ya, jawapannya.

Akan tetapi walau bagaimanapun pada soalan Yang Berhormat, apa Yang Berhormat sebut tadi memang berdasarkan undang-undang yang ada sekarang ini. Kalau tidak ada *registerable interest* dimasukkan dalam register tanah itu menunjukkan *caveat* dan sebagainya, maknanya pampasan itu akan diserahkan kepada geran asal, tuan tanah geran asal. Akan tetapi dalam geran asal itu saya cukup yakin ada data-data yang tertentu yang memerlukan pemaju membahagi, mengagih-agihkan pampasan kepada pihak yang beli petak-petak yang dalam bangunan yang telah ataupun bakal diambil oleh pihak kerajaan.

Soalan nombor dua tadi saya lupa tulis Yang Berhormat.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Kos untuk merujuk ke seksyen 37 iaitu cadangan menaikkan had pampasan untuk tujuan rayuan ke mahkamah dan sebagainya. Jadi saya persoalkan tidakkah ini- bukan, sebelum itu berkaitan dengan

seksyen 14 iaitu fi penilai. Tidakkah ia bertentangan dengan Akta Penilai, Pentafsir dan Ejen Hartanah 1981 iaitu Akta 242. Asalkan ia memberikan bidang kuasa tertentu dalam akta tersebut.

**Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar:** Kita mengambil satu pendekatan yang dianggap lebih baik untuk rang undang-undang ini Yang Berhormat. Sebenarnya dahulu apabila satu-satu bidang tanah ataupun kelompok tanah atau tanah ini diambil oleh pihak kerajaan, penilaian daripada kerajaan sahaja diguna pakai. Apabila penilaian kerajaan itu sudah diterima oleh pihak itu, barulah pihak tuan tanah boleh membawa penilaian yang dibuat oleh penilai swasta.

Jadi pada masa sekarang kita hendak penilaian swasta itu bersama dengan penilaian kerajaan itu diserahkan dengan pengurus tanah, administrator di peringkat negeri supaya dia boleh menilai mana satu nilai yang lebih baik. Itulah fi kalau kepada penilai ini tidak sewenang-wenangnya pihak penilai itu caj kerana pihak kerajaan sebab fi untuk mengambil penilaian swasta ini akan dibayar oleh pihak kerajaan Yang Berhormat, bukan oleh pihak tuan tanah yang mana tanahnya akan diambil oleh kerajaan negeri.

Jadi banyak pembaikan yang kita telah masukkan ke dalam perundangan yang baru ini. Pertama, iaitu supaya penilaian swasta dimasukkan juga bersama dengan penilaian kerajaan untuk pihak *land administrator* menilai harga sebenar tanah tersebut. Nombor dua, kos penilaian ini pampasan boleh dirujuk- ini soalan, berapa banyak pampasan yang boleh dirujuk Yang Berhormat, yang 3,000 kah atau yang 5,000 itu. Tidak ada kena mengena dengan penilaian harga tanah Yang Berhormat. Hanya kalau pampasan itu dianggap hanya di bawah 5,000 dulu 3,000, di bawah 5,000 tidak perlulah proses-proses yang tertentu. Akan tetapi kalau tuan tanah mendapat penilaian daripada swasta itu mengatakan bahawa nilai itu jauh lebih tinggi, dia masih boleh *refer* Yang Berhormat sebab ia tidak ada mengehadkan perkara- ini yang tidak disebutkan. Bermakna kebebasan untuk tuan tanah *refer* kes ke mahkamah itu masih terbuka dengan syarat ada bukti yang nyata menunjukkan bawah tanah dia bukan di bawah 5,000 tetapi di atas 5,000. Ini makna dia di sini Yang Berhormat ya.

Ketiga, pampasan- yang ketiga itu apa soalan Yang Berhormat? Minta maaf, saya pun tidak tulis.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Sudah habis sudah Yang Berhormat.

**Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar:** Habis? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Terima kasih Yang Berhormat.

*[Fasal-fasal 1 hingga 43 diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]*

*[Rang Undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang]*

*[Majlis Mesyuarat bersidang semula]*



[Rang undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan]

## RANG UNDANG-UNDANG KANUN TANAH NEGARA (PINDAAN) 2016

### Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

2.48 ptg.

**Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar [Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kanun Tanah Negara itu Akta 56 tahun 1965 merupakan satu undang-undang yang dibuat di bawah Fasal 4, Perkara 76, Perlembagaan Persekutuan bagi tujuan keseragaman sistem pemegang tanah di seluruh negeri di Semenanjung Malaysia. Sebagai undang-undang utama kepada perundangan dan pentadbiran tanah negara, Kanun Tanah Negara telah melalui pelbagai proses pindaan bagi menyesuaikan dengan kehendak dan perkembangan semasa khasnya agenda pembangunan negara.

Sejak penguatkuasaan kanun ini pada 1 Januari 1966, tidak termasuk pindaan kecil bagi Jadual dan sebagainya. Ia telah dipinda sebanyak 19 kali oleh Dewan Rakyat yang mulia ini dipinda terakhir diluluskan oleh Dewan ini pada bulan Disember 2007. Tidak dapat dinafikan bahawa keupayaan sesebuah negara untuk berjaya dalam suasana dunia berubah dengan pantas bergantung kepada keupayaan sistem pentadbiran tanah bertindak balas dengan perubahan ini.

#### ■1450

Malaysia pada tahun 2015 berada kedudukan ke-17 dalam kedudukan daya saing dunia mendahului negara-negara seperti Switzerland, Perancis, Belanda, Jepun, China dan India. Oleh yang demikian, Malaysia dengan izin, *cannot afford to lost it competitive edge*.

Oleh yang demikian, perundangan tanah perlu bergerak selari dengan perubahan zaman. Dalam konteks ini, Kanun Tanah Negara telah melalui pelbagai era bermula dari zaman awal penguatkuasaannya di mana penekanan diberi kepada urusan untuk menyokong Dasar Ekonomi Baru dengan moto seperti, dengan izin, *"The land for landless"*. Ia telah bergerak pada era pengkomputeran pada 80-an melalui pengkomputeran sistem kualiti penghasil dan pada tahun 1990 melalui pendaftaran tanah secara berkomputer.

Melalui sistem pengkomputeran, berlaku anjakan paradigma dalam pentadbiran tanah apabila carian hak milik dapat dibuat lebih cepat dan pendaftaran hak milik dapat disegerakan melalui hak milik berkomputer. Sesuai dengan persekitaran elektronik, Kanun Tanah Negara telah dipinda oleh Dewan ini kira-kira enam tahun lalu untuk membolehkan ia bergerak selari dengan keperluan dan hasrat kerajaan memperkenalkan perundangan transaksi kerajaan secara elektronik.

Pengenalan transaksi elektronik telah membuka horizon baru tentang bagaimana cara kerajaan berurusan. Ekspektasi rakyat yang makin meningkat mendorong kerajaan

menyediakan prasarana undang-undang yang lebih kondusif. Sebagai usaha berterusan untuk menambah baik kerangka perundangan dalam sistem penyampaian perkhidmatan pentadbiran tanah, satu kajian semakan semula Kanun Tanah Negara telah dilaksanakan dengan kerjasama pihak perundangan pada tahun 2010.

Berdasarkan kajian ini, terdapat keperluan untuk menyediakan peruntukan yang mendorong penyerahan secara elektronik di pejabat-pejabat tanah. Ia penting untuk memastikan transaksi urusan tanah dapat berjalan dengan lancar dengan persekitaran global. Di samping itu, beberapa prosedur dalam urusan pembangunan tanah perlu ditambah baik selaras dengan persekitaran yang semakin berubah.

Di samping itu, perkataan tentang 'kutipan hasil yang dibuat oleh kerajaan' perlu direkayasa. Justeru itu, pelbagai saluran pembayaran perlu disediakan untuk memudahkan pemilik tanah membayar cukai tanah kepada kerajaan.

Walaupun kerajaan meneroka peluang baru untuk membolehkan aktiviti perniagaan transaksi berkembang, kepentingan negara tidak boleh dabaikan. Oleh itu, pindaan undang-undang yang dibuat perlu mengatasi segala dasar yang disetujui bersama oleh Kerajaan Persekutuan dan kerajaan-kerajaan negeri seperti Majlis Tanah Negara diterjemahkan dalam peruntukan undang-undang. Di samping itu, perlindungan sewajarnya perlu diberi kepada penjawat awam yang menjalankan tugas di bawah Kanun Tanah Negara.

Kerajaan berprihatin dengan isu-isu yang didapati oleh rakyat akibat daripada kemusnahan alam dan pengabaian kepada tata kelola yang baik. Isu yang berbangkit daripada pembangunan tanah tinggi di kawasan-kawasan sensitif seperti *Cameron Highlands* memerlukan penyelesaian yang tuntas.

Hukuman yang ditetapkan di dalam Kanun Tanah Negara pada ketika ini tidak sampai dengan kesan dan akibat yang melanda negara disebabkan aktiviti haram yang dijalankan. Dengan itu, semua peruntukan tentang penalti dalam Kanun Tanah Negara telah disemak semula dan dicadang untuk dipertingkatkan.

Oleh itu, pindaan ini merupakan satu inisiatif kerajaan ke arah transformasi pentadbiran tanah negara. Susulan daripada itu, cadangan pindaan terhadap Kanun Tanah Negara telah diperhalusi melalui pelbagai sesi perundingan dengan semua pihak berkepentingan termasuk pentadbiran tanah negeri, agensi kerajaan, badan bukan kerajaan, ahli akademik dan pihak awam.

Tuan Yang di-Pertua, secara keseluruhannya, cadangan pindaan yang dikemukakan ini melibatkan pindaan kepada 80 seksyen termasuk pengenalan tiga seksyen baru. Cadangan pindaan kepada Kanun Tanah Negara ini turut mengambil kira keperluan untuk menyediakan peruntukan yang berpadanan, dengan izin, *corresponding amendments* dengan pindaan kepada Akta Hak Milik Strata 1985, dan Akta Pengambilan Tanah 1990. Penyelarasan telah pun dibuat dalam cadangan pindaan ini supaya pelaksanaan dapat berjalan selari dengan pelaksanaan pindaan terhadap dua akta tersebut. Terdapat lima skop dalam pindaan Kanun Tanah Negara ini iaitu:

- (i) penguatkuasaan aspek pendaftaran dan penyampaian perkhidmatan;
- (ii) pemantapan prosedur bagi kutipan hasil pelupusan tanah dan pembangunan tanah;
- (iii) memelihara kepentingan negara;
- (iv) memperkasakan aspek penguatkuasaan dan pengenaan penalti ke atas kesalahan di bawah Kanun Tanah Negara; dan
- (v) kemas kini dan penyelarasan peruntukan.

Di bawah skop pertama itu, penguatkuasaan aspek pendaftaran dan penyampaian perkhidmatan, aspek verifikasi dan rekod diberi perhatian. Bagi melancarkan penyampaian perkhidmatan ini, pejabat tanah dalam konteks prosedur pendaftaran apa-apa pun urusan urusan niaga, pindaan dalam seksyen 305 menjelaskan bahawa prosedur hanya perlu memaklumkan kepada penyerah untuk kutip dokumen di pejabat tanah dan selepas pendaftaran. Fi sebagaimana ditetapkan di dalam Kaedah Tanah Negeri boleh dikenakan jika kutipan tidak dibuat dalam tempoh yang dinyatakan. Pindaan ini dibuat bagi mengatasi masalah di mana terdapat terlalu banyak dokumen yang tidak dikutip di pejabat tanah.

Selain itu, pindaan kepada seksyen 377 membolehkan butiran pihak yang membuat penyerahan direkod dan membolehkan pengesahan identiti pihak yang melaksanakan surat cara menggunakan apa-apa cara lain yang boleh diguna oleh pendaftar- contoh, sistem biometrik. Ini merupakan salah satu mekanisme untuk mengelakkan gejala penipuan identiti dan pemalsuan dokumen.

Bagi melancarkan penyampaian urusan kaveat persendirian di pejabat tanah, dalam konteks kemasukan dan pemotongan kaveat, pindaan kepada seksyen 323 dibuat bagi mengehendaki pihak pengkaveat menyatakan alamat terakhir tuan punya tanah dalam permohonannya melalui Borang 19B.

Seksyen 324 pula dipinda membolehkan penyampaian notis kemasukan kaveat persendirian kepada tuan punya tanah dibuat melalui pos biasa. Dalam keadaan sekarang, seksyen 432 Kanun ini memperuntukkan bahawa notis perlu disampaikan melalui pos berdaftar. Penyampaian itu tidak dikira jika notis itu dikembalikan.

Manakala pindaan kepada seksyen 326 pula membolehkan penyampaian notis untuk memotong kaveat persendirian mesti sampai kepada pengkaveat secara faksimile sekiranya cara penyampaian ini disetujui oleh pengkaveat dalam permohonannya untuk masuk kaveat dahulu. Pindaan-pindaan ini dibuat bagi mengatasi masalah yang timbul akibat jumlah permohonan kaveat persendirian yang banyak dan juga kos pos penghantarannya semakin tinggi. Pindaan yang dicadangkan ini akan dapat menjimatkan kos perbelanjaan kerajaan dan tenaga kerja.

Bagi mempercepatkan proses pengeluaran permit wang udara, seksyen 75C dipinda bagi membolehkan pegawai yang diberi kuasa mengeluarkan permit ini. Ketika ini, hanya pendaftar tanah sahaja boleh mengeluarkan permit ini selepas kelulusan diberikan oleh pihak berkuasa negeri atau pihak lain yang diwakilkan kuasa melalui seksyen 13. Borang 4D juga

akan dipinda melalui perintah selepas ini supaya borang itu boleh ditandatangani oleh pendaftar tanah dan pegawai lain yang diberi kuasa.

#### ■1500

Tuan Yang di-Pertua, pentadbiran tanah di negara ini telah mengalami perubahan dari sehari ke sehari sejajar dengan perkembangan semasa. Bagi menambah baik pemakaian sistem pentadbiran tanah elektronik yang menyediakan kerangka perundangan untuk memudahkan pelaksanaan perserahan secara elektronik atau *electronic lodgement*. Seksyen baru 292A diperkenalkan. Melalui peruntukan ini, perintah ubahsuaian bagi memakai kanun ini dalam persekitaran elektronik boleh dibuat oleh Menteri dengan kelulusan Majlis Tanah Negara. Ini bermakna, segala prosedur pada masa ini yang terbentuk melalui akta ditangani bagi memastikan perjalanan secara elektronik boleh berjalan dengan lancar, dengan izin, *seamless*. Seksyen 5D juga dipinda supaya prosedur yang melibatkan pajakan tanah rizab juga boleh ditampung melalui peruntukan dalam Jadual Keenam Belas. Perintah Menteri bagi pindaan Jadual ini akan dibuat selepas ini nanti.

Tatacara berkaitan proses perlanjutan hak milik tempoh diperkemas melalui pengenalan seksyen baru 90A. Seksyen ini dimasukkan bagi membolehkan permohonan melanjutkan hak milik tanah bertempoh dibuat pada bila-bila masa sebelum akhirnya tempoh pemilikan. Peruntukan seksyen baru ini juga terpakai bagi hak milik bangunan berbilang tingkat seperti skim strata dan permohonan boleh dikemukakan bersama permohonan di bawah peruntukan lain Kanun Tanah Negara. Melalui seksyen baru ini, permohonan tidak perlu lagi membuat permohonan berasingan bagi menyerah balik dan pemindah milik semula tanah. Ini membolehkan permohonan perlanjutan hak milik bertempoh dapat dilakukan dengan lebih ringkas, hak sedia ada tuan punya tanah adalah lebih terjamin.

Dalam perkara ini, pihak berkuasa negeri boleh memperuntukkan kadar premium dan apa bayaran lain dalam Kaedah-Kaedah Tanah Negeri yang perlu dipinda oleh pihak berkuasa negeri masing-masing. Borang yang digunakan bagi notis tuntutan ialah Borang 5A sedia ada. Borang ini juga akan dipinda melalui perintah oleh Menteri. Bagi menjelaskan kuasa pendaftaran, cadangan pindaan kepada seksyen 15 bertujuan memudahkan pendaftaran mengeluarkan notis meminta dokumen hak milik dikemukakan bagi apa-apa maksud lain yang diperuntukkan dalam Kanun Tanah Negara. Selain itu, seksyen 378 turut dipinda bagi memudahkan Pendaftar merekod apa-apa perubahan butiran daripada tuan punya tanah atau pihak-pihak yang mempunyai kepentingan berdaftar yang dicatatkan dalam hak milik. Contohnya, butiran kewarganegaraan, nombor dokumen, pengenalan diri dan nombor pasport terkini.

Tuan Yang di-Pertua, skop kedua memantapkan prosedur bagi kutipan hasil, pelupusan tanah dan pembangunan tanah. Bagi memudahkan pelaksanaan kutipan cukai, pindaan kepada seksyen 14 dicadangkan supaya kutipan cukai juga boleh dibuat melalui orang atau badan yang diluluskan oleh pihak berkuasa negeri tanpa perlu ia di peruntuk dalam Kaedah-Kaedah Tanah Negeri. Pindaan kepada seksyen 95 pula bertujuan memasukkan

tempat dan mekanisme untuk pembayaran cukai. Melalui pindaan ini, pembayaran cukai boleh dibuat di mana-mana tempat dan tidak semestinya dalam negeri di mana tanah itu terletak. Ia telah pun berjalan, misalnya melalui pembayaran cukai di kaunter pos.

Di samping itu, satu konsep baru diperkenalkan iaitu cukai petak. Peruntukan perinci akan dijelaskan dalam pembentangan Rang Undang-undang Akta Hak Milik Strata (Pindaan) 2016 yang akan dibuat selepas ini. Dalam konteks Kanun Tanah Negara, pindaan yang dicadangkan melibatkan seksyen baru 96A dan bagi membolehkan pengenaan cukai petak kepada setiap pemilik petak masing-masing apabila cukai ini dikuatkuasakan dalam Akta Hak Milik Strata 1985. Ini bermakna, peruntukan tentang pengenaan cukai ke atas hak milik induk dan penguatkuasaannya akan terhenti. Ia hanya berkuat kuasa semula sekiranya berlaku penamatan terhadap skim strata yang berkenaan.

Dalam hal ini, seksyen 101 yang memperkatakan tentang semakan cukai turut dipinda untuk menjelaskan bahawa walaupun pengenaan cukai ke atas petak dikuatkuasakan, semakan cukai tanah bagi hak milik induk untuk bangunan yang di pecah bahagi masih perlu dibuat setiap 10 tahun.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan Kanun Tanah Negara juga merangkumi penambahbaikan peruntukan tentang tanah bawah tanah. Pindaan kepada seksyen 92C membolehkan pihak berkuasa negeri mengeluarkan hak milik sementara terlebih dahulu bagi pemberimilikan tanah bawah tanah sebelum hak milik tetap dikeluarkan. Ia dapat mempercepatkan pengeluaran hak milik kepada pihak yang diluluskan pemindahan pindah milik. Bagi tujuan ini, Borang Hak Milik Sementara yang padan dengan hak milik pendaftaran ini akan diubahsuai melalui perintah Menteri dengan kelulusan Majlis Tanah Negara. Seksyen 92D pula dipinda bagi membolehkan penetapan had kedalaman tanah permukaan tuan punya tanah apabila meluluskan permohonan pemberimilikan berasingan bagi tanah bawah tanah. Ia boleh berlaku dalam keadaan tanah ini asalanya diberi milik tanpa had kedalaman.

Ia juga membolehkan pihak berkuasa negeri meluluskan penggunaan bebas dan tak berhubung dengan tanah bawah tanah berbanding kegunaan sah tanah permukaan. Dengan izin, *independence of an unrelated to and unlawful use to which the surface of the alienated land is being put*. Di endorse dalam bentuk syarat nyata atas hak milik tersebut. Pindaan ini juga menjelaskan dalam kedua-dua keadaan bahawa *endorsement* berhubung kedalaman dalam hak milik boleh terus merujuk kepada pelan yang dikeluarkan oleh Pengarah Ukur dan Pemetaan. Selaras dengan pindaan kepada Akta Pengambilan Tanah 1960 yang telah diluluskan oleh Dewan yang mulia ini, seksyen 166 dipinda bagi membolehkan pengeluaran hak milik sambungan akibat pengambilan sebahagian tanah milik yang melibatkan tanah bawah tanah.

Hak milik sambungan tersebut juga perlu diendorskan had kedalaman dalam syarat nyata mengikut subseksyen 92B(2), Kanun Tanah Negara. Selain itu, penambahbaikan peruntukan berkaitan aspek pembangunan tanah turut diambil kira. Pindaan kepada seksyen 124 dibuat untuk menyekat permohonan tukar syarat bagi hak milik yang telah ditentukan

kedalamannya melalui syarat nyata tanah. Pindaan ini juga bagi memastikan endorsan dibuat apabila permohonan tukar syarat diterima.

Pindaan kepada seksyen 204B pula menjelaskan bahawa hak milik sementara yang diguna bagi permohonan serah balik dan beri milik semula perlu mempunyai pelan akui kecuali dibenarkan sebaliknya oleh pihak berkuasa negeri. Ini dapat memberikan kepastian tentang keluasan dan sempadan sebenar tanah sebelum apa-apa keputusan dibuat oleh pihak berkuasa negeri tentang pemindah milikan semula umpukan-umpukan, berdasarkan pelan dan dikemukakan. Dalam hal ini, ia tidak menjejaskan hak pihak berkuasa negeri untuk memberi milik tanah bersebelahan kepada pemohon misalnya, dengan izin, *pocket land*. Ia penting untuk memastikan kegunaan tanah dioptimumkan.

Seterusnya, melalui pindaan seksyen 204E, hak milik asal yang dipegang bagi tempoh selama-lamanya berbentuk untuk dimiliki semula tanah dalam bentuk milik bertempoh sekiranya dipohon oleh tuan punya tanah. Permohonan ini perlulah disertakan dengan satu Surat Akuan Berkanun. Sebagai contoh, pindaan ini akan dapat menampung keperluan tanah Persekutuan yang terlibat dengan projek penswastaan. Kerajaan sedar keputusan mahkamah seperti kes Pengarah Tanah dan Galian Wilayah Persekutuan lawan Sri Lembah Enterprise Sdn. Bhd. yang memutuskan tempoh pemilikan yang telah di nyata dalam hak milik tidak boleh dikurangkan.

Oleh yang demikian, peruntukan ini hanya boleh dilaksanakan sekiranya tuan punya itu sendiri yang memohon sedemikian dengan disokong oleh satu Surat Akuan Berkanun yang dibuatnya sendiri bersama-sama borang permohonan dalam Borang 12D.

#### ■1510

Borang ini juga akan dipinda selepas ini untuk menjelaskan tentang perkara ini. Sekiranya permohonan untuk penyerahan balik dan pemindah milikan, semua ini melibatkan lebih daripada satu hak milik, terdapat perbezaan daripada segi tempoh pemilikannya. Maka pihak berkuasa negeri boleh menyelaraskan apabila pemilikan semula dan beri milik semula sekiranya satu daripada hak milik dipegang selama-lamanya, maka pemberi hak milik semula akan diluluskan selama-lamanya tertakluk kepada apa-apa premium yang dikenakan. Sekiranya hak milik asal berbentuk pegangan bertempoh, pihak berkuasa negeri boleh meluluskan dalam tempoh yang lebih panjang daripada tempoh pegangan hak milik asal sekiranya permohonan juga dibuat tempohnya dilanjutkan di bawah seksyen baru, 190A yang dicadangkan.

Melalui pindaan tersebut Seksyen 204G dijelaskan bahawa memorial tentang perkembalian tanah kepada negeri dalam dokumen hak milik daftaran hasil kepada peruntukan serah milik dan beri milik semula hanya dibuat selepas bayaran penuh dijelaskan dan dokumen hak milik keluaran hanya dimusnahkan selepas itu. Bagi maksud seksyen 204GA, memorial perkembalian hanya boleh dibuat selepas semua gadaian jika ada dilepaskan. Pindaan pada seksyen 204GA turut diberi bagi menjelaskan bahawa dalam keadaan hak milik yang masih tertakluk kepada gadaian penerimaan tuan punya tanah terhadap kelulusan yang diberi oleh

pihak berkuasa negeri hendaklah termasuk kebenaran pemegang gadaian terhadap pelepasan gadaian dan gadaian baru dibuat ke atas tanah yang diberi milik semula.

Tuan Yang di-Pertua, bagi skop ketiga iaitu memelihara kepentingan negara. Pindaan Kanun Tanah Negara turut merangkumi aspek perolehan hartanah oleh entiti asing. Seksyen 433B, seksyen 433E dipinda untuk meluaskan skop sekatan milikan terhadap bukan warganegara atau syarikat asing meliputi tanah kategori perusahaan. Sama seperti sekatan yang dikenakan atas tanah kategori pertanian dan bangunan yang memerlukan kelulusan pihak berkuasa negeri. Ia selaras dengan garis panduan perolehan hartanah yang telah dipersetujui oleh Mesyuarat Majlis Tanah Negara ke-70. Pindaan ini bertujuan mengukuhkan lagi kuasa berkuasa negeri dalam urusan tanah.

Seksyen 433H turut dipinda bagi menjelaskan bahawa entiti asing dalam bentuk pertubuhan perbadanan yang layak memegang tanah hanya yang wujud di bawah undang-undang syarikat. Bagi melindungi pegawai-pegawai yang melaksana tugas di bawah Kanun Tanah Negara, pindaan kepada seksyen 16 dicadangkan untuk menjelaskan bahawa apa-apa tindakan, tuntutan atau prosiding berkaitan tanah terhadap pihak berkuasa negeri perlu dibuat terhadap Pengarah Tanah dan Galian atas nama jawatannya tanpa menamakan pegawai tertentu secara khusus. Ini berikutan pegawai-pegawai berkenaan dilantik oleh pihak berkuasa negeri di bawah seksyen 12 Kanun Tanah Negara dan mereka tertakluk kepada arahan dan seliaan Pengarah Tanah dan Galian yang bertanggungjawab terus kepada pihak berkuasa negeri.

Pindaan ini berbangkit daripada keputusan Mahkamah Persekutuan dalam kes Kerajaan Malaysia dan lain-lain lawan Lay Kee Tee dan lain-lain. Cadangan ini juga bertujuan membatalkan pemakaian keputusan kes tersebut dalam isu tuntutan terhadap kerajaan dalam apa-apa tindakan yang dibuat dalam seksyen 16 Kanun Tanah Negara. Dengan itu, apa-apa tuntutan tidak perlu lagi menamakan nama pegawai secara spesifik. Cadangan pindaan Kanun Tanah Negara juga menambah baik perkara-perkara berkaitan pengeluaran lesen penduduk sementara dan permit bahan bantuan. Pindaan seksyen 14 menjelaskan bahawa peruntukan berhubung permulaan atau perlucutan apa-apa amaun yang dibayar sebagai deposit boleh dibuat dalam kaedah-kaedah tanah negeri.

Selain itu seksyen 66, dan seksyen 71 juga dipinda untuk menjelaskan bahawa had kuasa pentadbir tanah bagi meluluskan lesen penduduk sementara dan permit bahan bantuan turut melibatkan kawasan yang diwartakan oleh pihak berkuasa negeri di bawah seksyen 13. Ini bermaksud kuasa meluluskan lesen dan permit dalam mana-mana kawasan hingga 50 meter dari tebing sungai, tasik, mata air adalah terletak di bawah pihak berkuasa negeri itu sendiri. Selain itu seksyen 68A pula dipinda bagi memperuntukkan bahawa deposit juga boleh dikutip sebagai jaminan kepada pematuhan syarat kelulusan lesen. Sama seperti deposit yang dikutip bagi jaminan yang di pemulihan tanah selepas tamat tempoh lesen.

Pindaan ini memperlihatkan komitmen kerajaan untuk memastikan pentadbiran tanah berjalan secara lestari selaras dengan pembangunan mampan. Tuan Yang di-Pertua, bagi skop

keempat iaitu pemeriksaan aspek penguatkuasaan dan pengenaan penalti pindaan dibuat pada seksyen 426A untuk mengukuhkan aspek penguatkuasaan. Pada masa ini tidak sebarang peruntukan yang jelas yang memberi kebenaran kepada pihak penguasa untuk menjalankan tindakan menahan kenderaan. Oleh yang demikian, cadangan pindaan ini menjelaskan kuasa pentadbir tanah dan pegawai lain yang disebut dalam seksyen 1 untuk menahan dan memeriksa kenderaan yang disyaki membawa bahan batuan tanpa kelulusan sah.

Penalti juga boleh dikenakan atas kegunaan mana-mana pihak memberi kerjasama. Seksyen 429B pula dipinda bagi menjelaskan bahawa kesalahan-kesalahan yang boleh dikompaunkan perlu ditetapkan dalam kaedah tanah negeri selaras dengan peruntukan perenggan 14(1)(ja) Kanun Tanah Negara. Di samping itu penalti yang ditetapkan di bawah Kanun Tanah Negara juga telah disemak memandangkan kadar penalti yang ditetapkan di bawah Kanun Tanah Negara ini terlalu rendah dan tidak setimpal dengan kesalahan yang dilakukan. Perbandingan telah dibuat dengan undang-undang seperti kanun keseksaan, Enakmen Mineral Negeri, Akta Pengangkutan Awam Darat. Oleh itu sebanyak 13 seksyen dalam Kanun Tanah Negara dipinda untuk meningkatkan kadar penalti mengikut keperluan semasa.

Pindaan tersebut melibatkan seksyen 214A, seksyen 400, seksyen 400A, seksyen 403, seksyen 422, seksyen 423, seksyen 424, seksyen 425, seksyen 425A, seksyen 426, seksyen 427, seksyen 428, seksyen 428A Kanun Tanah Negara. Peruntukan seksyen 214A(10) dipinda berhubung kesalahan memperoleh kelulusan Lembaga Tanah Ladang secara *persue* dengan menaikkan denda daripada RM10 ribu dengan tambahan RM1 ribu bagi tiap-tiap hari kesalahan terus dilakukan kepada tidak kurang daripada RM100 ribu dan tidak melebihi daripada RM1 juta dengan tambahan RM5 ribu setiap satu hari kesalahan terus dilakukan.

Manakala peruntukan seksyen 214A(10), subseksyen (10A) pula dipinda bagi kesalahan memindah milik tanah ladang tanpa kelulusan Lembaga Tanah Ladang dengan meningkatkan tempoh pemenjaraan jika lebih dari tiga tahun kepada tidak lebih daripada lima tahun serta menaikkan denda daripada RM10 ribu kepada tidak kurang daripada RM100 ribu dan tidak lebih daripada RM1 juta. Pindaan ini juga membolehkan hukuman dijatuhkan sama ada dalam bentuk pemenjaraan atau denda atau kedua-duanya sekali. Peruntukan seksyen 423 dipinda bagi meningkatkan penalti atas kegagalan untuk mematuhi kehendak notis kehadiran bagi maksud menunjukkan sempadan-sempadan dan lain-lain dengan menaikkan denda daripada RM100 kepada RM1 ribu .

Peruntukan seksyen 400A dipinda untuk meningkatkan penalti bagi kesalahan perjalanan mengangkut pengukuran tanpa kebenaran dengan menaikkan denda daripada RM10 ribu kepada RM20 ribu. Peruntukan 403 dipinda untuk meningkatkan penalti bagi kesalahan mengganggu atau merosak tanda sempadan dan tanah rujuk ukur dengan menaikkan denda daripada RM500 kepada RM5,000 dan menaikkan denda upah pembaikan daripada tiga kali kos kepada lima kali kos pembaikan. Penukaran Seksyen 422 dipinda untuk meningkatkan penalti bagi kesalahan memberikan kenyataan palsu bagi maksud urus niaga



atau urusan berhubung tanah dengan menaikkan denda daripada RM5,000 kepada RM500 ribu dan meningkatkan tempoh pemenjaraan tidak lebih daripada tiga tahun kepada tidak lebih daripada lima tahun.

#### ■1520

Pindaan ini juga membolehkan hukuman dijatuhkan sama ada dalam bentuk denda atau pemenjaraan ataupun kedua-duanya sekali. Peruntukan seksyen 423 dipinda untuk meningkatkan penalti bagi kesalahan melakukan perubahan secara penipuan dan pemusnahan dokumen dengan menaikkan denda daripada RM3,000 kepada RM500,000 dengan dikekalkan tempoh pemenjaraan selama tujuh tahun.

Peruntukan seksyen 424(1) dipinda untuk meningkatkan penalti bagi kesalahan gagal menyerahkan dokumen yang dikehendaki menurut apa-apa notis dengan menaikkan denda daripada RM500 kepada RM1,000. Peruntukan seksyen 425(1) dipinda untuk meningkatkan penalti bagi kesalahan pendudukan secara tidak sah atas tanah kerajaan. Rizab atau tanah lombong dengan menaikkan denda daripada RM10,000 kepada RM500,000 dan meningkatkan tempoh pemenjaraan tidak lebih dari satu tahun kepada tidak lebih dari lima tahun.

Manakala peruntukan seksyen 425(1A) dipinda untuk meningkatkan penalti bagi kesalahan bersubahat dalam melakukan kesalahan tersebut dengan menaikkan denda daripada RM10,000 kepada RM500,000 dan meningkatkan tempoh pemenjaraan tidak lebih daripada satu tahun kepada tidak lebih daripada lima tahun. Peruntukan seksyen 425A dipinda untuk meningkatkan penalti bagi kesalahan penggunaan ruang udara atas tanah kerajaan atau tanah rizab secara tidak sah dengan menaikkan denda daripada RM2,000 kepada RM10,000.

Peruntukan sub seksyen 426(1) dipinda untuk meningkatkan penalti bagi kesalahan mengalihkan atau mengangkut bahan batuan secara tidak sah dengan menaikkan denda daripada RM50,000 kepada RM500,000. Manakala peruntukan sub seksyen 426(1)(B) dipinda untuk meningkatkan penalti bagi kesalahan bersubahat dalam melakukan kesalahan tersebut dengan menaikkan denda daripada RM50,000 kepada RM500,000.

Peruntukan seksyen 427(2) dipinda untuk meningkatkan penalti bagi kesalahan membawa binatang untuk meragut secara tidak sah dengan menaikkan denda daripada RM100 kepada RM1,000. Peruntukan seksyen 428(2) dipinda untuk meningkatkan penalti bagi kesalahan menghalang hak lalu lalang pentadbiran tanah, jalan atau lain laluan awam dengan menaikkan denda daripada RM2,000 kepada RM5,000.

Peruntukan seksyen 428A dipinda untuk meningkatkan penalti bagi kesalahan penerimaan maklumat yang melanggarkan kerahsiaan di bawah seksyen 19 Kanun Tanah Negara dengan menaikkan denda daripada RM1,000 kepada RM5,000. Dengan memperkukuhkan aspek penguatkuasaan serta penalti yang lebih tinggi yang menunjukkan keseriusan pihak kerajaan dalam menangani pelbagai isu yang ditimbulkan oleh rakyat tentang pelanggaran undang-undang dan implikasi kepada pentadbiran tanah negara.

Sebentar tadi saya telah membentangkan cadangan pindaan utama Kanun Tanah Negara pindaan yang berbentuk penyelarasan tidak diperincikan dalam pembentangan ini dan

penyelarasan dalam huraian ke atas rang undang-undang ini adalah memadai. Ini termasuk peruntukan seksyen baru (5) dan (6) dalam seksyen 241 untuk menjelaskan bahawa peruntukan tentang gadaian di bawah Kanun Tanah Negara merangkumi apa-apa transaksi di bawah pembiayaan menurut syariah.

Di samping itu pindaan ini juga memperkenalkan takrif baru *subdivided building* dalam seksyen 5 yang merangkumi, dengan izin, *subdivision of building or land*, di bawah Akta Hak Milik Strata 1985. Takrifan dimasukkan untuk melaksanakan bahawa dalam konteks pecahan bagi bangunan di bawah Akta Hak Milik Strata yang merangkumi pecah bahagi bangunan atau tanah. Selain itu seksyen 170 dipinda untuk menampung keperluan dokumen hak milik keluaran sambungan mengikut borang-borang yang ditetapkan di bawah Akta Hak Milik Strata. Seksyen ini juga dipinda untuk menjelaskan bahawa sekiranya hak milik induk terlibat dengan pengeluaran hak milik sambungan adalah memadai untuk suatu *endorsement* berhubung perkara ini dimasukkan dalam Borang 2, dan 3, serta Borang 4, atau 4A Akta Hak Milik Strata.

Seksyen 175F pula dipinda bagi menjelaskan prosedur pengesahan bagi hak milik *provisional* akibat daftar hak milik asal yang rosak dan sebagainya melibatkan hak milik subsidiari dan daftar strata di bawah Akta Hak Milik Strata.

Seksyen 160B dan seksyen 160C dipinda bagi menjelaskan prosedur yang perlu dipatuhi dalam pewujudan daerah baru melibatkan hak milik penggunaan yang di pecah bahagi. Begitu juga dengan endorsan yang diperlu dibuat ke atas hak milik sebegini hasil daripada pindaan kepada pelan ukur berbangkit daripada apa-apa perubahan sempadan daerah dan lain-lain di bawah seksyen 396A.

Dalam konteks pengendalian tanah kepada kerajaan akibat tuan punya tanah meninggal dunia tanpa waris peletakkannya kepada pihak berkuasa yang dinamakan oleh pihak berkuasa negeri bagi bahagian tanah yang tidak dipecahkan diperluaskan juga kepada hak milik petak melalui pindaan seksyen 46A dan seksyen 351. Namun bagi orang Islam selaras dengan peruntukan subseksyen 351(6) ia tertakluk kepada undang-undang bertulis tentang Baitulmal.

Seksyen 432 dan seksyen 433 turut dipinda bagi menyelaraskan peruntukan dalam seksyen 432 berhubung penyampaian ganti dengan peruntukan berhubung penyiaran notis atau pemberitahuan dalam seksyen 433. Selain daripada itu dipinda subseksyen 432(1) dicadang untuk membenarkan pentadbir tanah menguruskan penyampaian ganti bagi notis yang melibatkan hak milik pendaftar tanpa perlu merujuk kepada pendaftar hak milik terlebih dahulu. Sekiranya Kanun Tanah Negara menghendaki notis ini dimulakan oleh pentadbiran tanah sendiri. Pindaan yang berbangkit atau *consequential amendment* dengan izin juga tidak dihurai secara terperinci di sini.

Saya yakin cadangan pindaan yang dikemukakan ini akan dapat memberi jawapan kepada semua isu yang dibangkitkan berkaitan dengan pentadbir tanah negara ini. Ia juga merupakan manifestasi kepada hasrat kerajaan untuk mendahulukan rakyat dalam segala urusan. Memandangkan Kanun Tanah Negara merupakan Urusan Negeri, dengan izin, *State*

*Matters* pindaan ke atasnya tertakluk kepada Perkara 91, Perlembagaan Persekutuan. Oleh itu cadangan ini telah di bantang dan dilulus oleh Majlis Tanah Negara pada 28 April 2016.

Tuan Yang di-Pertua, sesungguhnya dengan cadangan pindaan yang saya bantangkan tadi adalah untuk rakyat. Ia cermin aspirasi dan kehendak rakyat. Oleh itu sebagaimana yang dinyatakan pada awal pembentangan tadi prosesnya melibatkan semua *stakeholders*, kementerian dan agensi kerajaan, badan bukan kerajaan, akademik dan orang awam.

Bagi maksud ini pihak saya telah memulakan proses pindaan dengan muka satu Kertas Perundingan, dengan izin, *Consultation Paper* yang boleh diakses secara atas talian dari 1 Februari 2012 hingga 18 Mei 2012. Penemuan kajian tersebut juga telah dibentangkan kepada pasukan petugas pemudah cara perniagaan pada 24 Februari 2012. Berdasarkan maklum balas dan pandangan yang diterima pihak saya bersama pihak Pentadbiran Tanah Negeri telah mengenal pasti cadangan-cadangan pindaan boleh dilaksanakan, *implement table* dengan izin, ini termasuk Persidangan Pentadbiran Tanah Malaysia ke-19 pada 9 Disember 2012 dan ke-21 pada 1 hingga 2 Disember 2014, Mesyuarat Teknikal bersama Pentadbiran Tanah Negeri pada 1 hingga 3 April 2015 dan Mesyuarat Pengarah Tanah Malaysia pada 23 April 2015.

Mesyuarat dengan agensi Kerajaan Persekutuan juga telah diadakan menerusi mesyuarat *Working Group*. Pada 16 April 2015 satu sesi rundingan awam terbuka telah diadakan dan dijemput dilaksanakan melalui media elektronik, *engagement* dengan Dewan Perniagaan dan pihak industri pula telah diadakan pada 27 April 2015, dan 3 Mac 2016.

#### ■1530

Kumpulan-kumpulan lain yang melibatkan dalam sesi *engagement* antaranya ialah *Law Harmonization Committee*; Bank Negara Malaysia; Pos Malaysia Berhad; Persatuan Bank Islam Malaysia; Persekutuan Bank-bank di Malaysia; Persatuan Pembeli Rumah; Persatuan Pemaju Tanah; Pertubuhan Juruukur Tanah; dan sebagainya.

Selain itu, pihak saya juga telah membuat *road show* kepada Majlis-majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri mulai 12 Ogos 2016 hingga 20 April 2016.

Pendek kata, semua pihak yang berkenaan telah dilibatkan dalam proses penyediaan pindaan rang undang-undang ini. Konsultasi yang bersifat *inclusive* dan membolehkan kerajaan menyediakan cadangan pindaan yang mencapai semua aspek pentadbiran tanah, peruntukan baru yang diperkenalkan dalam pindaan kali ini menjuruskan ke arah satu matlamat, "Daripada rakyat untuk rakyat."

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Timbalan Menteri Pengajian Tinggi [Datuk Yap Kain Ching @ Mary Yap Ken Jin]:**

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Kanun Tanah Negara dibacakan kali kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

Yang Berhormat Putatan.

**3.31 ptg**

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Memang saya tunggu-tunggu sehabisnya huraian Yang Berhormat Menteri tadi.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Tidak sabar menunggu Yang Berhormat.

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Agak panjang huraian, Yang Berhormat Menteri, *very detail* lah. Memang saya sedar bahawa perkara ini memang sudah sampai masanya untuk kita ubah Majlis Kanun Tanah Negara ini. Saya seorang yang terlibat jugalah dalam perbincangan ini di peringkat negeri.

Yang Berhormat Menteri, walaupun dalam akta ini hanya terbuka pada Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Wilayah Persekutuan Putrajaya dan Labuan tetapi juga ia merangkumi tanah-tanah atas milik Pesuruhjaya Tanah Persekutuan. Jadi, saya ingin minta penjelasan sedikit daripada pihak Menteri. Walaupun secara *detail* nya pindaan ini, ada juga terdapat sebarang perkara yang harus diperjelaskan kepada rakyat walaupun ini daripada rakyat kepada rakyat. Ini rakyat juga hendak tahu, Yang Berhormat Menteri. Itu yang pertama.

Apabila kita mengambil atau pun meminta kerajaan negeri tanah untuk kegunaan awam, misalnya kepada sekolah- saya rasa Ahli Parlimen Beluran pun banyak permintaan untuk pembangunan persekutuan di kawasan Parlimen Beluran terutama sekolah, bangunan Kerajaan Persekutuan misalnya, Jabatan Perparitan yang ada Persekutuan misalnya dan banyak lagi agensi-agensi Persekutuan yang memohon kerajaan negeri untuk memberi tanah secara percuma.

Jadi, ini saya rasa kalau kita mengambil alih tanah, mengambil *compensate* kepada pemilik tanah yang sebenarnya perlu di kawasan tersebut, kita bayar pampasan kepada pemilik tanah. Akan tetapi apabila kita minta tanah daripada kerajaan negeri, seolah-olah ini kita mendesak kerajaan negeri memberi *free*. Jadi, ini merugikan rakyat Malaysia dari Sabah kerana duit daripada Persekutuan ini boleh dipakai untuk kegunaan kerajaan negeri untuk mengukur tanah-tanah yang belum disukat lagi. Jadi, ini kalau bolehlah pihak Yang Berhormat Menteri Persekutuan ini membantu kerajaan negeri juga untuk memberi harga atau pampasan tanah yang diberi tanah negeri kepada persekutuan.

Banyak tanah yang diminta terutama kawasan-kawasan tanah yang *very* strategik, dengan izin, dalam kawasan bandar kawasan seperti lapangan terbang, ingin memanjangkan lapangan terbang. Apabila kita mendengar huraian daripada Yang Berhormat Menteri ini, kita mahu mengoptimumkan penggunaan tanah itu. Akan tetapi apabila kita melihat di Tawau pun, di Lahad Datu pun, ada juga banyak setinggian yang tinggal dan tiada tindakan langsung daripada pihak Kerajaan Persekutuan terhadap tanah-tanah Persekutuan itu diguna pakai oleh yang tidak sebenarnya berada di kawasan itu. Walaupun dalam pindaan ini setakat meragut binatang dalam kawasan itu kena denda RM500, Tuan Yang di-Pertua. Bayangkan orang kampung yang kambing masuk sana kena RM500. Harga kambing berapa?

Jadi ini saya rasa Yang Berhormat Menteri harus melonggarkan apabila kawasan-kawasan Persekutuan itu tidak dioptimumkan terutama kawasan-kawasan yang begitu luas yang mana terdapat yang saya kelihatan di New Zealand, kawasan lapangan kapal terbang itu boleh digunakan kepada kambing biri-biri di mana dibenarkan dan disewa yang boleh optimimumkan penggunaan tanah-tanah yang tidak terpakai. Jadi, kalau kita melihat tanah-tanah kepunyaan Kerajaan Persekutuan ini, terdapat banyak terutama di Sabah, di Sarawak pun banyak. *Airstrip* misalnya...

**Dr. Azman bin Ismail [Kuala Kedah]:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Kuala Kedah bangun, Yang Berhormat.

**Dr. Azman bin Ismail [Kuala Kedah]:** Ya, Yang Berhormat Putatan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Belakang kanan.

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Okey, okey.

**Dr. Azman bin Ismail [Kuala Kedah]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Putatan. Saya tertarik dengan disebutkan tadi- kerana di kawasan saya di Kuala Kedah, ada kawasan tepi laut yang tanah kepunyaan kerajaan yang dipenuhi oleh rumput dan tumbuhan-tumbuhan hijau digunakan oleh orang kampung untuk menternak kambing dan lembu untuk makan di situ. Kalau kita jadikan itu satu kesalahan, itu akan membebankan rakyat. Dalam masa yang sama, tiada siapa di pihak kerajaan yang mengambil tahu tentang semak samun di situ tetapi apabila ada penternak, maka kawasan itu terkawal. Jadi, kalau begini dijadikan kesalahan, itu benda yang sangat berat pada masyarakat dan tidak menguntungkan sesiapa. Sedangkan kalau lembu dan kambing dan biri-biri makan di situ, itu menguntungkan ramai orang. Terima kasih.

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Sahabat saya Yang Berhormat Kuala Kedah, saya setuju sangat dan masukkan dalam ucapan saya dan diharap Yang Berhormat Menteri dapat memberi penjelasan soal ini sebab ini juga perkara yang berlaku di negeri Sabah dan di Sarawak. Banyak kawasan *airstrip* yang masih dalam pemilikan Pesuruhjaya Tanah Persekutuan yang jarang-jarang diguna pakai. Jadi, ini kalau boleh pihak penduduk kampung boleh dibenarkan secara sementara atau pun TOL, penggunaan tanah-tanah yang dimiliki oleh Kerajaan Persekutuan.

Banyak juga tanah-tanah yang di tepi pantai, saya bersetuju, di tepi pantai itu yang dahulunya banyak diguna sebagai *navy*, digunakan sebagai *custom* dan ini sampai sekarang saya rasa ada juga tanah-tanah yang terbiar. Saya harap...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Gerik bangun, Yang Berhormat.

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Yang Berhormat Gerik hendak juga?

**Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Putatan. Saya tertarik Yang Berhormat Putatan mengatakan rizab yang tanah Persekutuan yang diduduki oleh setinggan-setinggan, teroka haram seperti rizab JPS, jalan

raya di mana apa yang berlaku yang kita menjadi pertikaian. Tidak tahulah pandangan Yang Berhormat Putatan. Ada di kalangan setinggan membina rumah. Bagaimana TNB dan pihak berkuasa air ini membenarkan masuk elektrik dan air, pada pandangan Yang Berhormat Putatan? Benda ini sudahlah salah, tumpang atas tanah orang. Tiba-tiba agensi kerajaan pun membenarkan masuk juga elektrik dengan air. Bagaimanakah pandangan Yang Berhormat Putatan?

**Dato' Othman bin Aziz [Jerlun]:** Yang Berhormat Putatan, tambah sedikit.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Jerlun, Yang Berhormat.

**Dato' Othman bin Aziz [Jerlun]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan lanjutan daripada Yang Berhormat Gerik sebut. Macam di Kedah, kita ada projek tebatan banjir yang besar dan ini merupakan sungai lama, sungai tua yang di bawah pengurusan JPS. Kemudian, bila projek ini dilaksanakan, sebelum itu tentulah ada isu berkaitan dengan setinggan yang duduk menetap mungkin berpuluh-puluh tahun, satu dua keturunan yang tinggal di sepanjang tanah rizab sungai tersebut. Jadi, bila projek ini hendak dilaksanakan, maka mereka telah pun mendapat pampasan untuk berpindah dan pampasan dibuat tetapi akhirnya mereka juga tidak berpindah.

#### ■1540

Jadi, bagaimana kita hendak selesaikan masalah? Pertama, kita tahu mereka duduk pun atas tanah *reserve* yang bukan hak milik mereka dan mereka membina, buatlah rumah untuk mereka tinggal. Bila kerajaan hendak ambil tanah tersebut untuk dibuat projek, tidak kira tebatan banjir dan sebagainya, kerajaan yang begitu prihatin memberi pampasan. Mengganti, membayar ganti rugi rumah dan sebagainya. Kemudian, yang menjadi masalah oleh kerana projek itu lambat, terpaksa dibuat pelbagai pelan dan juga lokasi dan sebagainya. Maka, lambat projek itu dilaksanakan. Jadi, mereka enggan berpindah dan akhir sekali, ia jadi masalah bila projek itu hendak dilaksanakan. Jadi, di mana silapnya? Terima kasih.

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Terima kasih Yang Berhormat Jerlun. Saya bersetuju sangat dan ini saya rasa dimasukkan dalam pindaan rang undang-undang ini supaya pihak kementerian dapat juga mengusahakan bagaimana mengatasi pendudukan haram di kawasan tanah-tanah yang dimiliki oleh Kerajaan Persekutuan. Yang Berhormat Jerlun, di kawasan saya sendiri, di Lapangan Terbang Kota Kinabalu di mana setinggan ada tidak kurang daripada 500 rumah yang dipindah kepada kawasan Papar di Kinarut, di mana kerajaan negeri juga terlibat memberi tanah *free*. Jadi, ini merugikan kerajaan negeri. Saya di sini sebagai Ahli Parlimen tetapi kedudukan kerajaan negeri juga harus kita jaga, di mana kerugian itu, pampasan tanah tidak ada. Ganti rugi kita bagi, tanah kita bagi *free* kepada mereka, timbang rasalah kepada kerajaan negeri. Saya mohon kepada pihak Kerajaan Persekutuan ini dapat melihat kesulitan pihak berkuasa tempatan untuk mengatasi setinggan-setinggan seperti Jerlun ini yang mana dia sukar untuk dipindah kecuali kalau ada masalah besar...

**Dr. Michael Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput]:** *[Bangun]*

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Sungai Siput bangun, Yang Berhormat.

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** ...Kebakaran misalnya dan terpaksa dipindahkan. Ya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Bagan Serai atau Yang Berhormat Sungai Siput?

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Ada juga Yang Berhormat Bagan Serai? Kebakaran kah atau sama?

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Terima kasih Yang Berhormat Putatan. Sama. Cerita sedikit. Saya terpanggil juga untuk bangun sama-sama hendak minta pendapat Yang Berhormat Putatan. Di Perak pun juga keadaan begini berlaku. Ada mereka-mereka yang buat rumah begitu cantik di tanah *reserve*, di tepi empangan umpamanya. Apabila air naik ataupun apabila empangan ini hendak ditinggikan, rumahnya jadi banjir. Jadi, dia akan panggil surat khabar tunjuk kerajaan tidak ambil perhatian dan sebagainya. Apabila kita tawarkan rumah-rumah PPR umpamanya, supaya mereka pindah, mereka tidak mahu pindah. Masih berkeras untuk duduk di tepi-tepi tasik tanah *reserve* itu.

Jadi, apa pendapat Yang Berhormat Putatan? Apa kita hendak buat dengan perkara ini?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Sungai Siput bangun, Yang Berhormat.

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Itu setingan atau Orang Aslikah? Orang Asli. Akan tetapi bukan duduk dekat tanah Kerajaan Pusat, bukan? Ini kerajaan negeri, bukan?

**Dr. Michael Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput]:** Ada, ada.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** *Style* bagus, Yang Berhormat.

**Dr. Michael Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput]:** Terima kasih Yang Berhormat Putatan. Saya mahu tanya Yang Berhormat Putatan. Ini kita panggil setingan ini, kenapa mereka jadi setingan? Apa pendapat mereka?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Pendapat, Yang Berhormat.

**Dr. Michael Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput]:** Ya, apa pendapat mereka?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Pendapatan bermaksud *income*.

**Dr. Michael Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput]:** Apa *income* mereka? Adakah mereka dapat rumah-rumah dengan harga yang murah? Ini masalah *social economy*. Mereka bukan penjenayah. Mari curi tanah kerajaan. So, kita sebagai Ahli Parlimen kena tengok

apakah puncanya. Bukan mereka main-main datang ke situ. Siapa hendak duduk dekat situ yang...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Itu perspektif pembangkang ya.

**Dr. Michael Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput]:** Dekat *damkah*, *rubbish damkah*. Mereka tidak suka macam itu. Mereka terpaksa. So, kita kena cari puncanya. Terima kasih.

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Okey, Yang Berhormat Sungai Siput, itu saya serahkan kepada Yang Berhormat Sungai Siput kerana dia *socialist*. *Party socialist*, dia mungkin tahulah. Bagi saya, Orang Asli ini memang biasanya penduduk yang duduk di mana mereka suka. Mendapat sumber pendapatan atau sumber daripada hasil yang berdekatan dengan itu. Ikan, hasil daripada hutan misalnya dan banyaklah cara kehidupan sehari. Maksud Yang Berhormat Bagan Serai ini, masalah-masalah yang di atas paras laut ini, Yang Berhormat Menteri. Di kawasan saya banyak rumah-rumah di atas paras air, termasuk di Sandakan, di Beluran, di Batu Sapi pun banyak, di Sabah. Kita lihat di Brunei, tempat-tempat yang di atas paras air ini, memang budaya, separuh budaya daripada kita ini enggan berpindah kepada tempat-tempat yang telah disediakan di atas bertingkat itu. Dia tidak suka sebab dia mahu ada perahu di bawah rumah, senang pergi laut misalnya, senang cari pendapatan. Ini kita harus jaga juga.

Ini saya rasa kerajaan negeri dan Kerajaan Persekutuan boleh berkolaborasi soal setinggan ini. Kalau mereka suka juga duduk di tempat yang berair ini, kenapa tidak kita buat satu perumahan yang spesifik untuk mereka yang berbudaya, yang ada kebiasaannya suka tinggal di atas paras air. Contohnya, di Brunei kita lihat, secara teratur dan dia punya pemetungan najis itu pun teratur. Pembuangan sampah pun teratur. Nampak permukaan air itu bersih dan bukan macam di tempat-tempat yang kita lihat seperti di Beluran itu. Kotor saya lihat. Sama juga kawasan sayalah. Tuan Yang di-Pertua, jangan marah saya. *[Ketawa]* Jadi, saya harap seperti yang ada dalam UMS, kawasan tanah Persekutuan juga, banyak juga setinggan di kawasan Sepanggar yang berdekatan dengan Universiti Malaysia Sabah itu, Tuan Yang di-Pertua. Banyak yang kita lihat daripada kapal itu dan kita lihat permukaan air di...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Pulau Gaya ada setinggan, Yang Berhormat?

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Di mana, ya?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Pulau Gaya.

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Pulau Gaya, *reserve kampung*. *Reserve kampung*. Sudah di spesifik, *reserve* tidak ada setinggan. Kecuali Kampung Pondok setinggan. Jadi, saya mengharapkan...

**Datuk Rozman bin Isli [Labuan]:** Yang Berhormat Putatan, Yang Berhormat Putatan. Labuan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, Yang Berhormat Labuan bangun.



**Datuk Rozman bin Isli [Labuan]:** Saya hendak tanya, setinggian yang paling banyak dari segi jumlah keluarga dan jumlah ahli keluarga yang terlibat di Malaysia ini adalah dari negeri mana? Saya tolong jawab, negeri Sabah. Akan tetapi dari segi kadarnya, Labuanlah. Labuan, sebanyak 5,521 daripada ahli keluarga dan 570 buah keluarga tinggal di setinggian di kawasan yang penduduknya tidak sampai 100,000. Jadi, adakah Yang Berhormat Putatan rasakan pemindaan Rang Undang-undang Kanun Tanah Negara ini akan membuatkan pentadbiran tanah dan penyerahan tanah dan pengurusan tanah serta kerja-kerja perumahan untuk mereka yang berpendapatan rendah ini akan dapat dilaksanakan dengan lebih cepat dan lebih baik. Maka, kita akan dapat mengurangkan kes-kes setinggian ini di seluruh negara dan bukan sahaja di negeri Sabah dan Labuan. Terima kasih.

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Saya bersetuju dengan Yang Berhormat Labuan 100% supaya Menteri ini dapat Menteri yang agak berpandangan jauh, *thinking outside of the box* dan saya ada *confident*lah. Saya ada keyakinan Menteri ini boleh laksanakan sesuatu untuk setinggian-setinggian yang bermasalah di Sabah, terutama sekali di Labuan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Menteri, setinggian ini masukkah Yang Berhormat dalam pindaan?

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Ini tanah. Tanah. Tanah kanun, Tuan Yang di-Pertua. Ini kawasan tanah. Ini saya mengharap dengan kolaborasi dengan pihak berkuasa tempatan. Jadi, ini saya rasa soal tanah ini, yang dimiliki oleh Kerajaan Pusat ini, saya juga mencadangkan kepada pihak kementerian untuk melihat oleh kerana kita sudah ada teknologi ICT. Saya kalau boleh melihat kepada *mapping* tanah-tanah di seluruh negara kita supaya kita tahu jenis-jenis kegunaan tanah...

**Tuan Haji Ahmad Nazlan bin Idris [Jerantut]:** [*Bangun*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Jerantut bangun, Yang Berhormat.

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Sekejap. Kegunaan tanah yang dimiliki oleh Kerajaan Pusat. Jadi, ini menyenangkan kepada pihak kementerian untuk mengenal pasti bagaimana kita merancang tanah-tanah untuk digunakan secara optimum. Ya, Yang Berhormat Jerantut.

**Tuan Haji Ahmad Nazlan bin Idris [Jerantut]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Putatan. Tadi Yang Berhormat Putatan ada menyebut tentang denda yang dikenakan terhadap pencerobohan tanah milik sama ada Kerajaan Persekutuan ataupun individu ataupun agensi-agensi kerajaan. Apakah pandangan Yang Berhormat Putatan kalau tanah-tanah yang dimiliki oleh penama-penama yang saya nyatakan tadi, ia dibiarkan begitu sahaja. Kosong atau penuh hutan ataupun mungkin menimbulkan bahaya kepada penduduk yang duduk berhampiran dengan lot yang berkenaan. Tadi kalau ada pencerobohan, binatang ternakan pergi makan situ, tuan punya kena denda. Apakah pendapat Yang Berhormat Putatan kalau sekiranya tanah-tanah yang dimiliki oleh mana-mana pihak ini

tidak dijaga, tidak diusahakan atau dibangunkan dan dibiarkan begitu sahaja, apakah Yang Berhormat Putatan bersetuju kerajaan juga patut mengenakan tindakan kepada mereka? Terima kasih.

■1550

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Terima kasih sahabat saya Yang Berhormat Jerantut. Soal penguat kuasa tanah ini di dalam bidang kuasa kerajaan negeri. Pemilikan tanah itu sesiapa pun boleh memiliki tanah, ada *natural person* atau pun mengikut syarat-syarat kegunaan tanah itu. Ada juga syarikat yang memiliki tanah, boleh memiliki tanah dengan kerajaan pun boleh.

Jadi kalau macam setakat penguatkuasaan itu adalah bidang kuasa kerajaan negeri terutama sekali Jabatan Tanah dan Ukur, pihak penolong penguat kuasa tanah ataupun di Sarawak kita panggil penguasa tanah, *superintendent of land*. Di Semenanjung kita ada penolong penguasa tanah dan juga majlis daerah-daerah ataupun pihak berkuasa tempatan untuk mengambil tindakan ke atas pemilik-pemilik tanah itu. Ada undang-undang tertentu.

Akan tetapi apa maksud saya dalam pencerobohan itu saya rasa pemilik tanah itu juga harus menjaga. Tanggungjawab pemilik tanah itu terutama sekali kalau tanah itu dimiliki oleh Kerajaan Persekutuan. Itu yang maksud saya supaya kita tidak begitu *straight* kepada apa yang berlaku dalam kawasan-kawasan tersebut terutama sekali kawasan-kawasan sekolah yang miliknya di bawah hak milik Pesuruhjaya Tanah Persekutuan tetapi belum dibangunkan. Kadang-kadang projek ini tidak siap. Maka ada juga projek-projek yang sakit, kadang-kadang banyak lagi perkara-perkara yang belum dilaksanakan terutama sekali pembinaan padang misalnya di sekolah-sekolah di perkampungan.

Jadi ini saya mengharapkan *mapping* itu saya harap menteri dapat melihatkan mana-mana kawasan tanah-tanah Persekutuan walaupun ia digunakan sebagai pembelajaran, sekolah misalnya, kolej ataupun jabatan-jabatan, agensi-agensi yang lain. Jadi kita harus adakan satu *mapping* supaya senang mengurus dan mentadbir urusan tanah-tanah Persekutuan di bawah Majlis Kanun Tanah Negara ini.

Jadi itu sahaja yang saya boleh sampaikan kecuali satu lagi cukai tahunan dan premium harus juga saya sentuhkan di sini sebab ini apabila dahulu kita melihat yang premium yang dibayar oleh Kerajaan Persekutuan ini agak rendah sekali Tuan Yang di-Pertua.

Jadi ini juga kita mohon supaya Kerajaan Persekutuan dapat membantu kerajaan negeri untuk menaikkan premium-premium tanah dimiliki oleh Kerajaan Persekutuan dan juga cukai tahunan itu patut dinaikkan. Jangan sampai RM1 sahaja dalam setahun. Itu yang saya mohon daripada kerajaan supaya melihat perkara ini supaya sama-sama membantu kepada kerajaan-kerajaan negeri terutama sekali Kerajaan Negeri Sabah dan Kerajaan Negeri Sarawak. Sekian, saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Sungai Siput.

**3.53 ptg.**

**Dr. Michael Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Seperti dikatakan oleh menteri tadi, perkara tanah ini di bawah kuasa negeri dan kita di Parlimen hanya boleh seragamkan sahaja. Ini mengikut *constitution* 74, 76. Jadi ini satu kesempatan bernas untuk kita untuk menangani satu perkara, masalah besar yang dihadapi oleh pekebun-pekebun dan penternak-penternak kecil di seluruh Malaysia. Lebih kurang beberapa puluh ribu orang pekebun kecil dan penternak sekarang ada di atas tanah kerajaan. Apabila kita ada pembangunan, mereka dihalau. Pada masa ini mereka tidak ada apa-apa perlindungan dalam undang-undang kita, *you know*. Mereka dianggap sebagai suntingan dengan tampak sebarang perlindungan.

*Actually* pejabat tanah boleh pakai seksyen 426 tanpa notis untuk hancurkan segala tanaman mereka, pondok-pondok mereka, sistem pengairan mereka tanpa sebarang notis pun boleh buat. Macam baru di Sungai Siput, ada satu kumpulan 10 orang pekebun kecil di satu buah kawasan dipanggil Padang Tembak lebih kurang dua kilometer daripada bandar Sungai Siput. Mereka di situ selama 20 tahun pun.

Ada seorang pembela ikan, tiga orang penternak lembu, enam orang yang ada kebun sayur. Antara mereka tujuh orang itu *maintain*, itu dia punya punca rezeki untuk keluarga dia. Dia punya *main income* dan tiba-tiba tahun lalu bulan April, mereka dapat satu notis daripada *land office* yang mengatakan *you* kena keluar dalam dua minggu. Jika *you* tidak keluar dalam dua minggu kita boleh penjarakan selama setahun. Ini dalam seksyen 425, setahun penjara ataupun RM10,000 *fine*. Mereka datang kepada saya dan saya pun cuba adakan diskusi dengan pejabat tanah, cuba jumpa dengan Yang Berhormat Menteri Besar.

Akan tetapi mereka tidak dapat, kita tidak dapat panjangkan *period* itu. Kita pun minta jika bolehlah bagi tanah yang lain, kita boleh sewa, kita boleh dapat *lease* untuk tanah yang lain untuk mereka *continue* mereka punya kerja. Akan tetapi mereka tidak dapat, tidak dapat apa-apa pun. *So last* sekali saya pun terpaksa pergi ke mahkamah, saya dapat *injunction* untuk *stay* kerajaan, kita pergi ke Mahkamah Tinggi untuk minta *judicial review* atas notis itu.

Akan tetapi tidak dapat jugalah *judicial review*, tidak dapat dan kita sekarang diusirilah tetapi masalah ini bukan sahaja petani kecil ini yang dihalau sekarang kerana punca rezeki mereka sudah hancur tetapi juga isu jaminan makanan untuk negara kita. Kita tengok di Malaysia hampir 70% ke atas daripada pekebun sayur, penternak lembu hampir 70% daripada mereka adalah di atas tanah kerajaan. Mereka di situ untuk berpuluh-puluh tahun. Ada juga antara mereka yang sudah generasi ketiga, mungkin datuk dia, bapa dia dan sekarang dia di situ. Ini ditawarkan kawasan-kawasan yang terbiar. Mungkin lombong yang terbiar ataupun tempat *rubbish down* yang terbiar. Mereka di situ sekian lama.

Sekarang apabila ada pembangunan, mereka terpaksa keluar. *So* ini isunya bukan sahaja rezeki kumpulan ini yang bukan begitu kaya tetapi juga isu jaminan makanan untuk negara kita. Pada masa ini tahap sara diri kita dalam sayur-sayuran lebih kurang 60%, tahap

sara diri dalam daging kambing kurang daripada 10%, tahap sara diri kita dalam susu lembu pun kurang daripada 10%.

Itu memang kita ada skop, kita ada keperluan tetapi sekarang cara kita sekarang membangunkan kawasan-kawasan kita apabila ada industri, kita ada kawasan perkilangan, kawasan perumahan, petani-petani macam ini, penternak macam ini dihalau sahaja dan tidak diganti dengan tempat yang lain untuk mereka teruskan. Mereka ini merupakan satu aset kepada kita, satu sumber pengalaman kerana mereka sudah beberapa tahun, bukan mereka sahaja mungkin kadang-kadang keluarga mereka untuk dua generasi mereka ...

**Dr. Azman bin Ismail [Kuala Kedah]:** Boleh saya mencelah sedikit?

**Dr. Michael Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput]:** Okey.

**Dr. Azman bin Ismail [Kuala Kedah]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Sungai Siput. Saya perlu mencelah sedikit kerana saya adalah salah seorang yang banyak bercakap *advocating* dengan izin *grass fed meat and milk* iaitu lembu kambing yang makan rumput sepenuhnya dan juga saya bercakap ramai orang kampung yang berminat kerana mereka faham bahawa kualiti lembu yang makan rumput tadi jauh lebih baik, ia sihat. Apabila diberi makan dedak ia tidak sihat kerana ia lebih omega 6.

Masalah terbesar di Kedah ialah tidak ada tempat untuk mengambil rumput atau menggembala haiwan tadi untuk makan rumput. Hampir semuanya tanah kerajaan. Itu masalah yang sangat besar. Tidak bolehkah kita adakan peraturan di mana tanah-tanah yang terbiar tadi ditumbuhi rumput yang boleh dimanfaatkan sangat baik untuk kesihatan dan bekalan makanan negara supaya dapat digunakan? Tidak dijadikan kesalahan. Terima kasih.

**Dr. Michael Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput]:** Terima kasih Yang Berhormat Kuala Kedah. Saya rasa kita mesti ada satu pelan kebangsaan di mana kita nampak jaminan makanan dan apa yang perlu dibuat. Pada masa ini *land law* nampaknya hanya fokus kepada pembangunan, pada projek-projek perumahan. Memang *the money is there, you know*. So memang itu yang menjadi tumpuan kita.

Akan tetapi kita juga kena tengok jangka masa panjang apakah jaminan makanan di negara kita? Jika kita hancurkan kumpulan ini yang ada pengalaman macam mana mereka pulih balik satu buah kawasan lombong untuk dijadikan ia subur, menjadikan ia dengan protein yang tinggi untuk sayur-sayuran.

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** [Bangun]

**Dr. Michael Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput]:** Yang Berhormat Bagan Serai, please.

■1600

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Sungai Siput. Saya setuju dengan Yang Berhormat Sungai Siput dan juga bersetuju dengan Yang Berhormat Kuala Kedah tentang haiwan-haiwan yang makan rumput-rumput adalah jauh lebih baik daripada mengambil makanan yang diproses kerana kandungan omega-6 yang menyebabkan keradangan yang boleh menyebabkan pelbagai

penyakit kepada orang yang makan juga sekali. Cuma saya ingin bertanya saya mendengar dengan teliti perbincangan Yang Berhormat Sungai Siput, mereka-mereka yang sudah beberapa generasi duduk di situ yang telah menyediakan makanan untuk negaralah.

Tapi saya ingin tanya, mereka duduk ini di tanah yang bukan kepunyaan mereka dan mereka telah duduk bertahun-tahun dan sudah pasti juga mereka telah meneruskan kehidupan mendapat hasil, mungkin ada yang sudah jadi kaya pun. Tidakkah mereka sepatutnya berfikir untuk mencari jalan yang lebih baik, tempat yang lebih baik ataupun tanah yang halal lah untuk mereka duduk daripada kita nanti dikatakan “dihalau” dengan begitu sahaja dan merosakkan makanan negara. Apa pendapat Yang Berhormat Sungai Siput.

**Dr. Michael Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput]:** Terima kasih Yang Berhormat Bagan Serai, satu soalan yang baik. Saya ingat antara mereka ada ramai yang juga pohon mereka pernah pohon untuk *grant* ataupun untuk *license* biasanya ditolak. Mereka tidak dapat, ramai ketika ambil *interview* mereka ada yang tolak. So saya ingat jika mereka diberi *license* macam untuk seorang petani ataupun penternak dia perlu jaminan dia boleh pakai tanah itu. Ini kerana sistem pengairan dia kena buat empangan, dia kena bawa paip air masuk kawasan itu, kena buat *sprinkler*, kena buat pam, itu semua satu pelaburan satu *investment*.

Jika mereka tahu dia dapat *license* 10 tahun dia sedia keluarkan duit itu. Akan tetapi jika dia selalu tak tahu adakah mereka akan dihalau dalam dua tahun ke tiga tahun mereka takut simpan lebih duit untuk dalam dia punya *business* dia. So jika kita bagi mereka jaminan 10 tahun ke 15 tahun bagi *list* dia berani pinjam kah simpan duit dia punya *profit* akan tinggi. Saya rasa kita kena tengok saya rasa memang betul kita boleh *charge* mereka tetapi kita kena halalkan mereka dulu dan apabila mereka pohon dan kita tolak sahaja itu satu masalah. Selain daripada isu macam ini isu bukan sahaja di Padang Tembak Sungai Siput, macam di Perak pada masa ini ada 24 kawasan pertanian yang sedang diancam oleh pembangunan.

Pembangunan oleh kerajaan atau pembangunan oleh pihak swasta dan mereka semua dihalau dan diusir keluar tanpa sebarang pampasan. Satu lagi perkara yang kita harus pandang ialah sumbangan petani-petani kecil kepada ekonomi tempatan macam Sungai Siput ataupun Chemor, bandar-bandar kecil ini petani-petani kecil mereka ialah sumber pendapatan di kawasan-kawasan itu. Mereka jual dia punya hasil, duit masuk ke dalam kawasan itu dan duit itu berkitar dalam pasaran kawasan itu. Jika semua petani di situ, penternak itu diusir tidak lagi buat *business* itu kawasan itu akan jadi miskin walaupun ada rumah-rumah tetapi tidak ada *income* yang masuk dalam kawasan itu.

So, ini pun yang kita kena tengok. Jika ini kumpulan kita hancur banyak bandar-bandar kita akan jadi miskin lagi. Jadi saya tengok dalam pindaan yang kita bawa ini kita telah sentuh perkara seksyen 214 dalam National Land Code dan 214A pun disentuh. 214A ini adalah salah satu yang *interesting* kerana dia ini di bawah pada tahun 1968 di mana satu Lembaga Tanah Ladang diwujudkan di setiap negeri dan tujuan dia ialah untuk memberi perlindungan kepada pekerja-pekerja estet pada masa itu ada banyak estet yang di pecah dan dijual dan pekerja estet kehilangan, bukan sahaja kerja tetapi juga kehilangan rumah. So, dalam 214A ini pada

1968 ini di bawah untuk wujudkan satu jawatankuasa, satu lembaga, National Estate Land Board dipanggil Lembaga Tanah Ladang di peringkat negeri yang mesti luluskan jualan estet itu.

Tanpa kelulusan lembaga ini estet itu tidak boleh dijual. So, lembaga ini akan tengok adakah kepentingan pekerja estet ini dijaga? Adakah isu perumahan mereka dijaga macam mana dengan kuil mereka? Macam mana dengan sekolah mereka? Baru semua itu selesai baru Land Board itu katakan okey, tanah itu boleh dijual, ia tidak boleh di pecah. Kenapa kita tidak ingat kita bawa satu lagi 214B Lembaga Tanah Pertanian di mana petani-petani kecil, penternak-penternak kecil diberi perlindungan. Jika tanah yang dipakai oleh mereka hendaklah dibangunkan dan hendak mereka di keluar. Mungkin kita harus ada satu lembaga di peringkat negeri yang boleh kaji. Okey pejabat tanah *you* hendak buat apa orang-orang ini adakah *you* tawarkan kepada mereka kawasan yang lain bagi mereka *list* kah, atau bagi mereka geran kah di kawasan yang lain biar mereka teruskan dengan kegiatan pertanian mereka.

Kenapa kita boleh fikirkan ini? Ini saya ingat akan bantu bukan sahaja petani kecil tetapi ini akan bantu kita kekalkan bekalan makanan untuk negara kita untuk jangka masa panjang. Penting sangat. Ini kerana saya tengok sekarang dengan pembangunan *what's happening is* lebih-lebih ramai setiap tahun kita kehilangan sebahagian daripada petani dan penternak kita yang ada begitu banyak pengalaman. Ini *is the loss for the country*. So, ini saya rasa saya mahu tanya kenapa ini tidak diambil kira, kenapa kita tak ambil peluang bawa pindaan ini kepada National Land Code ke sini kenapa kita tak ambil peluang ini untuk membawa perlindungan yang saya sebut tadi 214B untuk bawa satu Lembaga Tanah Pertanian untuk beri perlindungan untuk petani kecil.

Adakah kerajaan tidak tahu ada berpuluh ribu rakyat Malaysia yang bekerja sebagai pekebun, penternak atas tanah kerajaan? Tak sedar kah dan adakah kerajaan tidak tahu apakah peranan pekebun ini dan penternak ini dalam bekalkan makanan untuk masyarakat kita? Adakah tidak tersedar ini? Kenapa ia tidak dibawa? Jadi saya tahulah sekarang terlewat, tidak boleh kita sekarang bawa satu pindaan yang baru kepada National Land Code ini.

Ini kerana perlu melalui proses kena pergi ke National Land Council, kena dapat persetujuan daripada semua negeri. Jadi saya haraplah jika boleh Menteri Sumber Asli boleh kaji syor ini dan fikirkan bagaimana kita boleh wujudkan perlindungan dan adakah perlu kita bawa satu lagi pindaan 214B untuk beri perlindungan untuk petani kecil, penternak kecil, untuk kebaikan mereka dan juga untuk kebaikan negara kerana menjamin bekalan untuk makanan? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Lipis.

**4.08 ptg.**

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis]:** *Bismillahi Rahmani Rahim, Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua

yang memberi kesempatan kepada saya untuk turut serta mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang Kanun Tanah Negara. Terlebih dahulu saya merakamkan ucapan tahniah kepada pihak kementerian kerana telah membuat beberapa perubahan dalam rang undang-undang ini untuk diluluskan di dalam Dewan dengan pindaan kepada Akta Hak Milik Strata dan Akta Pengambilan Tanah.

Kita memahami bahawasanya terdapat banyak masalah dari segi soal tanah di dalam negara kita termasuklah juga di dalam negeri Pahang. Baru-baru ini kita pada 5 November 2014, kita telah dikejutkan dengan tragedi banjir lumpur dan tanah runtuh di Cameron Highlands yang disebabkan oleh kerakusan manusia disebabkan oleh ingin mengambil keuntungan yang besar serta boleh melakukan korupsi dari segi tanah haram itu sendiri. Kawasan bukit Banjaran Titiwangsa Semenanjung yang berkeluasan lebih kurang 71,218 hektar persegi dibuka pada zaman kolonial British lagi. Di mana berpaksikan untuk tanaman teh dan juga adalah satu tempat pelancongan yang cukup menarik sekali.

#### ■1610

Kalau dilihat dalam persekitaran tahun 1970-an atau masih pada tahun 1980-an, kita menikmati kawasan itu amat sejuk sekali sehinggakan minyak kelapa dijual secara timbang kati yang berbeku. Tetapi pada masa ini, tidak lagi berlaku dalam hal ini dan tidak mungkin akan berlaku lagi dari segi perubahan cuaca ini.

Maka akibat daripada penerokaan yang tidak terkawal ini, kita telah melakukan perkara yang telah saya katakan tadi iaitu dari segi korupsi secara haram penanaman berbagai-bagai tanaman khususnya adalah tanaman sayur.

Kalau melihat dari segi sedemikian rupa, isu utamanya adalah pendatang haram dan penerokaan tanah haram sehingga menyebabkan di Cameron Highlands itu sendiri pernah dikatakan mencecah hampir belasan ribu pendatang haram yang telah meneroka secara haram tanah di Cameron Highlands ini.

Dengan peruntukan pindaan undang-undang Kanun Tanah Negara, pesalah yang melanggar peraturan yang termaktub dalam kaedah-kaedah tanah negeri, Kanun Tanah Negara yang mana kalau kita membuat perubahan dari segi rang undang-undang ini, akan membawa kepada penalti ataupun hukuman penjara yang lebih berat lagi dalam hal ini.

Ini menandakan di bawah kementerian yang diterajui oleh Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar ini, Menteri telah membuat satu perubahan yang cukup baik sekali bagi mengatasi masalah-masalah yang telah berlaku yang kita lihat hari ini berbagai-bagai kejadian yang berlaku khususnya dalam penerokaan haram dan mungkin juga terlibat dengan perlombongan haram.

Maka, dengan adanya rang undang-undang baru ini, maka kita mengambil berat dalam hal ini supaya pendudukan tanah kerajaan secara tidak sah, pelanggaran...

**Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]:** Yang Berhormat Lipis.

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis]:** ...Ataupun pemindahan bahan batuan secara tidak sah dan lain-lain kesalahan yang akan boleh mencecah penaltinya daripada RM100,000 kepada RM500,000. Sila Yang Berhormat Gerik.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Sila Yang Berhormat Gerik.

**Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]:** Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Lipis, berkenaan dengan penerokaan haram, pelbagai pihak menggambarkan seolah-olahnya kerajaan negeri zalim. Orang hendak bercucuk tanam tidak bagi.

Namun saya percaya Yang Berhormat Lipis lebih mengetahui. Teroka haram ini dia membabitkan sindiket. Orang yang sebenar teroka boleh dapat hak milik. Ini kadang-kadang dia teroka dia jual hal milik. Akhirnya, kita melihat isu peneroka haram di peringkat negeri ini tidak selesai sampai bila-bila. Bagaimana pandangan Yang Berhormat Lipis? Perkara ini sebenarnya penguatkuasaan, pada pandangan saya, tapi pada pandangan Yang Berhormat Lipis bagaimana cerita penerokaan haram di negeri-negeri ini? Sebab, kita tidak tahan seolah-olah ada satu pihak pembangkang sering mengatakan kerajaan negeri tak nak menyelesaikan masalah teroka haram.

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis]:** Terima kasih kepada Yang Berhormat Gerik yang membangkitkan perkara ini. Saya berpendapat— pendapat saya, bukan pendapat Menteri kerana Menteri yang akan menjawab selepas ini.

Pada pendapat saya, kalau penerokaan haram itu adalah sekadar untuk mencari sumber pendapatan hidupan harian, pada saya kerajaan negeri seharusnya mempertimbangkan dalam hal ini. Contoh, kalau di negeri Pahang, Menteri Besar pernah berkata kalau setakat empat ekar, pada bila-bila masa beliau boleh luluskan dan hendaklah minta dipulangkan kembali tanah haram yang diteroka sehingga mencecah ribuan ekar yang tidak membayar cukai tanah ataupun apa-apa cukai. Sebab itu saya memperkatakan di bawah Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar ini di bawah Menteri yang kita ada ini, maka mengambil langkah yang drastik untuk memastikan perkara ini tidak berlaku.

Dari soal yang diperkatakan oleh Yang Berhormat Gerik tadi, saya juga penuh yakin bahawasanya penguatkuasaan itu amat-amat kecewa sekali. Ini kerana di Cameron Highlands ini— kalau saya mengambil contoh di Cameron Highlands sendiri. Kalau di Cameron Highlands ini, adakah kita tidak nampak tentang penguatkuasaan ini? Adakah kita tidak nampak tentang penerokaan haram itu? Kalau penguatkuasaan berjalan dengan baik, saya percaya perkara ini tidak akan berlaku.

Saya katakan sedemikian rupa— mungkin di bawah Kementerian Sumber Asli ini juga boleh memikirkan bagaimana untuk kita untuk memperkukuhkan penguatkuasaan ini supaya mereka dapat melaksanakan tugas dengan secara jujur dan boleh beri makan gaji kepada anak bini secara halal. Maknanya, mereka menjalankan tugas secara benar-benar berbakti kepada negara dan bangsa itu sendiri.

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Yang Berhormat Lipis.



**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ada dua orang bangun.

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis]:** Yang Berhormat Gerik.

**Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]:** Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Lipis, sambung balik pada teroka haram di Cameron Highlands, tanah tinggi. Ini saya tidak tahu ini, saya bukan anak Pahang. Di sana pastinya ada dua tanah. Satu tanah kerajaan, satu tanah *reserve* hutan. Persoalan yang berbangkit daripada Yang Berhormat Lipis nyatakan tadi, kalau kita teroka tanah di *reserve* hutan, siapa yang hendak ambil tindakan? Sedangkan, teroka haram tanah kerajaan ini pun penguatkuasaan ada seorang sahaja di pejabat tanah. Macam mana perkara tersebut boleh kita hendak selesaikan? Minta komen daripada Yang Berhormat Lipis.

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Terima kasih, Yang Berhormat Lipis. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Saya ingin menyatakan juga bahawa bukan sahaja di Tanah Tinggi Cameron Highlands tetapi juga di kawasan-kawasan di kawasan hulu, kawasan tasik dan empangan, di kawasan tadahan air, kita lihat ada tanda-tanda pencerobohan berlaku.

Jadi saya hendak tanya Yang Berhormat Lipis, apakah penguatkuasaan— undang-undang ada. Adakah penguatkuasaan dijalankan dengan sebetulnya? Berapa ramai orang yang dah kena tangkap? Berapa denda yang dah dikenakan? Adakah denda ini terlampau kecil sehinggakan orang tidak takut untuk menjalankan kegiatan-kegiatan haram?

Dan boleh dikatakan tidak ada perikemanusiaanlah atau saya hendak sebut macam tidak ada akal juga. Sebab apa? Sebab, kesannya akan mengakibatkan kesejahteraan rakyat terganggu. Kita lihat contohnya kalau di empangan, apabila tanah di sekeliling tadahan air diganggu, maka ditanam pokok-pokok yang tidak dapat menakung atau menyerap air, maka apabila berlaku kemarau, tidak ada air untuk dilepaskan. Kita lihat fenomena tasik jadi kering, sungai jadi kering, sungai jadi cetek, tasik jadi cetek disebabkan oleh *debris* dan sebagainya. Begitu juga apabila musim hujan tiba, air tidak dapat ditakung, air tidak dapat diserap, maka berlaku banjir dengan cepat. Ini apa pendapat Yang Berhormat Lipis?

**Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd. Akin [Bukit Katil]:** Yang Berhormat Lipis, sedikit boleh, Yang Berhormat Lipis? Boleh, Tuan Yang di-Pertua?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Sila, Yang Berhormat Bukit Katil.

**Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd. Akin [Bukit Katil]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Saya tertarik dengan hujah Yang Berhormat Lipis tadi tentang penguatkuasaan. Saya hendak tanya adakah Yang Berhormat sedar pada tahun 2013, kementerian ada menubuhkan apa yang dipanggil sebagai *centralize enforcement team* ataupun penguatkuasaan berpusat yang menggabungkan kesemua agensi? Adakah itu berlaku di kawasan *Cameron Highlands*

seperti yang disebut oleh Yang Berhormat tadi ataupun ia sekadar pengumuman yang mana akhirnya tidak ada tindakan? Minta pandangan Yang Berhormat. Terima kasih.

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis]:** Saya sudah bagi tahu tadi Menteri kita ada di depan, dia akan jawab. Walau bagaimanapun, saya tetap memberi pandangan saya. Kalau saya jawab, nanti ada pula yang kata saya Menteri pula yang hendak menjawab. Jadi saya jawab secara pandangan saya, pendapat saya, mungkin boleh difikirkan bersama dalam soal ini.

Kepada Yang Berhormat Gerik, saya cukup rasa berbangga dengan persoalan itu sebab memang benar bukan sekadar seorang sahaja penguat kuasa di Lipis, kita mungkin mempunyai belasan orang penguat kuasa di Lipis.

■1620

Akan tetapi dalam keadaan yang ramai itu, dari segi angka sahaja yang berlaku penerokaan haram. Di dalam daerah Lipis sahaja amat tinggi sekali. Sebab itu saya mengalu-alukan satu rang undang-undang seperti ini di laksanakan. Supaya kita dapat mengelak daripada berlaku penerokaan haram ini. Saya tidak payah hendak sebut kawasan orang lain. Kalau sebut di Bera umpamanya, tersangat besar penerokaan haram ini di negeri Pahang. Sedangkan hasil tidak dapat kepada kerajaan negeri. Kalau mereka memohon secara yang sah mungkin kerajaan negeri boleh mengutip hasil sama ada dari pokok ke pokok ataupun dari tanah yang mereka teroka itu. Sebab itu saya sangat bersetuju dengan apa yang disarankan oleh Yang Berhormat Gerik. Saya menyeru supaya Kerajaan Pusat supaya memberikan peruntukan yang lebih kepada Kerajaan Negeri Pahang, khususnya untuk kita mengelakkan daripada penerokaan haram ini. Termasuklah juga— termasuklah apa yang berlaku di nyatakan oleh Yang Berhormat Bukit Katil tadi. Saya tidak pasti tetapi saya tahu sekarang ini, untuk menyekat daripada penerokaan haram di Cameron Highlands ini, satu pasukan tentera telah di hantar untuk bertugas di sana.

Akan tetapi saya tidak tahu keberkesanan sebab saya tidak berada di Cameron Highlands. Akan tetapi ada juga saya dengar macam mana cara hendak menyelesaikan penanaman haram ini. Tentera letak pun dengar cerita tidak berapa hendak selesai. Letak pegawai penguat kuasa pun tidak berapa hendak selesai. Jadi, kita hendak letak macam mana agaknya sehingga ia boleh selesai? Mungkin ini di bawah tidak silap saya daripada Yang Berhormat Arau yang akan menjawab persoalan ini dan telah diberi mandat pula saya dengar kepada JPAM umpamanya.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** [*Menyampuk*]

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis]:** Kalau JPAM ini tukar nama kepada angkatan pertahanan awam pun cantik. Maknanya APAM. Kalau JPAM ini ditukar kepada APAM lebih menarik. Jadi Yang Berhormat,— minta maaf Yang Berhormat— Tuan Yang di-Pertua. Dari segi yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Bagan Serai sebentar tadi. Saya hendak nyatakan— Yang Berhormat Jerantut sekejap. Saya hendak kepada Yang Berhormat Bagan Serai, saya juga berlaku apa Yang Berhormat Bagan Serai kata ini. Sebab itu akta ini

sangat-sangat diperlukan kerana ia juga berlaku di kawasan saya. Dia tidak kira sekarang ini tasik, dia tidak kira bukit-bukau, dia tidak kira kawasan Taman Negara, dia tidak kira kawasan-kawasan tadahan, yang memberi kesan adalah kepada masyarakat kampung yang kadang-kadang menggunakan air tadahan bukit itu sendiri.

Maka, penyebabnya berlaku sebulan yang lalu di Lipis, disebabkan oleh kerana penyaluran air untuk dimasukkan di *dam* Cameron Highlands. Maksudnya, kawasan tadahan air di salurkan sedemikian rupa, menyebabkan sungai yang salah satu sungai besar di Pahang, Sungai Jelai, disebabkan sehingga kering air tersebut, boleh berpesta, boleh berlari tetapi punca-punca lain juga turut berlaku seperti El Nino. Saya tengok Sungai Golok, orang boleh berpesta, orang boleh berlari sehingga ke Golok kalau mengikut dalam TV yang saya lihat. Akan tetapi dengan kebijaksanaan Yang Berhormat Menteri dan Yang Berhormat Timbalan Menteri yang membantu saya membuat pelepasan air itu kembali, maka Lipis telah kembali pulih dari segi air kalau tidak 100 peratus pun. Dengan bantuan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri memberi peruntukan segera supaya air dapat disalurkan ke kawasan-kawasan tersebut.

Jadi Ahli-ahli Yang Berhormat, ini yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Bagan Serai itu. Bererti, memang kita sangat-sangat alu-alukan penjagaan dari segi tadahan air, kawasan hutan, perlombongan haram dan sebagainya. Silakan Yang Berhormat Jerantut.

**Tuan Haji Ahmad Nazlan bin Idris [Jerantut]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya tertarik dengan perbahasan yang dibawa oleh Yang Berhormat Lipis dan celahan rakan-rakan. Terutama apabila melibatkan soal pemantauan dan juga pelaksanaan undang-undang. Tadi Yang Berhormat Lipis menyebut tentang penguatkuasaan di Cameron Highlands melibatkan kementerian lain. Melibatkan Yang Berhormat Menteri kita dari Arau tentang proses untuk memastikan penerokaan tanah haram itu dapat di atasi. Akan tetapi apakah pandangan Yang Berhormat Lipis melalui pindaan ini, melalui pindaan Kanun Tanah Negara ini dapat kiranya kerajaan menyumbang satu peruntukan yang boleh diterima pakai oleh semua negeri dari segi pemantauan supaya kuasa pemantauan ini dapat dipusatkan kuasanya.

Pertama, bagi membantu kerajaan-kerajaan negeri memastikan tidak berlaku penerokaan haram. Kedua, tidak berlaku penipuan jika ada terhadap mana-mana kawasan yang telah pun diberikan kebenaran. Mungkin penipuan dari segi penggunaan. Contohnya, itu seperti yang kata Yang Berhormat Gerik. Jadi, apakah pendapat Yang Berhormat Lipis, supaya kita bersetuju ataupun kerajaan bersetuju penguatkuasaan ini dibuat bersama diberikan kepada Kerajaan Pusat?

Jadi, kalau untuk bantuan sahaja lah memerlukan pada kementerian lain. Supaya kita dapat mencegah kaedah penerokaan yang sistematik ini yang dibuat oleh pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab. Saya yakin, kalau contoh di Cameron Highlands ini, kita takut ada orang lain di belakangnya. Ada tauke-tauke besar di belakang ini yang meletakkan setiap orang itu ambil seekar, seekar, seekar dan dia tuan punya, jadi tuan tanah yang memberikan kepada orang individu tertentu untuk dibangunkan secara haram. Kita tidak tahu. Mungkin juga apa

yang berlaku di hutan-hutan yang lain di Lipis, di Jerantut dan di Bera seperti mana Yang Berhormat Lipis tadi, ini juga mungkin berlaku. Kita tidak mahu lah ini cerita '*Bangau, oh bangau*' lagi. Kerajaan negeri salahkan Pusat. Pusat salahkan kerajaan negeri. Rakyat salahkan wakil rakyat. Wakil rakyat salahkan kerajaan negeri, salahkan kementerian.

Jadi, pada pandangan saya, Yang Berhormat Lipis, mungkin Yang Berhormat Lipis pun setuju, melalui pindaan ini kita perkasakan kuasa pemantauan agar penerokaan hutan yang memang menjadi keghairahan untuk tujuan pembalakan dan juga perlombongan ini dapat kita kurangkan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis]:** Terima kasih kepada rakan saya senegeri dari Jerantut. Saya berpendapat, sangat baik apa yang disarankan oleh Yang Berhormat Jerantut sebentar tadi. Kita bukan katakan yang negeri tidak dapat mengawal keadaan tanah ini. Kadang-kadang berbalik kepada Yang Berhormat Gerik katakan kerana disebabkan penguatkuasaan. Kalau penguatkuasaan itu kuat, maka saya percaya perkara-perkara ini tidak akan berlaku. Sebab itu, saya mohon jasa baik Yang Berhormat Menteri supaya dapat membantu dalam hal ini. Kalau boleh saya berikan pandangan, kalau penglibatan secara besar-besaran kelulusan, pembalakan, perlombongan, penanaman utama yang boleh menjadi sumber kepada negeri. Akan tetapi saya mohon supaya Kerajaan Pusat juga boleh memainkan peranan. Maknanya, sebelum kelulusan itu, Kerajaan Pusat juga akan memberi pandangan dan boleh beri kuasa untuk memastikan tanah-tanah itu juga boleh dirujuk kepada peringkat Pusat dan periksa apakah operasi yang mereka jalankan.

Mungkin dengan cara ini, salah satu perkara yang boleh dilakukan untuk membantu kerajaan negeri, untuk membantu Pusat. Supaya dalam hal ini dapat kita atasi bersama sebagaimana yang kita lakukan dalam peristiwa bauksit di Kuantan itu sendiri. Maka, kita dapat penyelesaian secara baik. Ini adalah salah satu amanah yang telah diberikan oleh Kerajaan Pusat supaya kita dapat melakukan hal itu menyebabkan kita telah tidak timbul lagi dalam soal perkara bauksit di Kuantan ini sendiri. Sebab itu, kalau kita membuat secara kelulusan berskala, maknanya kita mengeluarkan, bukan kita tidak boleh keluarkan kerana ini juga adalah hasil daripada hasil negeri. Akan tetapi kalau kita tidak kawal dengan sebaik mungkin, maka terjadilah peristiwa-peristiwa sedemikian rupa.

■1630

Mungkin kalau kita lakukan perkara ini, maka dengan kita melakukan rang-undang-undang baru ini mengenakan penalti, hukuman yang berat, kadar penerokaan seluas mana, kadar itu mungkin boleh mencecah berjuta-juta ringgit samannya dan sebagainya, penaltinya, maka saya percaya, penguatkuasaan itu akan dapat dilakukan supaya kita dapat mengatasi perkara-perkara yang kita lakukan itu.

Tuan Yang di-Pertua, saya seperkara lagi, penguatkuasaan ini, adakah ia dipantau oleh Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar ini? Ini persoalannya. Kita berbahas ini adalah dalam soal Kanun Tanah tetapi daripada segi penguatkuasaan ini, biarlah saya menyarankan

Menteri untuk menjawabnya dan akan memberi pandangan yang baik tentang penguatkuasaan ini. Saya berharap supaya Menteri dapat berusaha sehabis baik dalam kes penguatkuasaan ini.

Saya tahu Yang Berhormat Arau bekerja keras sewaktu berlaku peristiwa di Cameron Highlands. Saya nampak dia berdiri sebab itu saya sebut. Dia mengambil langkah yang baik untuk mengatasinya tetapi sebaik-baik Yang Berhormat Arau, perkara ini masih berlaku. Jadi Yang Berhormat Arau kena naik lagi, ajak saya kalau boleh. Saya hendak tengok sekali juga, menggunakan helikopter dan sebagainya untuk melihat *[Disampuk]* – Helikopter sensitif sedikit ya. Jadi kita pakai lainlah, *four wheel drive* lah dan sebagainya. Bila saya tengok Yang Berhormat Kuala Krai mengangguk pakai helikopter, saya pula naik seram hendak sebut fasal helikopter.

Jadi, berbalik kepada isu ini, kita mencadangkan supaya kementerian mengambil langkah memulihkan alam sekitar yang terjejas akibat oleh penjenayah-penjenayah alam sekitar ini. Mereka ini kita boleh istilahkan penjenayah, penerokaan haram, kadang-kadang yang tidak dapat kita kesan. Sebab itu Kanun ini saya katakan Kanun yang cukup baik sekali untuk kita banteras perkara-perkara ini. Saya berharap supaya pihak-pihak ini ...

**Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]:** Yang Berhormat Lipis, boleh atau tidak ini? Dasar kepada Kanun Tanah yang kita bincangkan ini, kalau kerajaan negeri terima, baru boleh berlaku penguatkuasaan, kecuali seperti kata Yang Berhormat Putatan tadi yang kita bincangkan ini boleh berkuat kuasa untuk Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Wilayah Persekutuan Labuan, Wilayah Persekutuan Putrajaya. Untuk negeri-negeri lain, macam mana rasanya pandangan Yang Berhormat Lipis?

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis]:** Terima kasih kepada Yang Berhormat Gerik. Saya sebenarnya, persoalan ini juga banyak berbalik kepada penguatkuasaan. Kalau penguatkuasaan ini tidak dapat, tidak mencukupi, tidak dapat menjalankan tugas dengan baik, saya percaya, apa persoalan yang kita bangkitkan dalam Rang Undang-undang Kanun Tanah ini, ia tidak akan boleh berlaku. Persoalan saya, adakah pegawai-pegawai penguatkuasaan ini mencukupi untuk melaksanakan tugas itu dan juga saya berkata sedemikian rupa, saya hendak berbalik kepada apakah yang boleh kita bantu kerajaan negeri yang boleh memastikan penguatkuasaan ini cukup.

Jadi saya berharap supaya kalau daripada segi penguatkuasaan daripada Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar ini sendiri boleh meletakkan pegawai-pegawai yang saya katakan sedemikian rupa boleh menyemak pelan-pelan pelaksanaan yang dilakukan oleh peringkat negeri, boleh melihat lombong-lombong yang tidak sah, boleh melihat tanah-tanah haram yang beribu-ribu ekar, mungkin mencecah ratusan ribu ekar yang telah diteroka secara haram.

**Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** *[Bangun]*

**Tuan Anuar bin Abd. Manap [Sekijang]:** *[Bangun]*

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis]:** Maka ini juga tidak lain tidak bukan, kalau kita laksanakan sebaik mungkin, ia boleh mendatangkan hasil kepada kerajaan itu sendiri.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, dua orang Yang Berhormat bangun iaitu Yang Berhormat Kuala Krai dan Yang Berhormat...

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis]:** Sila. Saya beri Yang Berhormat Kuala Krai.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Kuala Krai.

**Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Lipis. Benar kata Yang Berhormat Lipis tadi apa juga akta ini akan berkesan dan menjadi bagus sekiranya pelaksanaannya setimpal dengan peruntukan-peruntukan yang ada. Isu tanah dan Kanun Tanah ini bukan cerita baru tetapi cerita berkurun agaknya ya kerana undang-undang tanah ini memang sebahagian daripada undang-undang asal mana-mana negara tetapi hari ini kita masih lagi berbahas mengenai penguatkuasaan.

Jadi Yang Berhormat Lipis mengatakan dia cukup menyokong rang undang-undang ini tetapi timbul isu penguatkuasaan. Jadi macam mana kita hendak menyelesaikan? Menambah kakitangan? Menambah pegawai-pegawai dengan SOP yang lebih baik atau macam mana? Saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat Lipis, setujukah Yang Berhormat Lipis kalau salah satu pihak berkuasa yang sangat penting ini diaktifkan untuk memastikan pelaksanaan itu berjalan ialah SPRM? Apakah Yang Berhormat Lipis bersetuju supaya SPRM diperkasakan, diberikan keupayaan untuk melaksanakan tanggungjawab tanpa perlu mendapat laporan khusus?

Akan tetapi apabila mendengar bayang-bayang perkara-perkara salah guna kuasa oleh penguat kuasa kerana tanah yang diterokai sudah begitu lama tidak disiasat, maka SPRM boleh mengambil inisiatif untuk memulakan penyiasatan. Apakah pandangan Yang Berhormat Lipis? Terima kasih.

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis]:** Saya beri Yang Berhormat Sekijang dahulu sebab dia lama menunggu.

**Dato' Othman bin Aziz [Jerlun]:** Okey.

**Tuan Anuar bin Abd. Manap [Sekijang]:** Boleh?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Sekijang.

**Tuan Anuar bin Abd. Manap [Sekijang]:** Terima kasih Yang Berhormat Lipis, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Berkenaan dengan penguatkuasaan ini, saya pun ingin mencadangkan kepada pihak kerajaan selain daripada tadi Yang Berhormat Kuala Krai mencadangkan SPRM. Mungkin ada agensi-agensi lain yang boleh membantu daripada segi penguatkuasaan. Cuma betullah bila melibatkan kerajaan negeri ini ia bergantung kepada

kuasa daripada kerajaan negeri sama ada perlu meminta bantuan daripada agensi-agensi yang berkaitan.

Antara agensi yang boleh membantu seperti Yang Berhormat Lipis tadi, JPAM sendiri terutamanya daripada Yang Berhormat Arau tadi ada memaklumkan JPAM antara agensi yang sebenarnya patut boleh membantu daripada segi penguatkuasaan dan mungkin ada agensi-agensi lain yang boleh membantu sama. Jadi, dalam hal ini, saya kira soal penguatkuasaan ini tidak perlu untuk ditambah tenaga dan sebagainya daripada segi staf dan sebagainya tetapi lebih elok kita memanfaatkan *National Blue Ocean Strategy (NBOS)* yang telah diuar-uarkan oleh kerajaan termasuklah di peringkat kerajaan negeri. Mereka boleh gunakan sebenarnya penguat kuasa-penguat kuasa yang ada ini untuk membantu dalam usaha melibatkan penguatkuasaan. Apakah pandangan daripada Yang Berhormat Lipis?

**Dato' Othman bin Aziz [Jerlun]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Lipis beri ruang kepada saya sedikit.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya.

**Dato' Othman bin Aziz [Jerlun]:** Isu yang sama kita bercakap soal rang undang-undang kita hendak pinda ini kemudian berkisar kepada keberkesanan sama ada pihak kerajaan negeri akan dapat menguatkuasakan melaksanakan segala bentuk undang-undang ini bagi menjamin apa yang kita cakap ini dapat kita selesaikan.

Akan tetapi saya hendak bertanya Yang Berhormat Lipis dalam konteks kita memakai kasut kerajaan negeri. Contohnya saya dari Kedah. Kerajaan Kedah ini memang kurang ada duit, kurang mendapat *revenue*. Sudah tentulah balak ini menjadi satu punca pendapatan yang penting. Jadi di Kedah baru-baru ini keluar minggu lepas dalam akhbar The Star yang mana telah berlaku pembalakan sama ada yang haram ataupun sah, *licensed and unlicensed logging*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua.

Di kawasan tadahan Muda iaitu yang ada Empangan Pedu, Ahning dan juga Empangan Muda. Kawasan ini kita tahu menjadi kawasan yang paling penting kerana *water catchment*, kawasan tadahan ini seluas 1,400 kilometer persegi dan ia membekalkan air kepada tiga buah negeri sebenarnya iaitu Kedah, Perlis dan juga Pulau Pinang. Kerajaan negeri sentiasa berkata, Kerajaan Barisan Nasional mahupun Kerajaan PAS suatu waktu ketika dahulu, tahun 2008 sampai 2013, mereka memerlukan pendapatan premium balak ini dan terpaksa membenarkan kuasa orang-orang yang ada lesen untuk membuat pembalakan di kawasan ini. Maka baru-baru ini kita lihat tertembanglah pokok-pokok balak yang besar, mungkin umurnya lebih 100 tahun.

#### ■1640

Ia menjadi satu masalah pula kepada contohnya Lembaga Kemajuan Pertanian Muda yang menjaga *dam* tersebut yang diberi amanah untuk membekal air sebagai pengairan sawah bendang dan juga sudah tentu untuk penggunaan domestik. Jadi kalau kita lihat daripada segi sudut penguatkuasaan sudah tentulah apabila berita ini terkeluar dalam akhbar utama, saya hendak tanyalah pihak kementerian sama ada apakah tindakan telah pun diambil? Adakah

kementerian sedar dan telah pun mengambil tindakan membuat lawatan, membuat tinjauan dan sebagainya?

Berdasarkan kepada laporan ini, dan bagaimanakah Kerajaan Pusat melalui kementerian ini dapat - kalau boleh cari jalan hendak *compensate*, hendak membantu kerajaan negeri? Kita larang mereka membalak tetapi kita cari jalan bagaimana hendak gantikan hasil pembalakan itu mungkin setahun, dua, tiga atau 40 juta untuk diberikan kepada kerajaan negeri bagi menampung perbelanjaan mereka. Apa pandangan Yang Berhormat Kuala Lipis? Terima kasih.

**Beberapa Ahli:** *[Bangun]*

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Yang Berhormat Lipis, Yang Berhormat Lipis.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Pokok Sena, bagi peluang Yang Berhormat Pokok Sena.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Ya. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Pokok Sena dia hendak keluar minum teh selepas ini.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Saya ada urusan...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya. Saya nampak, saya nampak.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Saya tidak sempat hendak ini – saya hendak mencelah dalam Yang Berhormat Lipis punya perbincangan untuk Yang Berhormat Menteri menjawab sama ada secara bertulis pun boleh.

Berkaitan – tadi dibangkitkan oleh Yang Berhormat Lipis berkaitan dengan sama ada negeri akan melaksanakan penguatkuasaan ini ataupun tidak. Akan tetapi pada sayalah, bahawa beberapa pindaan yang dibuat ini sangat bertentangan dengan amalan biasa dan juga peruntukan undang-undang dan juga yang ada dalam negara kita. Contoh saya katakan, seksyen 46A ini iaitu tuan tanah pemilik petak bangunan berstrata yang meninggal tanpa waris. Kemudian hendak dikembalikan bangunan itu, petak itu kepada pihak berkuasa negeri. Saya hendak minta penjelasan daripada Yang Berhormat Lipis untuk dijadikan sebahagian daripada ucapan sayalah untuk Yang Berhormat Menteri menjawab. Sedangkan amalan yang ada ini ialah selama ini mana-mana peninggalan harta yang ditinggalkan oleh pemiliknya tanpa waris perlu dikembalikan untuk diletak hak ditadbir di bawah Amanah Raya ataupun Baitulmal.

**Seorang Ahli:** Selangor, Selangor.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Di bawah... iaitu daripada Amanah Raya dan juga Baitulmal. Akan tetapi dalam peruntukan ini ia dikembalikan kepada pihak-pihak berkuasa negeri. Jadi bagi saya satu benda yang sangat janggal. Jadi sepatutnya bagi saya bahawa peruntukan ini harus dikaji untuk diselaraskan, diletakkan seperti mana rumah ataupun harta-harta biasa yang lain diletakkan di bawah Amanah Raya ataupun Baitulmal. Itu satu.



Kedua ialah seksyen 92D, cadangan memasukkan syarat-syarat nyata mengehendkan kedalaman tanah permukaan. Ini adalah tujuan untuk pengambilan tanah bagi projek-projek MRT, LRT ataupun terowong dan sebagainya. Saya menganggap bahawa ini seolah-olah kerajaan hendak mengelak daripada bayar pampasan, hendak mengelak daripada bayar balik pampasan. Jadi ini bertentangan dengan Perlembagaan Persekutuan yang menetapkan pampasan munasabah harus diberikan kepada pemilik tanah apabila tanahnya diambil oleh kerajaan. Jadi ini harus dilihat kembali oleh pihak kerajaan.

Akhir sekalilah saya hendak minta bahawa untuk pihak kerajaan juga mempertimbangkan. Ini berkaitan dengan soal tanah wakaf. Tanah wakaf ini masih lagi diikat tidak terpisah dengan Kanun Tanah Negara. Sepatutnya sudah sampai masanya untuk di pihak kerajaan membuat satu undang-undang khusus berkenaan dengan tanah wakaf di Malaysia ini untuk mengembalikan kegemilangan institusi-institusi tanah wakaf seperti mana yang berlaku sebelum merdeka. Kita harus angkat ia lebih hebat daripada tanah-tanah biasa ini dan ini harus dipisahkan daripada Kanun Tanah Negara untuk tanah wakaf ini. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Lipis.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Pokok Sena, Yang Berhormat Shah Alam sudah tunggu dekat luar.

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis]:** Saya yang lain, yang lain sekejap lagi. Saya bagi Yang Berhormat Pokok Sena dulu. Yang Berhormat Pokok Sena ini saya serahkan kepada Yang Berhormat Menteri. Saya bersetuju dengan benda dia tanya, biar Yang Berhormat Menteri yang jawab. Oleh sebab dia bawa banyak seksyen tadi, sehinggakan seksyen berapa saya tidak ingat. Jadi saya bagi Yang Berhormat Pokok Sena kepada Yang Berhormat Menteri yang menjawabnya. Yang Berhormat Kota Tinggi sila.

**Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]:** Terima kasih Yang Berhormat Lipis. Tuan Yang di-Pertua...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, sila, sila.

**Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]:** Saya tadi tertarik dengan pencelahan daripada Yang Berhormat Sekijang bahawa Tuan Yang di-Pertua Kuala Krai tentang perlu atau tidak kita tambah kekuatan dan sebagainya. Saya ingat usaha daripada NBOS ini amat baik. Mungkin kita boleh beri *early warning* amalan awal melalui contohnya kita ada Agensi Remote Sensing. Sekarang ini sudah canggih kita boleh buat *mapping* dari atas. Dulu tidak boleh, sekarang awal kita sudah tahu kawasan diceroboh, kawasan di – yang tidak sepatutnya berlaku kegiatan aktiviti dan kawasan-kawasan talian air dapat kita kenal pasti pada peringkat awal.

Saya juga hendak ambil kesempatan sini hendak tanya pada Yang Berhormat Lipis tadi, pengalaman Yang Berhormat Lipis potong air tadi. Di Kota Tinggi pun kita pun, kita kena ada satu pembangunan yang mapan, *sustainable*. Oleh sebab kalau kita kata tidak tebang pokok, kita bagi tebang pokok ini pun bukan penyelesaian jangka panjang, ia tidak mapan. Akan tetapi kalau Kerajaan Pusat buat pembangunan besar-besaran contoh macam di Johor,

kena mapan juga sebab akhirnya apabila pertambahan industri, keperluan industri, air pun tidak cukup juga. Jadi kena ada *balance*. Jadi di situ saya lihat contoh macam Kota Tinggi apabila pembangunan yang besar di Johor Selatan, kita perlu bina satu *dam* besar. Saya hendak sampaikan di sini bahawa Kota Tinggi perlukan satu empangan baru, berkapasiti besar berjumlah RM680 juta. Saya harap Kerajaan Pusat ambil perhatian dan ini akan disalurkan kepada Johor Bahru dan akhir membantu Iskandar Rapid, sudah ada pamer.

Jadi saya hendak tanya pandangan Yang Berhormat Lipis, dengan adanya penglibatan NBOS ini sebagaimana rakan saya cakap, maka kita dapat membantu memperkasakan lagi pemantauan dan harapan saya bahawa negeri-negeri juga akan ambil *come to terms* sebab Kerajaan Pusat boleh bagi peruntukan-peruntukan tertentu tetapi akhirnya penguatkuasaan mesti kita buat secara seiring dengan kerajaan negeri. Jadi apa pandangan Yang Berhormat Lipis? Terima kasih.

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis]:** Terima kasih kepada rakan-rakan yang memberi pandangan sebentar tadi. Saya sebenarnya amat tertarik dengan apa yang rakan-rakan maklumkan tadi. Kalau Yang Berhormat Kuala Krai memperkatakan sedemikian rupa, saya sangat bersetuju sebenarnya. Saya sangat bersetuju kerana apa jua agensi yang boleh membantu kita, boleh membantu Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar kerana banyak perkara yang dilakukan ini telah banyak menjejaskan kepada kita, kepada rakyat, kepada pengguna-pengguna. Maka ini seharusnya dilakukan sedemikian rupa. Kalau hendak perkasakan SPRM, kita perkasakan. Jangan sahaja kalau dikenakan kepada BN, kita bersorak. Apabila kena pada pembangkang kita marah, tidak boleh.

Kita mesti dalam Dewan yang mulia ini bercakap kita mesti mengotakan apa yang kita kata. Oleh sebab itu SPRM kita diberikan seluas-luasnya untuk melaksanakan tugasnya. Kita tidak mahu segelintir sahaja yang disiasat. Kalau kita mengambil beberapa kes, sesetengah kes ada yang dilaksanakan dengan segera. Ada sesetengah kes yang masih terlalu *slow* untuk dilaksanakan. Rakyat masih menunggu apakah keputusan. Oleh sebab itu apa sahaja agensi yang memerlukan untuk membantu Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar, mesti kita laksanakan.

Saya bersetuju penguatkuasaan sebab itu saranan daripada rakan saya sebentar tadi, daripada Yang Berhormat Sekijang. Dia kata adakah perlu, tidak perlu menambahkan penguatkuasaan? Akan tetapi kalau tidak memerlukan penguatkuasaan, apakah kuasa yang diberikan kepada kita yang bukan datangnya daripada penguatkuasaan itu sendiri? Contohnya kalau diberikan kepada JPAM, apakah kuasa yang harus diberikan kepada JPAM? Ini juga pihak kementerian perlu memikirkan kalau hendak diserahkan kuasa itu kepada kuasa yang diberikan itu. Saya bersetuju kalau diberikan kuasa kepada JPAM. Saya diberi kuasa kepada tentera, diberikan kuasa kepada polis, kepada JPJ pun kita terima. Janji penyelesaian tentang alam sekitar dan Kanun Tanah Negara ini dapat kita laksanakan.

Oleh sebab itu yang disarankan juga oleh pihak Yang Berhormat Jerlun, saya sangat bersetuju kerana dalam kes ini, dalam hal ini, kadang-kadang ketikanya kerajaan negeri

terpaksa melepaskan sesetengah kawasan. Melepaskan untuk kegunaan pembalakan, kegunaan untuk perlombongan. Sama ada perlombongan emas atau perlombongan bijih besi, arang batu, timah, bauksit dan sebagainya terpaksa dilepaskan kerana ini juga merupakan hasil utama kepada negeri untuk membantu negeri melaksanakan tugas.

Kalau ada sesuatu perkara yang boleh kita fikirkan bagaimana kita hendak membantu kerajaan negeri itu, mungkin kawasan tadahan-tadahan itu diwartakan dan akan diberikan sumber kembali kepada kerajaan negeri. Kita bayar maknanya kepada kerajaan negeri, ada balak-balak yang persekitaran-persekitaran Taman Negara umpamanya sekarang ini dalam proses sentiasa masuk mencero boh sehingga terjejas juga Taman Negara ini. Kalau boleh kita fikirkan, kita bayar pampasan kepada kerajaan negeri. Nescaya perkara-perkara ini akan dapat kita atasi.

#### ■1650

Kita kena lakukan secara holistik. Kerajaan Negeri Pahang sendiri pun telah menyumbang terlalu banyak kepada negeri-negeri lain khususnya air kepada negeri Selangor. Ini semua kena diambil kira. Dengan kadar bayaran yang begitu kecil tetapi kita sebenarnya perlu membayar hasil-hasil ini kepada negeri-negeri yang boleh memberi sumbangan kepada Kerajaan Pusat itu sendiri.

Oleh sebab itu saya nyatakan sedemikian rupa. Pada saya, hukuman yang telah ditetapkan daripada RM100,000 ke RM500,000 ini, pada saya sangat enteng jika dipandang kepada pengusaha-pengusaha balak ini. Pengusaha balak ini kalau dapat kawasan 300 ke 400 ekar, dia boleh dapat sehingga mencecah puluhan juta ringgit. *No way, man*. Kalau dia bayar RM100,000, RM500,000—naikkan lagi. Tidak ada masalah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Lipis pernah dapatkah?

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis]:** Saya tidak pernah dapat balak. Sebatang pun tidak pernah. Yang diharap balak sendiri sahaja. *[Ketawa]* Kalau saya dapat, mungkin saya tidak bercakap. Akan tetapi sebab saya tidak dapatlah. *[Ketawa]*

Jadi ini sebenarnya yang kita perlu teliti dalam Rang Undang-undang Kanun Tanah Negara ini. Kita laksanakan. Mungkin Menteri sudah fikir pening kepala, sudah banyak hari dia fikirkan soal ini, tetapi bagaimana kita hendak selesaikan perkara ini?

Yang Berhormat Jerlun beritahu tadi satu pandangan yang cukup baik. Mungkin berlaku juga pada negeri Pahang. Itu sebab kerakusan juga berlaku, jenayah-jenayah dari segi alam sekitar ini berlaku. Tidak peduli kawasan orang kampung dan kawasan tadahan. Kita minta warta, entah bila hendak diwartakan. Sedangkan, orang kampung sendiri tidak dapat menikmati air itu.

Saya tidak tahu di Kuala Krau berlaku atau tidak. Akan tetapi di Lipis, inilah hakikat sebenarnya. Mungkin juga hakikat sebenarnya di Jerantut, sebab saya selalu tengok TV, dia keluar berita dalam TV, mengamuk dia dalam TV dan sebagainya. Saya orang ramai saja

mengamuk sebab kadang-kadang air tidak ada. Akan tetapi bila Menteri dan Timbalan Menteri bantu, selesai masalah.

Jadi, ini sebenarnya pada saya rang undang-undang ini mesti lagi diketatkan. Mungkin boleh dikeraskan lagi dari segi denda yang dikenakan sebab saya katakan pengusaha-pengusaha ini secara haram ini, dia tidak peduli pun akan masalah kepada rakyat.

**Beberapa Ahli:** *[Bangun]*

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis]:** Saya beri kepada Yang Berhormat Putatan dulu sebab Yang Berhormat Jerantut bangun lambat daripada Yang Berhormat Putatan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, sila.

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kawasan Kuala Krau ini mesti disebutkan juga sini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, sila.

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Ini kena mengena dengan dari rakyat kepada rakyat. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Lipis, kenyataan Menteri tadi apabila menghuraikan rang undang-undang ini, soal dari rakyat kepada rakyat.

Adakah Yang Berhormat Lipis sedar atau tidak, kawasan Lipis dan kawasan Kuala Krau bila saya lalu, luas lagi tanah yang terbiar? Ini saya faham, ini bidang kuasa kerajaan negeri. Ada atau tidak Yang Berhormat untuk mencadangkan meminta atau memohon Kerajaan Pusat untuk membantu kerajaan negeri untuk membangun tanah-tanah milik orang Melayu dibangunkan supaya ia memberi *economic benefit* kepada pemilik-pemilik tanah itu? Ada atau tidak cadangan Yang Berhormat Lipis untuk membantu pemilik-pemilik tanah di perkampungan-perkampungan terutama sekali di kawasan Kuala Krau dan Lipis dan saya rasa kawasan-kawasan yang lain?

Yang Berhormat Parit Sulong kawasan dia sudah terbangun. Mungkin dia... *[Disampuk]* Kampung lagikah? Termasuk Parit Sulong juga. Dia pun minta. Jadi minta penjelasan sedikit daripada Yang Berhormat Lipis.

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis]:** Terima kasih kepada Yang Berhormat Putatan.

Yang Berhormat Putatan, sebenarnya tanah terbiar ini sebab apa dia terbiar? Sebab dia tidak ada balak, dia tidak ada emas, dia tidak ada bijih besi, sebab itu ia terbiar. Orang kampung hendak usahakan, kadang-kadang dia tidak mencukupi sumber kewangan. Saya rasa, saya tidak tahu berapa kali saya bercakap dalam Parlimen supaya tanah-tanah terbiar ini dapat diusahakan sama ada bentuk bantuan daripada kerajaan ataupun agensi-agensi kerajaan boleh melaksanakan.

Kita sangat mengalu-alukan, Yang Berhormat Putatan, kepada tanah terbiar ini supaya dengan tanah terbiar ini, mereka walaupun membayar hasil yang mungkin rendah tidak berapa tinggi, Kerajaan Negeri Pahang tidak berapa naik cukai tanah dan sebagainya— air pun tidak naik daripada tahun 1982. Komitmen Menteri Besar kepada kita rakyat di negeri Pahang.

Akan tetapi dalam soal ini yang mana dinyatakan oleh Yang Berhormat Pokok Sena—tadi saya teringat Yang Berhormat Pokok Sena kata beberapa kali pindaan... Bukan Yang Berhormat Pokok Sena, Yang Berhormat Kuala Krai. Beberapa kali pindaan. Pindaan ini berlaku tahun 1966 lagi. Sudah berlaku pindaan rang undang-undang ini sebanyak 19 kali sehingga pada tahun 2008 di bawah Akta 1333.

Akan tetapi, memang benar mungkin dengan kita menaikkan denda dan sebagainya, mungkin hukuman penjara kalau kena terlalu tinggi, mungkin ini kita dapat serba sedikit menyelesaikan masalah yang telah ditimbulkan oleh peneroka-peneroka haram ini, penjenayah-penjenayah alam sekitar ini, penjenayah-penjenayah atas tanah kerajaan ini dapat kita atasi.

Saya mendengar ramai hujahan sebentar tadi. Sebenarnya hujahan rakan-rakan agak baik dan mungkin sangat baik. Saya sendiri menghadapi beberapa perkara. Akan tetapi, kadang-kadang kita tidak dapat membuktikan hujahan kita ini, kita mengatakan kerajaan tidak adil, mengambil tanah secara yang cukup rendah tetapi pada hemat saya, apa yang berlaku di dalam daerah Lipis tidak pernah pun berbunyi dari segi tentang pengambilan ini. Tidak pernah berbunyi. Ini kerana bayaran apa yang ada atas tanah itu agak baik. Mungkin tidak puas hati tetapi ia mencukupi untuk kita melakukan perkara-perkara lain. Jadi inilah sebab petingnya kita melakukan perubahan-perubahan seperti ini.

Mengikut seksyen 4(2)(a) Kanun Tanah Negara menyatakan kanun berkenaan tidak terpakai kepada masyarakat Orang Asli. Saya hendak sentuh sedikit tentang masyarakat Orang Asli. Adakah kerajaan boleh mengenakan tindakan terhadap Orang Asli yang telah menduduki tanah kerajaan secara tidak sah dan pada masa yang sama permohonan masyarakat Orang Asli ini untuk tanah yang diduduki menjadi hak milik mereka sebagai tanah adat masih lagi dalam proses penyelarasan sehingga terdapat pelbagai kes yang dibawa ke mahkamah? Ada kes pihak Orang Asli ini sendiri menang.

Maka saya minta supaya pihak berkuasa terutama Jabatan Hal Ehwal Orang Asli negeri mengkaji kembali tuntutan Orang Asli terhadap tanah adat ini. Berkenaan perlu direkod bukti sejarah asal usul Orang Asli ini, maka kita kena melihat dari segi pola perubahan amalan dan gaya hidup sosioekonomi Orang Asli ini sendiri di Semenanjung Malaysia terutama bergantung kepada tanah. Ini semua kita kena lihat bagaimanakah kanun ini kita kenakan. Kadang-kadang adakah Orang Asli ini kita pun nak denda juga?

Akan tetapi dalam soal ini juga, Orang Asli pandai bermain silap mata. Mereka ada orang *back up* di belakang. Mereka gunakan orang-orang tertentu meneroka tanah itu seolah-olah tanah itu mereka yang teroka. Ini juga perlu dilihat oleh kementerian supaya perkara ini tidak berlaku.

Sila Yang Berhormat Gerik.

**Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Lipis.

Saya amat tertarik dengan hujah Yang Berhormat Lipis tentang Orang Asli yang sebenarnya semua orang mungkin tidak boleh beri jawapan. Diharapkan Kementerian Sumber Asli melihat perkara tersebut kerana sebahagian besar penempatan Orang Asli berada bukan dalam tanah kerajaan, berada dalam hutan simpan.

Oleh sebab itu, mesti kita cari satu kaedah dan saya amat bersetuju pandangan Yang Berhormat Lipis minta Kementerian Sumber Asli melihat perkara tersebut kerana beberapa kes kawasan rayau tempat duduk Orang Asli bila berlawan ke mahkamah, mereka menang.

Pada hari ini kita punya masalah Orang Asli— sebenarnya sudah okey dalam hutan sana tetapi ada kumpulan-kumpulan cucuk mereka dengan pelbagai perkara yang memberi nama buruk kepada kerajaan sedangkan kerajaan sentiasa jaga Orang Asli dengan baik. Minta ulasan Yang Berhormat Lipis lagi.

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis]:** Terima kasih Yang Berhormat Gerik. Kalau melihat daripada susun atur pihak kerajaan, pihak Orang Asli ini sebenarnya mendapat perhatian yang cukup baik

#### ■1700

Rumah-rumah sekarang ini, rumah banglo yang dibuat oleh kerajaan, rumah sebiji-biji. Bila sebiji-sebiji, banglo. Kalau teres, baru tereslah. Kalau dua, semi-D. Maka, sekarang ini dah sebiji-sebiji, rumah banglo yang dibina oleh kerajaan. Akan tetapi dalam soal ini, kalau pihak kementerian untuk melihat dari segi siapakah di belakang mereka? Mereka ini meneroka secara besar-besaran. Berapakah Orang Asli ini dapat? Syarikat-syarikat ini besar. Mereka menggunakan Orang Asli, kononnya dalam pelan ada kawasan rayau dan sebagainya. Kalau hendak melihat senang sahaja. Rupa Orang Asli sekarang ini, dia dah tak cukup asli lagi. Cantik-cantik macam PS, Parit Sulong. [Ketawa] Putih, melepak. Jadi, itu salah satu *benchmark* dia untuk melihat mereka ini telah digunakan kerana mereka hendak mendapatkan kawasan-kawasan ini dan seharusnya kerajaan melihat dalam hal ini. Sila Yang Berhormat Sungai Siput.

**Dr. Michael Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput]:** Terima kasih Yang Berhormat Lipis. Saya nampak, saya pun ada ramai Orang Asli di kawasan saya. Di kawasan saya, saya tengok bila kita ada pembangunan pembalakan, ekonomi Orang Asli terjejas. Hasil daripada hutan, hasil daripada sungai, petai, semua terjejas oleh pembalakan. Sini pun satu masalah yang dihadapi oleh Orang Asli. Walaupun mereka duduk di situ tetapi ekonomi tradisi mereka telah mungkin kata di hancurlah oleh pembangunan yang kita telah biarkan dengan memberi lesen balak. Apa pandangan Yang Berhormat Lipis?

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis]:** Ya, Yang Berhormat Sungai Siput. Saya berterima kasih Yang Berhormat Sungai Siput bangkitkan hal ini. Oleh sebab saya katakan sedemikian rupa, kadang-kadang yang menyebabkan ini, yang saya katakan tadi. Mereka menggunakan Orang Asli ini. Satu hal juga, sebab itu penandaan ini harus dilakukan. Kalau hanya tanda dalam pelan besar, kawasan rayau Orang Asli, Orang Asli disogokkan sedikit dengan sumber-sumber kewangan, maka mereka merasakan RM2,000 - RM3,000 ini sudah cukup banyak bagi mereka. Mereka menanda tangan untuk memberikan kebenaran

kepada mereka yang hendak mengeluarkan balak, sedangkan ini yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Sungai Siput berlaku.

Oleh sebab itu juga saya, Yang Berhormat Sungai Siput, kita minta kementerian melihat dalam hal ini supaya Orang Asli tidak terbiar sedemikian rupa. Kita tak nak masyarakat Orang Asli terbiar. Kalau kita katakan mereka Orang Asli sebab dia asli. Akan tetapi keasliannya telah berubah yang macam saya katakan sebentar tadi. Kita kena lihat syarikat-syarikat ini menerokai secara bagaimana. Kelulusan bagaimana dan inilah yang saya katakan tadi, kalau kita ada kuasa boleh memberi kepada- kalau kementerian ada kuasa, boleh juga memantau kepada kerajaan negeri ini, dapat kita atasi perkara-perkara yang semua rakan-rakan di dalam Parlimen perkatakan sebentar tadi. Kita hendak perkara yang baik. Kita tidak mahu supaya ada masyarakat yang tercicir, masyarakat yang tertinggal.

Maka, sebab itu kita lakukan perubahan rang undang-undang yang baru ini. Walaupun 19 kali, sudah masuk yang ke-20 kali sejak 1966. Maka, kita hendak supaya Menteri yang sudah mengkaji sehabis baik sehinggakan mendapatkan kedoktoran dalam bidang perundangan, maka saya percaya beliau telah meneliti dalam kes ini sehabis baik supaya mendapat keputusan yang baik. Cuma saya tengok, dia denda tak cukup tinggi Yang Berhormat Menteri. Kalau boleh tinggi-tinggikan lagi dalam hal ini.

Oleh sebab itu kita hendak melihat entiti syarikat asing juga, kadang-kadang senang-senang mereka - yang dibangkitkan oleh siapa saya tak ingat tadi, Yang Berhormat dari mana? Kawasan mana? Dia kata, kadang-kadang penandaan itu diubah daripada mendapat kelulusan 100 ekar, dimintanya sesuatu pihak mengubah atau pun dia ubah sendiri, dia pakai konsultan yang boleh ubah sehinggakan tanah itu menjadi 200 ekar pedalaman tersebut, sehingga tidak di sedar oleh pihak-pihak berkuasa untuk mengatasi masalah ini. Kalau sedar pun, mungkin mereka pakai cermin mata hitam, tidak melihat tanda batu tersebut. Ini semua kena teliti. Kadang-kadang kita kena pergi *enforcement* itu satu per satu. Mungkin *team* pertama, *team* kedua orang lain, *team* ketiga orang lain supaya perkara-perkara seperti yang saya nyatakan, penyalahgunaan kuasa ini tidak akan berlaku. Oleh sebab itu keseluruhannya, untuk akhirnya keseluruhan, mesti melihat semua perkara, termasuklah penambakan laut sebagainya.

**Dr. Azman bin Ismail [Kuala Kedah]:** *[Bangun]*

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis]:** Kita kena lihat. Kadang-kadang penambakan laut ini membuat ekosistem itu telah jauh berbeza. Mungkin angin makin kuat, mungkin air laut itu sendiri makin laju. Maka, ini semua kena lihat dari segi perkara itu dan tujuan pembinaan adalah kondominium.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Kuala Kedah bangun.

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis]:** Bila kondominium, harganya mencecah sampai RM2 juta. Yang Berhormat Kuala Kedah, silakan.

**Dr. Azman bin Ismail [Kuala Kedah]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih sahabat saya, saudara saya Yang Berhormat Lipis. Saya cuma hendak minta komen sedikit.

Apakah Yang Berhormat Lipis yakin sekiranya pindaan ini semua diwartakan dan dikuatkuasakan, maka akan terelak di Pahang dari berlaku lagi perkara seperti baru-baru ini, Kuantan hampir sebahagian Pekan Kuantan menjadi merah dengan bauksit, misalannya. Apakah masalah bauksit, masalah Lynas semua itu akan berjaya diatasi, tak akan berulang lagi? Terima kasih.

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis]:** Terima kasih Yang Berhormat Kuala Kedah, rakan saya, rakan yang mengesyorkan ubat-ubatan untuk saya makan. Maka, saya berdiri dengan gagah dan kuat di Dewan ini. Kalau kesempatan Tuan Yang di-Pertua boleh bagi dalam setengah jam pun, saya rela bercakap lagi setengah jam untuk tamat pada 5.30 petang. *[Ketawa]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Akan tetapi Speaker tak dapat ubat pun. *[Ketawa]*

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis]:** Kena beli ya Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, saya ingat Yang Berhormat Kuala Kedah, tolonglah bagi sedikit, bagi *coconut oil* dan sebagainya. Salah seorang pejuang hak sewaktu berjuang untuk bagaimana tidak menaikkan *tax* kelapa sawit. Berjuang bersama-sama di Paris, di Brussel, sehinggakan membuahkan hasil, kita berjaya *tax* tidak dinaikkan di Paris dan Brussel. Itu sebagai ulasan sahaja, tak kena mengena dengan Kanun Tanah. Dia bercakap fasal had dan dipercayai oleh *Senate-senate* di *Europe* yang sawit ini mempunyai kebaikan yang tinggi dan telah diterima dengan baik oleh pihak *Senate*.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, berbalik kepada persoalan Yang Berhormat Kuala Kedah. Itu sebab saya katakan kepada pihak kementerian, kalau yang ke-20 kali perubahan rang undang-undang ini kita masih tidak menampakkan hasil, adakah, apakah cara lagi kita hendak lakukan dalam hal ini? Kita banyak berkata soal penguatkuasaan juga yang boleh menyelesaikan masalah ini dan sumbangan Kerajaan Pusat kepada kerajaan negeri supaya tidak melakukan benda-benda yang di luar batasan.

Saya takut juga Taman Negara saya pun habis nanti. Jadi, saya setujuh Yang Berhormat Kuala Kedah, supaya pelaksanaan rang undang-undang ini mesti dilaksanakan sebenar-benarnya. Kalau kawan-kawan cakap tadi pasal tidak boleh juga, maknanya adanya berlaku di sebaliknya, di atas undang-undang ini. Oleh sebab kalau kita fikir, soal dadah, hukum gantung sampai mati pun orang masih bawa dadah. Ini kan pula teroka haram, setakat sejuta dah keluar balak dan sebagainya, dah pasti mereka boleh bayar.

Jadi, terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana mengizinkan saya bercakap. Terima kasih kepada rakan-rakan yang berbahas, turut membantu memberi pandangan kepada saya. Terima kasih kepada pihak Yang Berhormat Menteri yang telah membawa usul ini. Dengan itu, saya menyokong penuh Rang Undang-undang Kanun Tanah Negara 2016. Sekian, terima kasih. *[Tepuk]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Betul-betul tepat 60 minit ya, satu jam. Ya, Yang Berhormat Sik. 30 minit Yang Berhormat Sik. *[Ketawa]*



**5.09 ptg.**

**Dr. Mansor bin Haji Abd. Rahman [Sik]:** *Assalamualaikum warrahmatullaahi wabarakaatuh.* Salam sejahtera, salam 1Malaysia. Tuan Yang di-Pertua, terima kasih panggil nama saya untuk bercakap. Tak tahulah boleh sampai setengah jam pun. Saya akan bercakap mengenai Rang Undang-undang Kanun Tanah Negara. Oleh sebab kesemuanya, ketiga-tiga rang undang-undang ini ada kaitan antara satu sama lain, jadi dalam percakapan saya, ia akan berkait juga dengan Rang Undang-undang Milik Strata dan juga Rang Undang-undang Pengambilan Tanah.

**■1710**

Pindaan-pindaan ini adalah untuk menjelaskan dan menambahbaikkan prosedur pelaksanaan pengambilan tanah bawah tanah, hartanah berstrata dan pendudukan atau penggunaan sementara tanah. Ia juga dapat menjelaskan dan menambah baik prosedur berhubung rujukan ke mahkamah oleh tuan tanah. Saya berharap bahawa prosedur rujukan mahkamah ini dapat membantu orang ramai yang masih tidak faham tentang prosedurnya. Pindaan ini juga dapat memperkemaskan peruntukan sedia ada bagi memenuhi keperluan semasa.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan seksyen 2, *schedule land* dipinda bertujuan untuk memudah cara pelaksanaan pengambilan bangunan yang di pecah bahagi atau hartanah berstrata. Pindaan seksyen 2 juga memperkenalkan takrifan baru iaitu lot yang bertujuan menjelaskan dan menambah baik prosedur pelaksanaan pengambilan tanah. Modifikasi pindaan seksyen 2 ini saya rasa lebih jelas dan perkataan lot dimasukkan untuk memudahkan prosedur seksyen tersebut. Sebagai contohnya dahulunya jikalau bangunan di pecah bahagi ramai pembeli tidak diberi keluasan tapak yang tepat. Jadi kini dengan adanya takrifan baru iaitu lot tuan-tuan tanah akan mendapat ukuran yang tepat terhadap keluasan tanahnya. Selain daripada itu pindaan ini juga memberi kebaikan dan penyelesaian masalah yang besar selama ini iaitu termasuk hak milik lot.

Pada masa sekarang pemilik lot atau unit dalam bangunan berstrata tidak dapat menjual unit mereka pada masa-masa tertentu. Jika ada sebahagian daripada pemilik lot atau unit dalam bangunan tersebut tidak membayar cukai petak. Jika ada pemilik unit tidak membayar cukai petak dalam sesuatu bangunan itu maka kesemua pemilik unit tidak dapat membuat transaksi. Undang-undang lama mensyaratkan pihak yang menjaga bangunan mengumpul dan membayar sekali gus semua cukai petak barulah transaksi dapat dilaksanakan. Pembayaran cukai petak ini biasanya dibuat dari bulan Januari hingga Jun. Jika lebih dari bulan Jun denda akan dikenakan. Dengan adanya pindaan ini setiap individu unit boleh membayar cukai dengan sendiri dan membuat transaksi unit berkenaan boleh dilakukan.

Seterusnya pindaan seksyen 3 yang mana membolehkan laporan penilaian awal penilaian swasta. Penilai swasta dapat disertakan bersama-sama permohonan. Peruntukan sedia ada hanya membenarkan laporan penilaian awal penilai kerajaan sahaja disertakan

bersama-sama permohonan itu. Cadangan pindaan ini adalah untuk memastikan proses pengambilan tanah dapat dilaksanakan dengan lebih cepat. Pindaan ini adalah untuk mempercepat prosesnya dan sekali lagi saya tekankan pindaan ini mudah dan cepat berbanding sebelum ini. Pada masa yang sama jika penilaian dibuat oleh pihak swasta kerajaan sedia untuk membayar *service* penilaian dan perkhidmatan itu. Manakala pindaan seksyen 3C adalah untuk menggantikan keahlian salah seorang Ahli Jawatankuasa Khas Pengambilan Tanah di Wilayah Persekutuan. Pindaan ini akan hanya memperkenalkan jawatan secara umum untuk memudahkan pelaksanaan sekiranya sesuatu kementerian atau agensi di struktur semula.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan seksyen 7 pula bertujuan untuk memperuntukkan keperluan suatu pelan yang menggambarkan keluasan dan kedalaman tanah bawah bagi pengambilan yang melibatkan tanah bawah tanah. Ini membolehkan baki tanah yang merupakan tanah permukaan kekal dalam pemilikan tuan tanah asal. Setakat had kedalaman yang ditetapkan dalam syarat nyata hak milik sambungan. Di sini saya ingin bertanya kepada Menteri berapakah kedalaman yang ditinggalkan sebagai hak pemilik asas. Saya menyokong pindaan ini kerana keluasan dan juga tanah bawah tanah juga diberi keutamaan dan apa-apa kedalaman di bawah had yang ditetapkan kepada tuan tanah merupakan tanah kerajaan selaras dengan peruntukan seksyen 92B(4) Kanun Tanah Negara.

Saya juga ingin mendapat penjelasan Menteri bagaimana kerajaan mengambil kira faktor-faktor keselamatan atau kesesuaian bangunan-bangunan yang akan dibina pada masa hadapan daripada segi tapak asas. Contohnya *piling* dan sebagainya jika ada rancangan pembangunan masa depan. Adakah kerajaan membuat kajian bagaimana kawasan-kawasan yang mempunyai kesan dalam fenomena bencana alam seperti gempa bumi kerana negara kita juga tidak terkecuali dan pernah mengalami bencana alam seperti sedikit gegaran yang pernah berlaku di sekitar Sabah dan Sarawak baru-baru ini.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan seksyen 9A pengambil tanah hak milik strata adalah untuk memendekkan tempoh masa dalam mendapatkan maklumat mengenai tanah daripada pihak berkuasa perancang tempatan tanpa perlu melalui Pengarah Perancang Bandar dan Desa. Saya berharap pindaan ini akan mempercepatkan proses dan tidak perlu menunggu lama untuk mendapatkan maklumat. Justeru itu saya amat sokong pindaan ini manakala sub seksyen 5A kepada seksyen ini turut diperkenalkan. Agar maklumat mengenai tanah yang diperolehi tidak perlu diambil kira sekiranya pengambilan tanah di laksana selaras dengan seksyen 37 Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976. Dalam pindaan Rang Undang-undang Hak Milik Strata terdapat satu seksyen baru ditambah iaitu seksyen 19A bagi menjelaskan bahawa siasatan dan pampasan perlu dibuat. Walaupun perakuan segera dalam Borang I dan Borang K telah dikeluarkan. Selain itu segala prosiding yang telah diambil berhubung pengambilan tanah tersebut masih lagi berkuat kuasa walaupun pampasan tidak dibuat dalam tempoh masa dua tahun seperti peruntukan dalam seksyen 8(4). Ini adalah kerana tanah yang telah diambil selaras dengan pengeluaran Borang K telah menjadi tanah kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum pindaan pada seksyen 28 yang lama pengukuran tanah sebelum dan selepas dibeli tidak diberi keutamaan seperti selepas pindaan. Bagi mereka yang menghadapi masalah perbezaan keluasan tanah sebelum dan selepas ditawarkan boleh merujuk kepada seksyen 28 dengan pindaan seksyen tersebut. Sekiranya terdapat perbezaan di antara keluasan tanah yang diambil selepas pengukuran dengan keluasan tanah yang ditawarkan tiada pewartaan baru perlu dibuat sekiranya tidak melebihi satu hektar atau 1% tanah diwartakan atau yang mana satu yang lebih luas. Sekiranya perbezaan lebih daripada kadar tersebut ia perlu diwartakan semula. Saya berharap pindaan seksyen 28 ini memudahkan prosedur berkenaan tanpa sebarang kekeliruan lagi. Manakala pindaan seksyen 29A, 32 dan 48 bertujuan untuk mengurangkan kadar caj bayaran lewat daripada 8% setahun yang dikenakan dalam peruntukan sedia ada kepada 5% setahun. Kadar 5% adalah kadar caj bayaran lewat selepas dengan kadar semasa yang digunakan oleh mahkamah pada masa kini.

Saya berharap pengurangan sebanyak 3% ini akan membantu pembeli. Walaupun 3% tidak berapa banyak tetapi dengan pindaan ini saya berharap kita patut bersyukur sekiranya transaksi itu besar 3% akan menjadi satu nilai yang besar. Pindaan seksyen 60 adalah untuk ...

**Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]:** Yang Berhormat Sik boleh hendak minta pandangan Yang Berhormat Sik. Bila dikatakan cukai lewat dikurangkan daripada 8% ke 5% ya?

**Dr. Mansor bin Haji Abd. Rahman [Sik]:** Yes.

**Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]:** Apa yang berlaku di peringkat kerajaan negeri di seluruh negara ialah cukai hasil sama ada tanah pertanian, tanah tapak bangunan dan pelbagai sentiasa naik. Kalau kita tengok rakyat merungut tahun sudah cukai pertanian pun sudah naik sehingga 100%. Apakah cadangan Kanun Tanah Negara ini boleh meringankan beban kerana kita tahu rakyat membayar cukai hasil dua kali setahun iaitu bulan pertama sehingga bulan Jun atau bulan Jun sampai bulan Disember. Minta Yang Berhormat Sik membuat pandangan macam mana.

**Dr. Mansor bin Haji Abd. Rahman [Sik]:** Di sini itulah masalah yang pembahas-pembahas sebelum ini juga membangkitkan perkara ini. Ini sebab rang undang-undang yang kita bentangkan ini ialah di peringkat pusat. Di negeri-negeri ada undang-undang yang dijalankan oleh di bawah kuasa negeri masing-masing. Jadi saya berharap kepada kementerian, Menteri dan Menteri juga telah mengumumkan bahawa sebelum ini telah berjumpa dengan Menteri Besar - Menteri Besar dan Ketua Menteri - Ketua Menteri menerangkan berkenaan dengan pindaan rang undang-undang ini. Saya berharap pada masa depan pusat dan juga negeri mestilah dapat mengambil satu tindakan supaya undang-undang di peringkat pusat dan juga di peringkat negeri dapat diselaraskan bersama.

Tuan Yang di-Pertua, dalam pindaan seksyen 60 adalah untuk membolehkan bantahan oleh pihak orang ramai.

**■1720**

Mereka yang tidak berpuas hati dengan pampasan yang diberikan dan membuat bantahan ke mahkamah dengan menggunakan peruntukan sedia ada di dalam akta ini. Prosedur ini dikemaskinikan selaras yang sedia ada bagi pengambilan tanah untuk memastikan perjalanan rujukan ke mahkamah oleh pihak orang ramai adalah teratur. Pada pandangan saya, seksyen 60 memberi keutamaan kepada pihak orang ramai dan diberi peluang untuk membuat bantahan di mahkamah di mana sebelum ini bantahan sebegini tidak diutamakan.

Dalam seksyen 69 membenarkan kaedah-kaedah dibuat berhubung dengan apa-apa perkara di bawah akta ini yang turut meliputi apa-apa borang, yuran atau deposit. Ini termasuk yuran penilaian yang baru diperkenalkan selaras dengan pindaan subseksyen 14(1). Selain itu ia dipinda bagi memberi kuasa kepada Menteri untuk menentukan kaedah bagi menetapkan borang-borang dalam Jadual Kedua selaras dengan kemajuan dan peredaran zaman persekitaran sekarang dengan menggunakan elektronik khususnya penggunaan tanda tangan secara digital.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya Rang Undang-undang Kanun Tanah Negara pula mempunyai pindaan kepada seperti yang disebut oleh Yang Berhormat Menteri, 77 seksyen sedia ada dan memperkenalkan seksyen baru. Pindaan Kanun Tanah Negara ini turut mengambil kira keperluan untuk menyediakan peruntukan yang berpadanan dengan pindaan kepada Akta Hak Milik Strata dan Akta Pengambilan Tanah. Pindaan di sini dicadangkan untuk memperjelaskan di antara perkara-perkara penting bahawa pendaftar hanya perlu memaklumkan kepada penyerah untuk mengutip dokumen di Pejabat Tanah selepas pendaftaran dan ia boleh dikenakan jika kutipan tidak dibuat dalam tempoh yang dinyatakan dan membolehkan perekodan butir-butir penyerahan dan pengesahan identiti pihak yang melaksanakan surat cara dengan menggunakan apa-apa cara yang boleh digunakan oleh pendaftar.

Pindaan ini juga memberi fokus kepada penyampaian notis kaveat persendirian yang mana mensyaratkan pengkaveatan menyatakan alamat terakhir yang diketahuinya dalam borang permohonan kaveat. Membolehkan penyampaian notis kemasukan kaveat persendirian kepada tuan punya tanah disempurnakan melalui pos biasa yang dahulu menggunakan pos surat berdaftar. Ianya juga membolehkan penyampaian notis untuk membatalkan kaveat persendirian disampaikan oleh tuan punya tanah kepada penkaveat menggunakan faks. Ada orang bertanya kenapa dilonggarkan kaedah penyampaian kos kemasukan kaveat kepada tuan punya tanah.

Tuan Yang di-Pertua, ia tidak menjejaskan kedudukan kaveat tersebut. Kaveat itu tetap akan dimasukkan ke dalam hak milik berdasarkan peruntukan sedia ada di mana tindakan pendaftar dalam permohonan kaveat persendirian adalah bersifat *administrative*. Ini selaras dengan kes Nanyang Development Sdn. Bhd. vs How Swee Poh. Cuma setelah kaveat dimasukkan, notis perlu disampaikan kepada tuan punya tanah. Maka hendaklah penyampaian notis ini dipinda kepada penyampaian secara pos biasa. Dalam peruntukan seksyen 431 sedia

ada, walaupun notis perlu disampaikan melalui pos berdaftar, penyampaian itu tidak dikira jika notis itu dikembalikan. Bermakna surat itu tidak sampai. Ini masalah.

Tuan Yang di-Pertua, dalam pindaan ini juga penggunaan sistem elektronik pentadbiran dilaksanakan. Tujuannya adalah untuk memperluaskan skop perjalanan sistem pentadbiran tanah elektronik dan mewujudkan peruntukan baru seksyen 292A yang membolehkan perintah ubahsuaian terhadap Kanun Tanah Negara dibuat oleh Menteri dengan kelulusan Majlis Tanah Negara bagi kemudahan pelaksanaan penerimaan penyerahan secara elektronik. Dengan adanya teknologi moden, saya kagum sekarang kita mampu menerima secara elektronik manakala hasil kutipan masih boleh dibuat melalui orang ataupun badan yang diluluskan oleh pihak berkuasa negeri.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Gerik bangun lagi.

**Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Sik. Secara elektronik ini sebenarnya telah dipertakakan di tiap-tiap negeri pada tahun tidak silap saya tahun 2008. Di mana kalau e-Tanah ini boleh diterima di seluruh negara, antaranya tidak silap saya kalau kita duduk Kuala Lumpur, kita boleh bayar cukai tanah untuk di negeri Perak dan di seluruh negara. Pada pandangan Yang Berhormat Sik, apakah modul yang terlibat dalam e-Tanah ini selain daripada kita bayar yang senang dan lain-lain lagi? Minta pandangan Yang Berhormat Sik.

**Dr. Mansor bin Haji Abd. Rahman [Sik]:** Saya tidak pernah jadi DO, saya tidak pernah kerja dengan pejabat tanah. Saya harap esok kah, sat lagi kah Yang Berhormat Menteri tolong jawab perkara ini. Jadi saya harap apa yang Yang Berhormat Gerik cakap itu masuk dalam ucapan saya. Ada 4 minit lagi.

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Yang Berhormat Sik.

**Dr. Mansor bin Haji Abd. Rahman [Sik]:** Saya habis sudah. Ada satu perkara.....

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Yang Berhormat Bagan Serai, Yang Berhormat Bagan Serai.

**Dr. Mansor bin Haji Abd. Rahman [Sik]:** Nanti sekejap. Okey *you*. Tolong siapa tolong tambah. Bagi habis 5.30 ya.

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih sahabat Yang Berhormat Sik. Saya hendak tanya tentang sistem pentadbiran tanah elektronik ini, e-Tanah. Adakah sistem ini telah dijalankan sebelum ini sebenarnya dan negeri mana yang mula-mula buat kalau ada dan berapa negeri yang telah buat setakat ini? Adakah benda ini akan dikembangkan ke seluruh Malaysia? Terima kasih.

**Datuk Rozman bin Isli [Labuan]:** Yang Berhormat Sik, Yang Berhormat Sik.

**Dr. Mansor bin Haji Abd. Rahman [Sik]:** Saya ingat dalam ingatan saya, saya pernah baca, kalau tidak silap sayalah, Yang Berhormat Menteri tolong perbetulkan sat lagi. Ada dua negeri yang buat. Yang pertama Penang, Penang *start* tahun berapa pun saya tidak ingat. Yang kedua Melaka. Melaka pun saya ingat *start* tahun berapa.

**Seorang Ahli:** *[Menyampuk]*

**Dr. Mansor bin Haji Abd. Rahman [Sik]:** Negeri Sembilan. Makna tiga lah. Baling, tidak ada lagi, Baling dalam Kedah. Okey, jadi kan ada apabila tengok sistem ini beberapa tahun yang lepas, perkembangannya tidak begitu menggalakkan. Jadi orang kompelin sistem ini, pejabat tanah sistem elektronik ini tidak begitu efisien. Jadi sekarang saya dapat maklumat bahawa di negeri Melaka, sistem elektronik ini sudah diperbaiki dan makin jadi elok. Okey, Tuan Yang di-Pertua saya hendak...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Labuan bangun.

**Dr. Mansor bin Haji Abd. Rahman [Sik]:** Ada lagi kah.

**Datuk Rozman bin Isli [Labuan]:** Saya tolong habiskan yang dua minit *last*. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya pun sentuh mengenai pentadbiran secara elektronik. Adakah Yang Berhormat Sik setuju sebenarnya negara kita memang pun sudah memantapkan pentadbiran dan juga semualah sistem di semua aspek di semua kementerian. Jadi di kementerian ataupun pentadbiran tanah ini sebenarnya lagi penting sebab pembangunan negara menjadi bertambah pesat dan persaingan menjadi bertambah hebat. Kita mahu negara kita menjadi negara yang mempunyai daya saing yang tinggi dan apa pun pembangunan ekonomi sebenarnya banyak memerlukan pentadbiran tanah yang lebih efisien dan sudah tentu teknologi pengkomputeran elektronik ini adalah satu teknologi yang boleh melonjakkan keberkesanan pentadbiran tanah itu sendiri dan untuk kita membangunkan e-Tanah, dia memerlukan masa. Jadi memang patut kita kena mula secepat yang boleh dan dengan...

**Dr. Mansor bin Haji Abd. Rahman [Sik]:** Jangan habis, bagi *chance* dekat saya sedikit.

**Beberapa Ahli:** *[Ketawa]*

**Datuk Rozman bin Isli [Labuan]:** Jadi okey, Yang Berhormat Sik setuju tidak supaya portal elektronik ini diperluaskan di seluruh negara dan saya juga ingin mengambil kesempatan ini sebenarnya Labuan ini adalah di antara kawasan yang boleh di *implement* dengan lebih senang sebab Persekutuan...

**Dr. Mansor bin Haji Abd. Rahman [Sik]:** Panjang lagi, banyaknya isu.

**Datuk Rozman bin Isli [Labuan]:** ...Kerajaan Persekutuan dapat melaksanakan secara terus. Tadi saya dengar banyak juga kerisauan dari segi penimbunan tanah, dari segi penebangan hutan dan sebagainya. Akan tetapi adakah Yang Berhormat Sik setuju di sesetengah tempat sebenarnya penimbunan tanah itu adalah penting supaya pembangunan dapat berjalan dengan baik dan kita dapat *preserve* kehijauan. Sebagai contoh Labuan, Labuan ini kecil....

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Yang Berhormat Sik demam.

**Datuk Rozman bin Isli [Labuan]:** ...Kawasan hijau itu pun tidak banyak, kalau pembangunan kita buat, kalau kita tidak dibenarkan menimbus tanah maka kita terpaksa

bangunkan di tempat yang sedang hijau sekarang. Kita terpaksa potong pokok. Jadi setuju tidak Yang Berhormat Sik supaya....

**Dr. Mansor bin Haji Abd. Rahman [Sik]:** Tuan Yang di-Pertua, lain kali jangan bagi dekat Yang Berhormat Labuan ini.

**Datuk Rozman bin Isli [Labuan]:** Setuju tidak Yang Berhormat Sik.

**Dr. Mansor bin Haji Abd. Rahman [Sik]:** Okey, saya setuju. Semua itu saya setuju. Masuk dalam ucapan saya dan saya *last* sekali, akhir sekali..

**Datuk Rozman bin Isli [Labuan]:** Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Sik, kita sambung esok ya.

**Dr. Mansor bin Haji Abd. Rahman [Sik]:** Sikit, sikit. Saya sambung esok?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya.

**Dr. Mansor bin Haji Abd. Rahman [Sik]:** Boleh.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat hendak sambung esok?

**Dr. Mansor bin Haji Abd. Rahman [Sik]:** Yes.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Okey. Boleh Yang Berhormat Sik, kita sambung esok ya.

**Dr. Mansor bin Haji Abd. Rahman [Sik]:** Sambung esok sikit.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Sambung esok ya.

**Dr. Mansor bin Haji Abd. Rahman [Sik]:** Okey.

**Datuk Rozman bin Isli [Labuan]:** *You* kena terima kasih pada saya fasal bagi *chance* lagi esok.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Baiklah Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat Dewan hari ini ditangguhkan sehingga jam 10.00 pagi hari Rabu, 25 Mei 2016.

**[Dewan ditangguhkan pada pukul 5.32 petang]**